Pemuda Muslim Dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini

Abdullah Nasih Ulwan

Kandungan

Sepatah Kata Dari Penterjemah

Segala pujian bagi Allah yang telah memberikan nikmat Islam dan Iman kepada kita semua. Nikmat yang telah disempurnakan oleh Allah pada hari haji perpisahan dengan firmanNya:

اليوم أكملت لكم دينكم و أتممت عليكم نعمتى ورضيت لكم الاسلام دينا

Maksudnya: Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu serta Aku telah redhakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.

(Al Maa'idah: 3)

Selawat dan salam ke atas penyeru umat manusia sejagat yang telah menyelamatkan manusia daripada perhambaan sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah Yang Maha Esa, daripada kedurjanaan agama-agama lain kepada keadilan Islam dan telah menyelamatkan mereka daripada kesempitan dunia kepada keluasan akhirat. Doa kejayaan dan pertolongan Allah kepada para mujahidin yang akan, sedang dan telah berjuang dengan harta, tenaga dan jiwa raga mereka di dalam menegakkan agama Allah di atas muka bumi ini.

Begitu juga saya berdoa supaya Allah memberikan taufiqNya di dalam usaha kita mengembalikan semula kehidupan generasi sahabat Rasulallah s.a.w yang ulung pada satu ketika dahulu.

Kepada saudara-saudaraku di jalan Allah para pemuda dan pemudi!
Saya paparkan kepada kalian buku yang bertajuk `Pemuda Muslim Dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini' yang membincangkan beberapa realiti yang sedang kita hadapi di dalam kehidupan hari ini sebagai pemegang amanah Islam di atas muka bumi ini. Kita merupakan tunggak kepada masyarakat dan negara. Apabila generasi kita rosak, maka akan rosaklah masyarakat dan negara kita. Oleh itu kita dapat lihat melalui suasana sekeliling dan juga melalui buku yang saya bentangkan ini bahawa musuh-musuh Islam sentiasa menumpukan perhatian dan serangan mereka terhadap golongan peringkat kita ini.

Saudara-saudariku di dalam Islam,
Semenjak kita berada di pusat asuhan kanak-kanak sehingga menjejakkan kaki ke menara gading, kita sentiasa di suntik dengan racun-racun yang berbisa oleh musuh-musuh Islam samada dari dalam atau luar negeri. Kita sentiasa didedahkan dengan perlakuan Barat dan kita digalakkan supaya bergerak bersama arus kebaratan yang telah merosakkan akidah dan juga akhlak perlakuan umat Islam. Kita sentiasa disuapkan dengan dasar-dasar pelajaran, ideologi-ideologi dan juga kemajuan yang sedang dinikmati oleh Barat .

Tidak hairanlah wahai saudara-saudariku, jika kita lihat sebahagian besar daripada lapisan para pemuda dan pemudi terjunam ke lembah kerosakan dan ketandusan akhlak yang mulia, selain daripada kekontangan akidah Islam yang menjamin kebahagian di dunia dan akhirat. Mereka lari daripada cara hidup Islam. Bahkan yang lebih menyedihkan lagi, mereka mengeji dan memperolok-olokkan cara hidup Islam dan orang yang beramal dengannya.

Kita tidak menyalahkan nereka seratus-peratus. Ini adalah kerana kadang-kadang mereka yang rosak itu disebabkan ketiadaan orang yang membimbing mereka ke jalan Islam yang sebenar. Mereka hanya mengenali Islam ketika di bilik-bilik darjah semasa di alam persekolahan dahulu.

Untuk itu saya berusaha menterjemah dan membentangkan buku ini kepada saudara dan saudari supaya ianya menjadi tatapan dan bahan ilmiah di dalam usaha kita membina keperibadian Islam dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam serta mencapai cita-cita menegakkan sebuah negara yang mengibarkan bendera Islam dan melaungkan slogan jihad demi membebaskan manusia daripada kepekatan alam jahiliah kepada kejernihan alam Islami yang agung.

Untuk pengetahuan saudara-saudariku para pemuda pemudi, buku ini membincangkan lima cabaran yang sedang kita hadapi pada hari ini. Untuk keluaran bahagian pertama, kita hanya akan menyebut tiga cabaran yang pertama sahaja iaitu cabaran syaitan dan hawa nafsu, cabaran serangan pemikiran dan cabaran keruntuhan akhlak. Manakala bahagian kedua buku ini yang membincangkan dua cabaran lagi iaitu cabaran kerajaan sekular dan cabaran lemah semangat bekerja untuk Islam, kita akan cuba kemukakan kepada saudara-saudari pada keluaran akan datang. Al HamdulilLah, usaha tersebut sedang berjalan.

Semoga Allah menjadikan usaha yang sedikit ini ikhlas keranaNya. Semoga ianya menjadi sumbangan kepada kesedaran dan kebangkitan para pemuda-pemudi ke arah melaksanakan sistem hidup Islam di dalam kehidupan mereka. Akhirnya saya mengucapkan terimakasih kepada rakan-rakan yang telah membantu saya di dalam menghasilkan sebuah buku terjemahan yang serba kekurangan ini. Di samping itu saya tidak menafikan kekurangan dan kesilapan yang tidak disengajakan mungkin berlaku. Kepada semua diharap dapat memberi teguran yang membina supaya kita semua dapat mengambil manfaat dan pengajaran. Kepada Allah saya memohon keampunan. Sesungguhnya segala kesempurnaan itu hanyalah milikMu ya Allah...

Hanya kepada Allah kita meminta pertolongan dan hanya kepadaNyalah kita bertawakkal.

Penterjemah

Muqaddimah Penulis

Segala pujian bagi Allah, Tuhan Sekelian Alam. Salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan semua para sahabat baginda. Begitu juga ke atas para duat di jalan Allah sehingga hari kiamat.

Ketika saya pergi ke London pada tahun 1403H untuk menjalani rawatan terhadap penyakit yang saya hidapi, saya sempat menziarahi perkhemahan musim panas bersama-sama dengan Pengetua 'Dar Ar Ri'ayah Al Islamiah', Doktor Mahmud Al Khoni (semoga Allah memeliharanya) yang telah memberikan perhatiannya kepada saya bermula dari ketibaan saya di sana sehingga saat kepulangan... Semoga Allah memberikan balasan terhadap jasa-jasanya kepada saya dan kepada muslimin dengan sebaik-baik balasan dan memeliharanya untuk terus melakukan kerja-kerja Islam serta mengangkat kedudukannya di dunia dan akhirat.

Sebaik sahaja kami tiba di perkhemahan tersebut dengan diiringi oleh beliau, kami telah disambut oleh rakan-rakan seperjuangan -semoga Allah memberkati mereka- dengan suasana yang meriah dan penuh penghormatan. Setelah kami berehat sebentar di tempat khas yang disediakan untuk tetamu, saya telah diminta oleh orang yang bertanggungjawab terhadap perkhemahan tersebut untuk menyampaikan ceramah kepada para pemuda yang bilangannya melebihi tiga ratus orang, yang datang dari segenap pelusuk. Tetapi Al Akh Doktor Al Khoni telah meminta keuzuran bagi pihak saya memandangkan keadaan kesihatan saya yang tidak mengizinkan dan pada keesokan harinya saya akan dimasukkan ke hospital untuk kali kedua. Pada mulanya Al Akh yang bertanggungjawab terhadap perkhemahan telah berpuashati, tetapi apabila para pemuda mengetahui tentang kehadiran saya, mereka telah merayu supaya saya membuat penyampaian untuk mereka walaupun seketika untuk membolehkan mereka berkenalan dengan diri saya yang lemah ini dengan lebih dekat lagi. Juga untuk mendengar daripada saya perkara-perkara yang memberi manfaat kepada agama dan dunia mereka.

Berdasarkan permintaan tersebut, saya dan Al Akh Doktor Al Khoni memberi persetujuan. Beliau berharap supaya saya tidak emosional dan tidak memaksa diri ketika menyampaikan ceramah memandangkan keadaan diri dan kesihatan saya ketika itu. Saya berjanji untuk cuba menepati nasihatnya.

* * *

Setengah jam sebelum ceramah dimulakan, saya bertanya kepada orang yang bertangungjawab terhadap ceramah di perkhemahan tersebut tentang tajuk yang munasabah dengan tema perkhemahan dan permasalahan pemuda. Beliau menjelaskan bahawa tema perkhemahan ialah 'Dakwah Islamiah dan Cabaran Masa Kini'. Oleh itu, yang paling sesuai ialah -sebagaimana yang dikatakan oleh beliau- tajuk yang bertepatan dengan konsep dan tujuan tema perkhemahan. Beliau meminta saya memikirkan seketika untuk menentukan tajuk yang diiklankan ketika bermulanya ceramah. saya terus mengambil sehelai kertas untuk mencatat tajuk dan isi-isi penting yang berhubung kait dengan tajuk ceramah. Setelah berfikir sebentar, Allah mengilhamkan kepada saya tajuk ceramah ialah:

`Pemuda-pemudi muslim dalam menghadapi cabaran'. Saya bersyukur kepada Allah kerana tajuk ini adalah bertepatan dengan tema perkhemahan dan sesuai dengan keperluan para pemuda... dan saya terus mencatat topik itu pada kertas beserta isi-isinya sekali... semuanya ini dapat saya siapkan lebih kurang lima minit sebelum bermulanya ceramah.

* * *

Sebenarnya, sebelum memulakan ceramah, saya rasa gementar kerana bimbang tidak dapat menepati kehendak tajuk ceramah disebabkan kesihatan dan jemputan tersebut adalah secara bidan terjun. Tetapi Allah telah memberikan taufik dan pertolonganNya... Bahkan buah fikiran dan idea-idea telah datang mencurah-curah di mana saya tidak pernah menyangkanya sebelum ini dan saya merasakan bahawa saya berada dalam keadaan sihat dan segar. Bahkan saya merasakan seolah-olah saya adalah seorang panglima perang yang sedang menggoncang hati dan perasaan tentera dengan tutur katanya.

Ceramah tersebut memakan masa lebih dari satu jam. Di dalam ceramah itu saya telah membincangkan cabaran-cabaran terpenting yang dihadapi oleh pemuda-pemuda Islam di dalam masyarakat Islam di zaman kelemahan dan kesesatan ini. Ia mengandungi lima isi-isi utama yang telah saya sentuh dan saya kupaskan secara panjang lebar berdasarkan keluangan waktu yang ada. Isi-isi tersebut ialah seperti berikut;
1. Cabaran syaitan dan hawa nafsu.
2. Cabaran serangan pemikiran.
3. Cabaran keruntuhan akhlaq.
4. Cabaran kerajaan sekular.
5. Cabaran putus asa dalam kerja Islam.

Saya bukan sahaja membentangkan cabaran-cabaran, dalil-dalil yang membuktikannya dan kejinya perancangan-perancangan yang berkaitan dengannya, tetapi saya juga telah mencadangkan penyelesaian yang positif ketika berhadapan dengannya. Dengan berkat dan kelebihan dari Allah Taala, ceramah ini telah menepati tema perkhemahan dan sesuai dengan keperluan para pemuda.

Selepas selesai menjawab persoalan yang di kemukakan oleh hadirin... saya meminta kepada semua pemuda-pemuda yang hadir agar mendoakan agar saya disembuhkan oleh Allah... sambil menyatakan kepada mereka bahawa saya akan dimasukkan ke hospital pada keesokan harinya untuk menjalani pembedahan. Mereka semua telah mendoakan untuk sayadengan doa yang khusyuk dan permintaan yang ikhlas kepada Allah. Dengan itu Allah telah memperkenankan doa dan permintaan mereka. Al HamdulilLah, saya telah keluar daripada hospital dan Allah telah menganugerahkan kesihatan kepada saya setelah menanggung sakit dalam tempoh yang lama. Kepada Allahlah segala kesyukuran dari awal hingga akhirnya.

* * *

Selesai sahaja ceramah, sebahagian dari pemuda mengerumuniku. Mereka meminta supaya ceramah tadi dibukukan, dicetak, dan diedarkan kepada pemuda-pemuda muslim di setiap tempat agar manfaatnya dapat dirasai oleh mereka semua dan bagi mereka yang berkepentingan dapat mengambil faedah daripada tajuk-tajuk yang dibincangkan... Saya berterima kasih kepada mereka di atas kepercayaan yang tinggi dan perhatian yang serius serta berjanji akan melaksanakan cadangan mereka secepat mungkin.

Sebaik sahaja saya kembali ke tempat kerja iaitu rumah saya di Jeddah, dengan pertolongan Allah saya terus berusaha membukukan segala buah fikiran, permasalahan dan jalan penyelesaian yang telah saya sampaikan di dalam ceramah... Tetapi ketika menulis, saya telah mendapat buah fikiran, idea-idea, dalil-dalil dan jalan-jalan penyelesaian yang baru. Bahkan buah fikiran tentangnya datang mencurah-curah kepadaku. Saya menyangka tajuk 'Pemuda Muslim Dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini' ini paling banyak tidak akan melebihi seratus mukasurat.. Tetapi fasal cabaran kerajaan sekular di negara Islam sahaja telah mengambil ruang yang banyak sehingga memenuhi hampir setengah daripada buku ini.

* * *

Kemungkinan ada yang bertanya; "Mengapa pengarang terlalu membincangkan mengenai cabaran kerajaan sekular dan jalan penyelesaiannya dengan panjang lebar.?"

Jawapannya ialah, kerana cabaran kerajaan sekular yang berfahaman tidak beragama adalah berkait rapat dengan kesedaran dan kebangkitan Islam yang telah menular ke seluruh masyarakat Islam di Barat dan juga Timur. Oleh itu semestinya kita meninjau perkembangan sekular; Apakah matlamat para sekularis yang melaung-melaungkan syiar mereka? Bagaimanakah ia memasuki negara-negara Islam? Apakah wasilah-wasilah terpenting mereka untuk mensekularkan umat Islam? Mengapa para pemerintah Islam amat memberi perhatian dan membelainya? Dan apakah sikap positif yang perlu di ambil oleh pemuda ketika berhadapan dengannya?.

Saya berpendapat semuanya itu perlu disebut dan dibincangkan dengan panjang lebar, sehingga para pemuda kita dapat mengetahui bahaya sekularisma, mengetahui perubahan-perubahan yang mereka kehendaki yang meliputi sudut-sudut akidah, akhlak, sosial dan politik di dalam negara Islam. Semuga mereka melaksanakan peranan mereka menentang, melemahkan kekuatan, menhapuskan bahaya dan ancaman sekularisma ini. Moga-moga mereka berazam dan melakukan semua ini bersungguh-sungguh dengan izin Allah.

* * *

Tetapi bagaimanakah mereka hendak menentang dan melemahkan kekuatan sekularisma ini?
Adakah mereka menentangnya dengan membabi buta tanpa persediaan?
Adakah mereka mampu melakukannya dengan hanya beberapa kerat pemuda yang berani berjihad dan berkorban apa saja?
Semua persoalan ini telah kami jawab. Di samping itu kami telah menjelaskan jalan-jalan penyelesaian yang positif di dalam usaha menentang kerajaan sekular dalam bentuk yang sesuai dengan realiti dan logik yang ada serta menepati sunnah dan sebab-sebab kemenangan menurut pandangan Islam.

Tidak ragu lagi apabila para pemuda Islam yang telah memainkan peranan di tengah-tengah medan kesedaran Islam dan bilangan mereka telah berlipat ganda di negara-negara Islam di setiap tempat mengetahui manhaj amal yang perlu diikuti, mengetahui marhalah yang tersusun rapi yang mana berdasarkan marhalah-marhalah ini mereka bekerja dan maju ke hadapan setapak demi setapak... maka sesungguhnya dengan izin Allah kemenangan

akan menyebelahi mereka dan mereka akan berjaya menegakkan hukum Allah di atas muka bumi ini.

Ketika para pemuda muslim membaca mengenai jalan-jalan penyelesaian positif ketika berhadapan dengan kerajaan sekular, mereka akan mendapati padanya terdapat manhaj amal yang jelas dan langkah-langkah yang detail dan tersusun yang mana tidak ada sebab untuk berlaku kekaburan dan keraguan.

Untuk menjelaskan semua ini, maka fasal cabaran kerajaan sekular telah mengambil ruang yang lebih dari fasal-fasal yang lain di dalam buku ini. Ini adalah kerana kepentingannya dan ia mempunyai hubung kait yang rapat dengan realiti muslimin dan kesedaran Islam yang telah tersebar luas ke seluruh alam.

* * *

Kepada Allah saya memohon agar menjadikan amal ini ikhlas keranaNya dan semoga para pemuda muslim akan menjumpai keperluan mereka yang berharga di dalam buku ini... untuk menghadapi semua cabaran-cabaran semasa. Allah akan sentiasa bersama mereka selagi mana mereka bekerja kerana Allah dan di jalan Allah... selagi mana mereka tidak mengabaikan sunnah-sunnah kemenangan yang telah digariskan oleh Islam... selagi mana mereka berjalan di atas jalan pembinaan dan perubahan dengan hikmah, berfikir, sentiasa membuat persediaan dan bersesuaian dengan realiti. Allah tidak akan mensia-siakan amalan baik yang mereka lakukan.

Akhirnya, segala pujian itu hanyalah bagi Allah Tuhan Sekelian Alam.

Pengarang
Dr. Abdullah Nasih 'Ulwan.

Pendahuluan

Semenjak runtuhnya Khilafah Islamiah dan hilangnya perundangan Islam dari kehidupan umat Islam, kuasa-kuasa luar dan dalam, di peringkat antarabangsa dan tempatan telah bergerak melakukan kerja siang malam untuk satu tujuan; tujuan yang keji dan hina iaitu meruntuhkan akidah Islam dari hati-hati generasi muslim. Begitu juga untuk memadamkan ruh jihad di jalan Allah yang ada di dalam perasaan dan diri mereka. Sehingga generasi tersebut -pemuda dan pemudi, lelaki dan perempuan- berubah dari beriman dengan penuh keyakinan kepada keraguan, dari beramal kepada tawakkul, dari berakhlak kepada penyelewengan. Negara Islam menjadi makanan yang terhidang bagi pelahap.

Kuasa-kuasa yang bergerak dengan berganding bahu ini terdiri dari lima golongan:

1. Kristian dan penjajahan.
2. Komunis antarabangsa.
3. Zionis.
4. Salibiah.
5. Agen-agen.

Setiap satu dari kuasa ini mempunyai perancangan, penyusunan, uslub dan wasilah yang tersendiri di dalam usaha merosakkan generasi muslim dan menghancurkan pemuda-pemudinya, seterusnya mengongkong negara-negara Islam.

Kuasa-kuasa ini telah berjaya mencapai matlamatnya di kebanyakan negara Islam. Ia mempunyai agen-agen yang berada di negara Islam itu sendiri untuk meneruskan usaha dan melaksanakan segala perancangannya. Generasi Islam pula (alangkah sedihnya) telah dihanyutkan oleh hawa nafsu, ditenggelamkan oleh arus perubahan zaman dan tunduk patuh kepada sistem kerajaan yang berusaha meruntuhkan, menimbulkan keraguan dan mengembangkan fahaman tidak berakhlaknya.

Oleh itu, pemuda-pemudi Islam hari ini hendaklah mengetahui perancangan-perancangan ini dan cara mengatasinya. Apabila mereka telah betul-betul faham, sedar, mempunyai persediaan dan pembentukan, mereka akan berdepan dengan perancangan-perancangan tersebut bagaikan singa lapar; mempertahankan dan menentang, bekerja dan berjihad sehingga Allah menganugerahkan kemenangan kepada agama ini, kemuliaan kepada umat ini serta kekuatan dan kekuasaan kepada negara Islam dan memberikan hidayah serta kebaikan kepada manusia sejagat.

Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pemuda-pemudi Islam hari ini? Apakah jalan penyelesaian yang perlu diambil untuk mengatasi cabaran ini? Apakah peranan mereka di dalam membina sebuah masyarakat Islam yang mulia? Semua jawapan ini akan kita dapati di dalam buku `Pemuda Muslim Dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini'. Semoga pemuda-pemudi Islam akan nampak bagaimana cara menghadapi serangan musuh Islam terhadap pemikiran manusia, akidah rabbani dan umat Islam. Mudah-mudahan mereka akan menghadapi cabaran ini dengan sikap yang tegas dan cara penyelesaian yang bijak serta amalan yang berterusan. Semoga mereka memainkan peranan penting di dalam mengembalikan kemuliaan umat Islam yang telah luput dan berjaya mendirikan daulah Islamiah.

*   *   *

Sebelum saya membincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pemuda-pemudi hari ini dan penyelesaiannya, eloklah kiranya saya memperkatakan secara ringkas tentang pembinaan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w terhadap pemuda, juga pembentukan dan persediaan di dalam menghadapi cabaran-cabaran ini. Tidakkah para sahabat Rasulullah s.a.w kebanyakannya adalah pemuda? Saya memperkatakan perkara ini supaya kamu mengetahui -wahai para pemuda- sejauh manakah perhatian yang diberikan oleh baginda terhadap pemuda dan ketelitiannya serta prihatin baginda s.a.w di dalam membentuk dan mempersiapkan mereka... sehingga mereka mampu menghadapi segala cabaran yang mendatang dengan keimanan, kesabaran dan keteguhan iman... Dan sehingga mereka bangun memainkan peranan menyampaikan risalah Islam ke seluruh alam buana dan mendirikan kerajaan Allah di atas muka bumi ini.

Para Sahabat Nabi Adalah Pemuda

Pembinaan Rasulullah s.a.w terhadap pemuda dan menyediakan diri mereka untuk mengharungi kehidupan.

Kepada kamu -wahai pemuda-, saya kemukakan beberapa pesanan Rasulullah s.a.w mengenai persediaan ini agar kamu mengetahui bagaimana cara pembinaan yang dilakukan.

Di dalam menyediakan pemuda supaya mentaati Allah, mengabdikan diri kepadaNya dan menjauhi segala perkara yang dilarang... Rasulullah s.a.w telah bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

سبعة يظلهم الله يوم لا ظل الا ظله ...وعدد منها : شاب نشأ فى عبادة الله

Maksudnya: *Tujuh golongan yang akan dilindungi oleh Allah di hari yang tidak ada perlindungan kecuali perlindunganNya... pemuda yang hidup di dalam keadaan memperhambakan diri kepada Allah.*

Di dalam menyeru pemuda supaya mengambil segala kesempatan untuk membentuk peribadi mereka samada dari sudut rohani, jiwa, jasmani, mental dan akhlak... baginda bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al Hakim:

اغتنم خمسا قبل خمس: حيا تك قبل موتك وصحتك قبل سقمك وفراغك قبل شغلك وشبابك قبل هرمك وغناك قبل فقرك

Maksudnya: *Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara, hidupmu sebelum matimu, sihatmu sebelum sakitmu, masa lapangmu sebelum masa sibukmu, mudamu sebelum tuamu dan kayamu sebelum miskinmu.*

Di dalam memelihara jiwa pemuda daripada terpesong, terseleweng dan menjaga kesuciannya dengan berkahwin seperti yang telah di syariatkan oleh Allah kepada umat Islam... Baginda s.a.w telah bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Jamaah:

يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فانه اغض للبصر واحصن للفرج

Maksudnya: *Wahai para pemuda, sesiapa dari kalangan kamu yang mampu untuk berkahwin, hendaklah dia berkahwin kerana ia dapat menjaga pandangan dan memelihara kemaluan.*

Di dalam memuhasabah tanggungjawab pemuda di hadapan Allah s.w.t di akhirat kelak... baginda bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tarmizi:

لاتزول قد ما عبد يوم القيامة حتى يسأل عن أربع :عن عمره فيما أفناه وعن شبابه فيما أبلاه وعن ماله من اين اكتسبه وفيما انفقه وعن علمه ما عمل فيه

Maksudnya: *Tidak melangkah seorang hamba pada hari akhirat kelak sehingga dia ditanya tentang umurnya pada apa yang telah dihabiskannya, masa mudanya pada apa yang telah dipenuhkannya, hartanya dari mana dia mendapatinya dan ke mana dia membelanjakannya dan ilmunya apakah yang telah dilakukan dengannya.*

Di dalam istiqamah pemuda di atas manhaj Islam dan berterusan di dalam ketaqwaan kepada Allah... baginda s.a.w telah bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Ya'la:

ان الله ليعجب من الشباب الذى ليس له صبوة

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah sangat kagum pada pemuda yang tidak ada baginya masa muda (untuk bergembira dan bersuka-suka kerana masa mudanya dipenuhi dengan beribadat kepada Allah).*

Di dalam wasiat Rasulullah s.a.w kepada Umat Islam supaya menjaga pemuda dan menjelaskan tentang kelebihan mereka berbanding dengan orang-orang tua... baginda s.a.w bersabda:

أوصيكم باالشباب خيرا فانهم أرق أفئدة لقد بعثنى الله بالحنفية السمحة فحالفنى الشباب وخالفنى الشيوخ

Maksudnya: *Aku berpesan kepada kamu supaya berbuat baik kepada pemuda, sesungguhnya hati mereka paling lembut. Sesungguhnya Allah telah mengutus aku membawa agama Hanafiah lalu para pemuda bergabung dengan aku dan orang-orang tua menentang aku.*

Itulah asas-asas terpenting kepada pembinaan peribadi pemuda dan masyarakat. Tidak syak lagi bahawa matlamat daripada pembinaan dan persediaan ini adalah supaya pemuda terbentuk dengan pembentukan yang sempurna dari aspek rohani, akhlak, mental, jasmani dan jiwa... serta seluruh aspek yang menyempurnakan keperibadian mereka.

Dengan pembentukan ini para pemuda akan lebih berkemampuan untuk menghadapi berbagai cabaran, melaksanakan tanggungjawab dan berpegang teguh dengan dasar-dasar Islam. Mereka tidak akan terseleweng, merasa lemah, terpesong bersama bawaan angin fitnah, menyerah kalah kepada tipu daya kefasadan, berputus asa dan lemah semangat. Begitu juga mereka tidak akan tergelincir ke dalam lubang keruntuhan dan penyelewengan.

Begitulah, pemuda muslim akan kekal sebagai seorang yang sihat, teguh, beriman, berjihad menyampaikan risalah Islam, menunaikan amanah dan bekerja untuk Islam... sehingga dia dimatikan oleh Allah dalam keadaan yang mulia atau dia mengadap Tuhannya sebagai seorang syuhada'.

Memang benar mereka adalah pemuda. Pemuda yang sedang mengecapi nikmat kemudaannya, menjauhkan diri dari kejahatan mata, lari daripada kebatilan kaki-kaki mereka, beribadah ('abid) di waktu malam dan pejuang di siang hari. Mereka berjihad di jalan Allah dan tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Mereka diutuskan oleh Allah untuk mengeluarkan manusia daripada perhambaan diri sesama manusia kepada perhambaan diri kepada Allah, Tuhan sekelian alam dan daripada kesempitan dunia kepada keluasannya, daripada kedurjanaan agama-agama yang lain kepada keadilan Islam. Adakah kamu mengetahui -wahai para pemuda- panji-panji Islam tidak akan dapat ditegakkan di dalam jiwa manusia sejagat, kekuasaannya tidak akan meluas ke seluruh pelusuk bumi dan dakwahnya tidak akan tersebar ke seluruh alam kecuali melalui tangan-tangan pemuda yang telah ditarbiah di madrasah Rasulullah s.a.w dan keluar daripada intitusi yang lengkap itu?!!

Rasulullah s.a.w, ketika wahyu di turunkan kepada baginda, umurnya baru menjangkau empat puluh tahun. Ia merupakan peringkat kesempurnaan pemuda. Abu Bakar lebih muda

daripada baginda s.a.w sebanyak tiga tahun. Umar bin al-Khattab, ketika memeluk Islam berumur dua puluh tujuh tahun. Usman bin Affan lebih muda daripada Rasulullah s.a.w. manakala Ali pula adalah yang termuda di kalangan mereka semua. Begitu juga Abdullah bin Mas'ud, Said bin Zaid, Abdul Rahman bin Auf, Bilal bin Rabah, Mus'ab bin 'Umair dan berpuluh-puluh bahkan beratus-ratus lagi dari kalangan para sahabat semuanya adalah pemuda.

Para pemuda generasi pertama dan orang-orang yang mengikut jejak langkah mereka adalah orang-orang yang telah menjulang bendera "dakwah kepada Allah" dan pengibar panji-panji jihad... lalu Allah memberikan kemenangan yang besar dan tertegaknya daulah Islamiah melalui tangan mereka. Kamu semua mengetahui -wahai pemuda-, bahawa tewasnya dua kerajaan besar dan kuat iaitu Rom dan Parsi, begitu juga tunduknya Syam, Mesir, Iraq, Tripoli dan Utara Afrika di bawah keadilan Islam adalah melalui tangan para pemuda. Semuanya ini sempurna dalam tempoh masa 35 tahun di zaman pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin.

Pada tahun-tahun berikutnya kerajaan Islam telah meluas dan kekuasaan mereka tersebar hingga sampai ke Sind, sebahagian besar India, Turkistan dan sehingga ke sempadan China di Timur. Ia juga telah memasuki Sepanyol yang terletak di sebelah Barat Eropah. Kekuasaan Islam sentiasa meluas ke Timur dan barat, Utara dan Selatan sehingga menguasai sebahagian besar permukaan bumi. Khalifah kerajaan Abbasiah, Harun ar-Rasyid telah menggambarkan keluasan dunia Islam. Beliau telah berkata kepada awan yang bergerak diatasnya tetapi tidak menurunkan hujan kepadanya: *"Turunlah di mana sahaja kamu mahu. Sesungguhnya hasil keluaranmu akan di bawa kepada kami".*

Semuanya tidak akan tercapai kecuali dengan keazaman, pengorbanan, jihad dan keinginan untuk syahid para pemuda.

Ya Allah! Sediakan bagi umat ini para pemuda yang mempunyai keazaman, pengorbanan dan jihad seperti orang-orang yang terdahulu daripada mereka... Semoga merekalah orang-orang yang akan mengembalikan kekuasaan daulah Islamiah, kemuliaan dan keagungan bagi umat Muhammad ini.

* * *

Selepas pendahuluan ini saya akan membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pemuda kita hari ini satu persatu, kemudian saya akan menjelaskan cara penyelesaian yang positif untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Di dalam rumusan jalan penyelesaian, saya akan membincangkan secara ringkas peranan dan tugas mereka di dalam mendirikan masyarakat Islam.

Semuanya ini akan kamu dapati wahai saudara-saudaraku -para pemuda- di dalam buku "Pemuda Muslim Dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini"

Kamu akan dapati perbincangan ini tersusun berdasarkan tajuk-tajuk yang jelas. Ia disusun berdasarkan fasal-fasal berikut:

Pertama : Cabaran syaitan dan hawa nafsu.
Kedua : Cabaran serangan pemikiran.
Ketiga : Cabaran keruntuhan akhlak.
Keempat : Cabaran kerajaan sekular.

Kelima : Cabaran lemah semangat bekerja untuk Islam.

Dengan izin Allah kita akan membincangkan satu-persatu dengan panjang lebar. Begitu juga jalan penyelesaiannya bersumberkan ajaran Islam dan petunjuk al-Quran. Hanya Allah matlamat kita. Semoga Dia menjadikan kerja-kerja ini ikhlas keranaNya.

Faktor yang boleh menyesatkan adalah banyak. Di antaranya ada yang bersifat dalaman seperti nafsu ammarah yang menyeru manusia kepada kejahatan dan keinginan hawa nafsu yang hina. Di antaranya juga ada yang bersifat luaran seperti hasutan syaitan dari kalangan jin dan manusia, fitnah harta, wanita dan kemegahan pangkat.

Di dalam perbincangan ini saya akan memberi penumpuan kepada faktor-faktor kesesatan dan penipuan yang paling jelas. Ia boleh diringkaskan kepada tiga faktor:

1. Hasutan syaitan yang menggoda.
2. Bisikan hawa nafsu ammarah.
3. Dorongan hawa nafsu.

Saya simpulkan kepada tiga faktor kerana ia merupakan asas kejahatan dan fitnah serta punca kefasadan dan kerosakan di zaman kefasadan dan keruntuhan ini.

Ditegaskan di sini bahawa apabila pemuda hari ini melawan hawa nafsu dan syaitan dengan kemantapan iman, mengikut kebenaran, kekuatan keazaman dan berpegang teguh dengan Islam, maka tidak syak lagi dia akan menjadi mukmin yang abrar dan muttaqin yang terbaik... bahkan dia akan menghadapi segala fitnah yang berlaku dan kefasadan luaran dengan kekuatan pengorbanan dan pendirian yang teguh tanpa terkesan dengan suasana fasad dan keinginan hawa nafsu.

* * *

FASAL PERTAMA: Cabaran Syaitan Dan Hawa Nafsu..

Hasutan Syaitan Yang Menggoda

Selepas pendahuluan ini saya akan membincangkan kesemua faktor ini satu persatu dengan panjang lebar.

Saya tidak pernah membaca satu ayat pun di dalam al-Quran yang mengandungi ugutan untuk menyesatkan manusia dan menggodanya sepertimana yang terdapat di dalam dua ayat yang menceritakan ugutan syaitan dan cabarannya terhadap manusia:

Pertama:

قال أنظرنى الى يوم يبعثون* قال انك من المنظرين * قال فيما أغويتنى لأقعدن لهم صراطك المستقيم* ثم لآتينهم من
بين أيديهم ومن خلفهم وعن أيمانهم وعن شمائلهم ولا تجد أكثرهم شاكرين

Maksudnya: *Iblis berkata: Berilah tempoh kepada aku sehingga hari mereka dibangkitkan (hari kiamat). Allah berfirman: Sesungguhnya kamu daripada golongan yang diberi tempoh (ke suatu masa yang tertentu). Iblis berkata: Oleh kerana Engkau (wahai Tuhanku) menyebabkan daku tersesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (dari menjalani) jalanMu yang lurus. Kemudian aku datangi mereka daripada depan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka, dan Engkau tidak akan dapati kebanyakan mereka bersyukur.* (Al A'raaf: 14-17)

Kedua:

قال ربي فانظرنى الى يوم يبعثون * قال فانك من المنظرين* الى يوم الوقت المعلوم * قال رب بما أغويتنى لأزينن
لهم فى الارض ولأغوينهم أجمعين * الا عبادك المخلصين

Maksudnya: *Iblis berkata: Wahai Tuhanku! Jika demikian berilah tempoh kepada aku hingga ke hari mereka dibangkitkan (hari kiamat). Allah berfirman: Dengan permohonan kamu itu, maka sesungguhnya kamu dari golongan yang diberi tempoh. Hingga ke hari (masa) yang tertentu." Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Kerana engkau telah menjadikan aku sesat maka demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya, kecuali di antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hambaMu yang dibersihkan daripada syirik."* (Al Hijr: 36-40)

Adakah kamu mengetahui -wahai para pemuda- bahawa syaitan telah mencabar kamu dengan cabaran yang keras ini?
Adakah kamu mahu sesat dan menjadi pengikutnya?
Adakah kamu rela menjadi tentera iblis, tunduk dan patuh di bawah panji-panji dan kekuasaannya?

Apabila jawapannya , "Tidak" kenapa kamu melaksanakan hasutan dan mengikut tipu dayanya?

Kadang kala para pemuda tertanya-tanya, apakah jalan untuk membebaskan diri daripada hasutan dan tipu daya syaitan ini?

Kamu akan dapati -wahai pemuda- jawapan kepada persoalan ini di dalam al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah kepada Rasulullah s.a.w supaya ia menjadi penawar dan rahmat kepada orang-orang yang beriman.

1. Al-Quran telah memberitahu kita bahawa syaitan adalah musuh kepada manusia.
Oleh itu mereka hendaklah menjadikannya sebagai musuh. Allah telah berfirman:

ان الشيطان لكم عدو فاتحذوه عدوا انما يدعو حزبه ليكونوا من أصحاب السعير

Maksudnya: *Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia musuh (yang mesti dijauhi tipu dayanya) sebenarnya dia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi penduduk neraka.* (Faatir: 6)

Maka kamu -wahai para pemuda- hendaklah menjadikannya sebagai musuh dan berusaha memeranginya dengan segala kemampuan yang kamu miliki.

2. Al-Quran telah menjelaskan manhajNya kepada orang-orang yang beriman dan menggariskan kepada mereka jalan yang lurus.
Semua jalan dan manhaj yang selain daripadanya adalah daripada hasutan syaitan. Allah telah berfirman:

ألم أعهد اليكم يا بنى آدم لا تعبدوا الشيطان انهم لكطم عدو مبين* وأن اعبدونى هذا صراط مستقيم

Maksudnya: *Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam supaya kamu tidak menyembah syaitan? Sesungguhnya dia bagi kamu adalah musuh yang nyata. Dan (Aku perintahkan) hendaklah kamu menyembahKu, inilah jalan yang lurus.* (Al An'aam: 153)

Maka kamu -wahai pemuda- hendaklah mengikut ajaran dan manhaj yang telah ditunjukkan oleh al-Quran serta berjalan di atas jalan yang lurus.

3. Al-Quran menuntut dari orang-orang Islam supaya menjadi orang-orang yang benar-benar beriman, bertawakkal dan berlindung dengan Allah daripada syaitan.
Apabila mereka bersifat demikian, maka syaitan tidak akan dapat menguasai mereka. Allah telah berfirman:

فاذا قرأت القران فاستعذ بالله من الشيطان الرجيم * انه ليس له سلطان على الذين آمنوا وعلى ربهم
يتوكلزن * انما
سلطانه على الذين يتولونه والذين هم به مشركون

Maksudnya: *Oleh itu apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan syaitan yang kena rejam. Sesungguhnya syaitan tidak mempunyai apa-apa pengaruh terhadap orang-orang yang beriman dan yang berserah bulat-bulat kepada Tuhan mereka. Sesungguhnya pengaruh syaitan itu hanyalah terhadap orang-orang yang menjadikan dia pemimpin mereka dan orang-orang yang dengan sebab hasutannya melakukan syirik kepada Allah.* (An Nahl: 98-100)

Hendaklah kamu -wahai pemuda muslim- menjadi orang yang beriman, bertawakkal dan meminta perlindungan dengan Allah untuk menjauhkan syaitan dari dirimu dan membersihkan diri daripadanya.

4. Al-Quran telah memperingatkan dan memberi amaran kepada setiap orang yang lalai dari mengingati Allah, beribadat dan mentaatiNya, di mana syaitan menjadi temannya yang akan menyesat dan memperdayakannya.
Allah berfirman:

ومن يعش عن ذكر الرحمن نقيض له شيطانا فهو له قرين * وانهم ليصدونهم عن السبيل ويحسبون انهم مهتدون

Maksudnya: *Dan sesiapa yang tidak mengendahkan pengajaran (Al Quran yang diturunkan oleh Allah) Yang Maha Pemurah, Kami akan adakan baginya syaitan (yang menghasut dan menyesatkannya), lalu jadilah syaitan itu teman yang tidak renggang daripadanya. Sesungguhnya syaitan-syaitan itu tetap menghalang mereka daripada jalan yang benar, sedang mereka menyangka bahawa mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.* (Az Zukhruf: 36-37)

Maka kamu -wahai para pemuda muslim- hendaklah berusaha agar sentiasa mengingati Allah, beribadat dan mentaatiNya untuk menjauhi syaitan dari dirimu dan membersihkan diri daripadanya. Beberapa buah hadis menyatakan bahawa;

Sesungguhnya syaitan tidak pernah kelihatan kacil, hina, kerdil dan bengis walaupun sehari... selain daripada hari 'arafah.

Syaitan meletakkan belalainya pada hati anak Adam, sekiranya dia mengingati Allah, syaitan akan berundur dan apabila dia lalai dan lupa dari mengingati Allah maka dia akan menguasainya.

Syaitan akan duduk di tepi dan menangis apabila melihat anak Adam sujud... kerana dia telah engkar dan merasa besar diri ketika diperintah supaya sujud kepada Adam.

5. Al-Quran menyuruh seorang muslim supaya bertaqwa dan menggalakkannya supaya bermuraqabah mendekatkan diri kepada Allah di dalam keadaan terang atau rahsia agar dia sentiasa merasakan sentuhan keimanan yang menjadikannya mampu membezakan di antara kebaikan dan kejahatan.
Bahkan menjadikannya selama-lamanya melihat jalan kebenaran dan hakikat Islam. Allah telah berfirman:

ان الذين اتقوا اذا مسهم طائف من الشيطان تذكروا فاذا هم مبصرون

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan daripada hasutan syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah), maka dengan ini mereka nampak jalan yang benar.* (Al A'raaf: 201)

Maka kamu -wahai saudaraku para pemuda- hendaklah beriltizam dengan jalan taqwa dan merasakan pada setiap ketika pemerhatian Allah... sehingga kamu dapat membezakan di antara yang baik dan yang jahat, di antara hasutan syaitan dan sentuhan Allah dengan menggunakan cahaya hati dan keterangan penglihatan kamu.

6. Al-Quran telah menerangkan kepada manusia jalan yang boleh menghasilkan istiqamah dan petunjuk. Secara ringkas jalan itu ialah apabila syaitan mengalpakannya daripada mengikut jalan kebenaran dan menghasutnya supaya berkawan dengan orang-orang yang jahat dan durjana... dia hendaklah menyedari bahawa dia adalah seorang mukmin dan apa

yang dilakukannya itu adalah daripada amalan syaitan. Dia juga hendaklah bertaubat kepada Allah dan membersihkan dirinya daripada maksiat dan memutuskan hubungan dengan ahli fasik dan durjana... agar dia kembali sebagai seorang mukmin yang sebenar dan sebagai seorang muslim yang sejati. Allah telah berfirman:

واما ينسينك الشيطان فلا تقعد بعد الذكرى مع القوم الظالمين

Maksudnya: *Dan jika engkau dilupakan oleh syaitan (lalu engkau duduk bersama mereka), maka janganlah engkau duduk lagi bersama orang-orang yang zalim itu, sesudah engkau teringat (akan larangan itu).* (Al An'aam: 68)

Maka kamu -wahai saudaraku pemuda- hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan berjaga-jaga dan sedar selepas kamu ditimpa kealpaan. Kamu hendaklah memutuskan hubungan dengan orang yang melakukan kebatilan dan berada dalam kesesatan supaya keaslian iman dan hakikat Islam akan kembali kepadamu. Kamu hendaklah kekal bersama-sama golongan orang-orang yang bertaqwa dan beriman.

* * *

Demikianlah -wahai para pemuda- jalan penyelesaian terpenting untuk membebaskan dirimu daripada tipu daya dan hasutan syaitan, melepaskan dirimu daripada perhiasan dan kesesatannya... sebagaimana yang telah kami ambil daripada ayat-ayat al-Quran.

Kita ringkaskan jalan-jalan penyelesaian tersebut di dalam beberapa noktah berikut:

- Syaitan adalah musuh kepada manusia, maka kamu hendaklah menjadikannya sebagai musuh.
- Beristiqamah mengikuti manhaj rabbani dan berjalan di atas jalan yang lurus.
- Mempertingkatkan keimanan terhadap Allah, berlindung dan bertawakkal kepadaNya.
- Memohon perlindungan dengan Allah setelah dia merasakan godaan daripada syaitan yang direjam.
- Mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah dan merasakan pemerhatianNya di setiap masa samada ketika sunyi atau nyata.
- Menghidupkan hati dan anggota yang lain dengan zikir kepada Allah dan sentiasa taat serta beribadat kepadaNya.
- Sedar dan beringat setelah dialpakan oleh syaitan dan memutuskan hubungan dengan ahli batil dan sesat.

Dengan penyelesaian ini, kamu -wahai saudaraku para pemuda- akan menjadi insan yang beriman, sedar dan pandai bertindak di dalam segenap perkara. Kamu akan menjadi seorang yang mempunyai keimanan yang mendalam, beriltizam dengan manhaj Islam dan ajaran al-Quran. Syaitan tidak akan dapat bergantung, memperdaya atau menguasai kamu. Kamu selama-lamanya akan menjadi seorang hamba Allah yang ikhlas dan tenteraNya yang menang. Inilah makna firman Allah yang telah menggugat syaitan dengan kata-kata yang menggentarkan:

ان عبادى ليس لك عليهم سلطان الا من اتبعك من الغاوين

Maksudnya: *Sesungguhnya hamba-hambaKu tidak adalah bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihan mereka sendiri).* (Al Hijr: 42)

Inilah yang telah diakui oleh syaitan sendiri bahawa dia tidak mempunyai jalan untuk menggoda hamba Allah yang ikhlas:

قال رب بما اغويتنى لأزينن لهم فى الارض ولأغوينهم اجمعين الا عبادك المخلصين

Maksudnya: *Iblis berkata: Wahai Tuhanku! Kerana engkau telah menjadikan daku sesat, maka demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semua, kecuali di antara zuriat Adam itu orang-orang yang dibersihkan daripada sebarang syirik.*

(Al Hijr: 39-40)

Inilah rahsia sabda Rasulullah s.a.w kepada Umar al-Faruq:

والذى نفسى بيده ما لقيك الشيطان سلكت فجا الا وسلك الشيطان فجا آخر

Maksudnya: *Demi Allah yang diriku berada di bawah kekuasaanNya. Syaitan tidak akan bersemuka dengan engkau, apabila engkau melalui satu jalan maka syaitan akan melalui jalan yang lain.*

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.)

Adalah diharapkan kepada kamu -wahai saudaraku para pemuda- supaya menjadi hamba Allah yang ikhlas dan mengikut manhaj yang dilalui oleh Umar al-Khattab iaitu keteguhannya bersama kebenaran iman, taqwa dan iltizamnya dengan Islam supaya tidak ada satu jalan pun untuk syaitan memperdayakan kamu... sehingga kamu tidak terpengaruh dengan kesesatan dan tipu daya syaitan di setiap detik kehidupanmu... Dan sesungguhnya firman Allah adalah benar dan hanya Dia sahaja yang mampu menunjukkan kepada kita semua jalan yang lurus.

Ketika Allah menjadikan jiwa manusia, Dia menjadikan di dalamnya dua penerimaan: penerimaan terhadap kebaikan dan penerimaan terhadap kejahatan. Sekiranya manusia memperlengkapkan jiwanya dengan akhlak, amal soleh dan mengasuhnya dengan ilmu dan pentarbiahan... jiwa tersebut akan membesar dan berkembang dengan mengikut petunjuk dan kebaikan, beransur-ansur menuju ke arah keseimbangan dan kesempurnaan dan sentiasa bekerja untuk memperbaiki dirinya dan juga orang lain.

Sekiranya dia mengabai dan membiarkannya beberapa hari tanpa pengasuhan sehingga jiwanya diselaputi oleh karat-karat kejahilan, ditutup oleh wabak pergaulan bebas dan ditimbuni oleh suasana yang rosak serta adat kebiasaan yang keji, maka tidak syak lagi ia akan membesar bersama-sama kejahatan, kefasadan dan penyelewengan.

Al-Quran dan as-Sunnah telah menegaskan perkara ini. Allah telah berfirman:

ونفس وما سواهافألهمها فجورها وتقواها * قد أفلح من زكاها * وقد خاب من دساها

Maksudnya: *Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenali) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebaikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).* (As Syams: 7-10)

Imam Bukhari telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

كل مولود يولد علي الفطرة فابواه يهودانه او ينصرانه او يمجسانه

Maksudnya: *Setiap kanak-kanak itu dilahirkan di dalam keadaan bersih, maka kedua ibubapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.*

Imam Al Ghazali telah menegaskan di dalam Ihya' Ulumuddin tentang penerimaan jiwa manusia terhadap kebaikan dan juga kejahatan serta persediaannya untuk beristiqamah di atas jalan yang lurus ataupun menyeleweng ke jalan yang sesat ketika beliau berkata: Kanak-kanak adalah amanah kepada kedua ibubapanya dan hatinya berada dalam keadaan bersih. Sekiranya kanak-kanak tersebut disediakan dan diajar dengan kebaikan, maka dia akan membesar di atas kebaikan dan akan berbahagia di dunia dan akhirat. Sekiranya dia disediakan dan diajar dengan kejahatan serta dibiarkan seperti binatang ternakan, dia akan menderita dan binasa. Menjaganya ialah dengan mendidik dan mengajarnya akhlak yang mulia.

Alangkah indahnya kata-kata penyair:

Akhlak tumbuh seperti tumbuh-tumbuhan,
apabila disirami air, ia akan tumbuh dengan baik,
sekiranya penjaganya menyediakan tempat yang baik,
ia akan mengeluarkan hasil yang baik.

Menurut al-Quran, nafsu terbahagi kepada tiga bahagian: Nafsu ammarah, nafsu lawwamah dan nafsu mutmainnah. Kita akan membincangkan ketiga-tiga nafsu ini secara ringkas.

1. Nafsu Ammarah:
Allah telah berfirman melalui lisan isteri raja Mesir di dalam surah Yusuf:

وما أبرىء نفسى ان النفس لأمارة باالسوء الا ما رحم ربي ان ربي غفور رحيم

Maksudnya: *Dan aku tidak membebaskan diri aku (dari kesalahan). Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang telah diberikan rahmat oleh Tuhanku. Maka Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.* (Yusuf: 53)

Maknanya: Nafsu manusia yang tidak dihiasi dengan keimanan dan tidak dibekalkan dengan ketaqwaan serta tidak beriltizam dengan agama rabbani... kebanyakannya akan mendorong manusia melakukan kejahatan disebabkan adanya dorongan syahwat dan penerimaan kejahatan yang telah dibekalkan kepadanya untuk mendapatkan kelazatan. Begitu juga kerana adanya hasutan syaitan dan ia menghiasinya dengan berbagai-bagai dorongan...

Dengan ini, isteri raja telah menggoda dan mengajak Nabi Yusuf untuk melakukan kejahatan. Apabila Nabi Yusuf menolak, dia telah menghasut raja supaya memenjarakannya. Semua ini bertujuan menodai kesucian Nabi Yusuf dengan segala kejahatan dan tohmahan serta perkara yang menyakitkan.

Perkataan 'kecuali orang yang telah diberikan rahmat oleh tuhanku' membawa maksud Allah telah mengecualikan nafsu yang dirahmatiNya. Dia akan menjauhkannya daripada segala kejahatan dan kekejian, sebagaimana yang telah dilakukan kepada Nabi Yusuf a.s.

Perkataan 'Maka Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani' membawa maksud Tuhanku maha pengampun bagi sesiapa yang bertaubat dan menyesali perbuatan jahatnya. Dia akan mengampunkan dosa yang dilakukan oleh manusia kerana tabiat dan penerimaan kejahatan yang telah dijadikanNya untuk manusia, di mana ia dijadikan cenderung kepada kejahatan, penyelewengan dan menuju ke arah memenuhi tuntutan syahwat dan kelazatan.

2. Nafsu Lawwamah.
Allah telah berfirman di dalam surah al-Qiamah:

لا أقسم بيوم القيامة * ولا أقسم باالنفس اللوامة

Maksudnya: *Aku bersumpah dengan hari kiamat, dan Aku bersumpah dengan Nafsu Lawwamah (bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati).* (Al Qiamah: 1-2)

Mujahid berkata: Nafsu ini adalah nafsu yang mengeji dirinya sendiri di atas apa yang telah berlaku dan menyesali perbuatan jahat yang telah dilakukannya serta menyesali terhadap

kebaikan, kenapa dia tidak memperbanyakkannya. Dia sentiasa mengeji dirinya walaupun dia telah bersungguh-sungguh melakukan ketaatan.

Al Farra' pula berkata: "Ia sentiasa mengeji perbuatan jahat dan baik yang telah dilakukannya. Sekiranya dia melakukan kebaikan dia akan berkata: Kenapa aku tidak menambahnya?. Sekiranya dia melakukan kejahatan dia akan berkata: Amat celakalah apa yang telah aku lakukan." Sekiranya beginilah keadaannya, maka ia merupakan pujian kepada nafsu.

3. Nafsu Mutmainnah.
Allah telah berfirman di dalam surah Al Fajr:

يا ايها النفس المطمئنة* ارجعي الى ربك راضية مرضية * فادخلى فى عبادى وادخلى جنتى

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang mempunyai jiwa yang tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya (nafsu mutmainnah)! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan puas hati lagi diredhai (di sisi Tuhanmu). Serta masuklah kamu ke dalam golongan hamba-hambaKu yang bahagia. Dan masuklah ke dalam syurgaKu.* (Al Fajr: 27-30)

Nafsu Mutmainnah adalah nafsu yang tetap berada di atas keimanan, ketaqwaan dan Islam.

Makna ayat di atas ialah: Wahai nafsu yang telah tetap dan teguh di atas keimanan, kebenaran dan beriltizam dengan jalan Islam serta menjaga garis sempadan syarak... kembalilah ke tempat yang mulia di sisi Tuhanmu dalam keadaan redha dengan apa yang telah engkau lakukan di dunia dan engkau pula diredhai oleh Tuhanmu. Engkau tidak suka marah dan tidak terfitnah... tidak ketika kaya dan tidak ketika miskin, tidak ketika sihat dan tidak juga ketika sakit, tidak ketika senang dan tidak pula di waktu susah. Engkau tidak melampaui batasan syarak di dalam hak dan tanggungjawab engkau... masuklah wahai nafsu mutmainnah ke dalam kumpulan hamba-hamba Allah yang dimuliakan dan bergabunglah ke dalam partinya yang soleh... masuklah syurga Allah yang mana kenikmatannya tidak pernah disaksikan di dunia dan tidak pernah didengar oleh telinga serta tidak pernah terlintas di dalam hati manusia.

Tidak ragu lagi bahawa nafsu Mutmainnah merupakan nafsu yang paling tinggi sekali darjatnya daripada nafsu-nafsu yang telah disebutkan kerana ia memiliki keistimewaan dengan ketetapan iman, keteguhan dalam keyakinan, ketaatan yang berterusan dan istiqamah di atas manhaj Islam.

* * *

Jalan penyelesaian dari bisikan nafsu.

Apabila kita membincangkan tentang jalan penyelesaian kepada semua permasalahan manusia, maka apakah dia jalan penyelesaian bagi orang yang diuji dengan nafsu ammarah?

Kamu perlu mengetahui -wahai saudaraku para pemuda- bahawa ketika Allah menjadikan di dalam diri manusia penerimaan terhadap perkara baik dan jahat, Dia juga telah menjadikan kebebasan memilih, kekuatan iradah, kebijaksanaan akal dan kesucian fitrah... Semua ini membolehkan keinginan kepada kebaikan berupaya menewaskan keinginan

kepada kejahatan dan membolehkan dia berjalan menepati jalan yang lurus serta menolak jalan kefasikan dan kejahatan.

Begitu juga Allah tidak membiarkan manusia terumbang-ambing di dalam pertarungan prinsip dan tergelincir ke dalam lumpur hawa nafsu..., tetapi Dia telah menjelaskan kepada mereka jalan yang sebenar dan manhaj yang tepat supaya manusia dapat merempuh arus kehidupan berdasarkan petunjuk dan di atas jalan yang lurus.

Dalil yang menunjukkan bahawa Allah telah memberikan kepada manusia kebebasan memilih ialah firmanNya:

انا هديناه السبيل اما شاكرا واما كفورا

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepada manusia (melalui aqal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) samada ia hendak bersyukur (dengan beriman dan taat) atau ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran dan menderhaka).* (Al Insaan: 3)

Dalil Allah telah memberikan kepadanya kekuatan kemahuan (iradah) ialah firmanNya:

وأما من خاف مقام ربه ونهى النفس عن الهوى فان الجنة هى المأوى

Maksudnya: *Adapun orang yang takutkan Tuhannya dan melarang diri dari mengikut hawa nafsu maka sesungguhnya syurga adalah tepat kembalinya.* (An Naazi'aat: 40-41)

Dalil bahawa Allah telah memberikan kepadanya kebijaksanaan akal ialah firmanNya:

وما الحياة الدنيا الا لعب ولهو وللدار الآخرة خير للذين يتقون أفلا تعقلون

Maksudnya: *Tidaklah kehidupan dunia itu melainkan mainan dan berseronok-seronok, dan hari akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Apakah kamu tidak memikirkannya?.* (Al An'aam: 32)

Di sana ada berpuluh-puluh ayat al-Quran yang menerangkan kemuliaan akal dan mengajaknya supaya memerhati hakikat sesuatu dan menilainya.

Dalil bahawa Allah telah memberikan kepada manusia kesucian fitrah ialah firmanNya:

فطرة الله التى فطر الناس عليها لا تبديل لخلق الله

Maksudnya: *Ugama yang Allah telah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya, tidak patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah.* (Ar Rum: 30)

Memang sudah sedia maklum bahawa apabila nafsu manusia menghalakan pilihannya kepada kebaikan, mengarahkan kehendaknya kepada kebenaran, menilai sesuatu menurut tuntutan akal, berjalan bersama fitrahnya ke arah petunjuk, mengikut syariat dengan mudah dan mengikut manhaj yang telah diturunkan oleh Allah dengan teliti... tanpa syak wasangka lagi dia akan menjadi orang-orang yang bertaqwa dan sentiasa mengikut jalan para anbiya' dan juga auliya'Nya. Bahkan dia akan mengutuk dirinya di atas apa yang telah berlaku, menyesali perbuatan jahat yang dilakukannya dan menyesali kenapa dia tidak memperbanyakkan kebaikan. Dia akan segera berpindah ke martabat nafsu yang tinggi

untuk menjadi jiwa yang beriman dan tenang, tidak dipengaruhi oleh nafsu, tidak digugat oleh syahwat, tidak dikacau oleh keinginan dan tidak dihasut oleh syaitan.

Dalil yang menunjukkan bahawa Allah telah menjelaskan kepada manusia manhajNya ialah firmanNya:

ونزلنا عليك الكتاب تبيانا لكل شيئوهدى ورحمة وبشرى للمؤمنين

Maksudnya: *Dan Kami turunkan kepadamu Al Quran yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita mengembirakan bagi orang-orang beriman.* (An Nahl: 89)

Dalil yang menunjukkan bahawa Allah telah memudahkan bagi manusia syariatNya ialah firmanNya:

يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر

Maksudnya: *Allah mahukan bagi kamu kemudahan dan Dia tidak mahukan bagi kamu kesusahan.* (Al Baqarah: 185)

Dengan jalan penyelesaian ini jiwa manusia akan menjadi sempurna. Ia dengan segera akan meningkat daripada nafsu ammarah kepada lawwamah dan dari lawwamah kepada nafsu mutmainnah.

Begitulah, dia kembali kepada keasliannya berdasarkan kepada fitrah yang suci, iman yang teguh, beriltizam dengan batas syariat Allah, beramal dan berjihad di jalan Allah demi meninggikan agamaNya.

Maka kamu -wahai saudaraku pemuda- hendaklah berusaha menjalani jalan tersebut sekadar yang terupaya untuk meningkat kepada nafsu mutmainnah. Kamu perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada manusia tanpa berasa bangga atau besar diri. Kamu hendaklah bercita-cita dan berharap semoga kamu dapat mengangkat mereka ke taraf ini sebagaimana Allah telah mengangkat kamu.

* * *

Dorongan Hawa Nafsu

Yang dimaksudkan dengan mengikut dorongan hawa nafsu ialah hawa nafsu yang keji dari segi syarak dan akal, iaitu apabila manusia berjalan berdasarkan kemahuan yang menyeleweng, dorongan nafsu yang keji dan tidak dikawal oleh undang-undang syara' dan agama. Apa sahaja yang diingini, dicenderungi dan bersesuaian dengan kemahuannya akan dilakukan. Dia tidak takut kepada Allah dan balasanNya serta tidak memikirkan akibatnya.

Tidak ragu lagi bahawa hasutan syaitan dan nafsu ammarah memainkan peranan penting di dalam memberi galakan kepada hawa nafsu yang terdapat di dalam diri manusia supaya melakukan kejahatan dan kefasadan serta mendorongnya ke arah penyelewengan dan jenayah.

Sekiranya kita teliti ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Nabi dan kata-kata para salaf, kita akan dapati kesemuanya mengeji hawa nafsu dengan begitu hebat dan juga menerangkan kesannya yang buruk di dalam menyesat dan menyelewengkan manusia dari jalan kebenaran.

Di antaranya ialah firman Allah:

أفرايت من اتخذ الهه هواه وأضله الله على علم وختم على سمعه وقلبه وجعل على بصره غشاوة فمن يهديه منبعد الله أفلا تذكرون

Maksudnya: *Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya; tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuiNya (bahawa dia tetap kufur engkar), dan dimeterikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya (sehingga ia tidak dapat mendengar nasihat pengajaran dan menerima kebenaran, apalagi melihat tanda-tanda kebesaran Allah yang membawa kepada Iman). Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu mengapa kamu (wahai orang-orang yang engkar) tidak mahu beringat dan insaf.* (Al Jasiah: 23)

Firman Allah:

ولو اتبع الحق أهواءهم لفسدت السموات والأرض ومن فيهن

Maksudnya: *Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut kehendak hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta apa yang ada padanya.* (Al Mukminun: 71)

Di antaranya lagi ialah:

فان ام يستجيبوا لك فاعلم انما يتبعون أهواءهم ومن أضل ممن اتبع هواه بغير هدى من الله ان الله لا يهدى القوم الظالمين

Maksudnya: *Kemudian jika mereka tidak dapat menyahut cabaranmu (wahai Muhammad) maka ketahuilah bahawa mereka hanya menurut hawa nafsu mereka, dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang mengikut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan hidayah petunjuk daripada Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberikan pimpinan kepada orang-orang yang zalim.* (Al Qasas: 50)

Banyak lagi ayat-ayat yang membincangkan perkara tersebut.

Ibnu Abbas berkata: Allah tidak menyebut hawa nafsu di dalam al-Quran kecuali Dia mencelanya. Allah berfirman:

واتبع هواه فمثله كمثل الكلب

Maksudnya: *Dan dia menurut hawa nafsunya, maka perumpamaannya adalah seperti anjing.*

FirmanNya lagi:

واتبع هواه فكان امره فرطا

Maksudnya: *Dan dia mengikut hawa nafsunya, maka urusannya adalah sia-sia.*

FirmanNya lagi:

ولا تتبع الهوى فيضلك عن سبيل الله

Maksudnya: *Maka jangan engkau menurut hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan engkau dari jalan Allah.*

Adapun hadis-hadis pula:
Imam Ahmad, Ibnu Majah dan al-Hakim telah meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w :

الكيس من دان نفسه وعمل لما بعد الموت والفاجر من اتبع نفسه هواها وتمنى على الله

Maksudnya: *Orang yang baik ialah orang yang menguasai dirinya dan beramal untuk perkara selepas mati. Dan orang yang jahat pula ialah orang yang mengikut hawa nafsunya dan mengharapkan sesuatu dari Allah.*

Ibnu Majah dan Tarmizi meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w

اذا رايت شحا مطاعا وهوى متبعا والدنيا مؤثرة واعجاب كل ذى رأى برأيه فعليك بخاصة نفسك ودع عنك أمر العامة

Maksudnya: *Apabila engkau melihat sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi dan bertolak ansur) dituruti, hawa nafsu diikuti, dunia dikejari dan setiap orang yang mengemukakan pandangan merasa taajub terhadap pandangannya sendiri, maka hendaklah engkau menguruskan urusan dirimu sendiri dan tinggalkanlah urusan orang ramai.*

Daripada Abu Umamah, beliau telah berkata: saya mendengar Rasulallah s.a.w bersabda: Tidak ada Tuhan yang disembah di bawah langit (di atas muka bumi) ini yang lebih dimurkai oleh Allah selain daripada hawa nafsu.

Manakala di antara kata-kata Para salafus soleh ialah;
Wahab bin Munabbih berkata: Apabila engkau ragu-ragu tentang dua perkara manakah yang baik, maka lihatlah kepada yang lebih jauh daripada keinginan hawa nafsumu dan lakukanlah ia.

Sahl at-Tasturi berkata: Hawa nafsu engkau adalah penyakit, sekiranya engkau canggahinya maka ia adalah ubat bagi engkau.

* * *

Jalan penyelesaian untuk bebas daripada hawa nafsu.

Kadang-kadang pemuda muslim yang beriman kepada Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai nabi dan rasulNya, berhadapan dengan kelemahan sebagai seorang manusia biasa. Dia cenderung kepada hawanya, mengikut nafsu ammarah dan melayari bahtera kehidupan dengan melalui jalan kefasikan dan penyelewengan. Oleh itu adakah di sana penyelesaian positif yang boleh mengeluarkan pemuda tersebut daripada kelemahan kepada kekuatan, membebaskannya daripada tuntutan hawa nafsu, dorongan melakukan dosa dan kongkongan nafsu ammarah?

Wahai saudaraku para pemuda, Islam telah menggariskan penyelesaian kepada setiap muslim yang ditimpa kelemahan, digoda oleh hawa nafsu atau dikuasai oleh syahwat. Apabila dia mengambil penyelesaian tersebut, dia akan menjadi seorang insan yang suci bersih, bertaqwa dan soleh. Apabila dia berjalan di khalayak ramai, dia akan manjadi contoh teladan yang baik dan menjadi perhatian mereka.

Jalan Penyelesaian Yang Terpenting ialah:

1. Mempertingkatkan keimanan:
Apa yang saya maksudkan dengan mempertingkatkan keimanan ialah seorang mukmin perlu meyakini bahawa Allah sentiasa bersamanya, mendengar dan melihat perlakuannya, mengetahui perkara yang nyata dan rahsia, mengetahui pandangan mata yang khianat dan perkara yang tersembunyi di dalam dada... Dia sentiasa ingat firman Allah:

ما يكون من نجوى ثلاثة الا هو رابعهم ولا خمسة الا هو سادسهم ولا أدنى من ذلك ولا أكثر الا هو معهم اينما كانوا

Maksudnya: *Tidak berlaku bisikan antara tiga orang malainkan Dialah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai melainkan Ia bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada.* (Al Mujadalah: 7)
Dengan keyakinan dan perasaan ini, seorang mukmin akan bebas daripada kongkongan hawa nafsu, dorongan nafsu ammarah, tunggangan syaitan dan fitnah harta serta wanita. Dia akan memperlengkapkan dirinya dengan bermuraqabah, takutkan Allah dan merasaiNya sentiasa bersamanya ketika dia keseorangan dan juga ketika bersama orang ramai. Semua ini mendorong mukmin tersebut melakukan amal soleh dengan penuh kesungguhan, amanah dan ikhlas... Bahkan dia dapat menepati kata-kata penyair Islam:

Apabila engkau bersendirian sedetik, jangan engkau kata,
aku telah bersendirian, bahkan katakanlah aku diperhati,
jangan engkau menyangka Allah lalai walaupun sedetik,
jangan sangka ada sesuatu tersembunyi,tidak diketahuiNya.

2. Memenuhi masa lapang dengan sesuatu yang bermanfaat.
Sabda Rasulullah s.a.w sebagaimana yang telah diriwayatka oeh Muslim:

أحرص على ما ينفعك واستعن بالله ولا تعجز

Maksudnya: *Bersungguhlah melakukan apa yang mendatangkan faedah kepada engkau, mintalah pertolongan kepada Allah dan jangan merasa lemah.*

Para pakar jiwa dan pendidikan telah mengakui: Apabila seorang pemuda bersendirian di waktu lapangnya... ia akan didatangi oleh berbagai khayalan, gelora hawa nafsu dan memikirkan tentang seks yang memberangsangkan. Nafsu ammarahnya akan bergelora di hadapan khayalan dan tuntutan nafsu ini. Kadang-kadang dia terjatuh ke lembah yang dilarang oleh syara' yang mendatangkan akibat yang buruk. Adalah lebih membahayakan lagi apabila dia mempunyai waktu lapang dan harta. Benarlah kata-kata penyair.

Sesungguhnya pemuda,
waktu lapang dan faktor kesungguhan,
Adalah kemuncak kebinasaan bagi seseorang.

Tidak ragu lagi bahawa jalan penyelesaian untuk bebas daripada semua ini ialah dengan mengetahui bagaimana cara menggunakan waktunya dan memenuhi kekosongan yang ada. Alangkah banyaknya bidang boleh diceburi oleh pemuda untuk mengisi masa lapang. Ianya boleh dipenuhi samada dengan bersukan yang boleh menguatkan tubuh badannya, bersiar-siar merehatkan jiwanya, membuat penyelidikan dan pembacaan yang boleh menambah pengetahuannya, membuat kerja tangan yang boleh memperkembangkan minatnya, menghadiri kelas-kelas pengajian agama yang boleh mengasuh akhlaknya, turut serta di dalam peraduan yang berbentuk ilmiah (kuiz) yang boleh melatih mentalnya, berlatih memanah dan cara-cara jihad yang lain yang boleh mempersiapkan dirinya dan lain-lain jalan penyelesaian yang boleh menjauhkannya daripada mengikut hawa nafsu dan dorongan nafsu ammarah.

3. Bersahabat dengan orang-orang yang baik.
Ia adalah prinsip asasi untuk memperbaiki diri dan mempertingkatkan ketaqwaan... kerana sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Tarmizi:

لا تصاحب الا مؤمنا و لا يأكل طعامك الا تقى

Maksudnya: *Jangan engkau bersahabat kecuali dengan orang yang beriman dan jangan memakan makanan engkau kecuali orang yang bertaqwa.*

Suatu kenyataan yang diakui apabila seorang pemuda bersahabat dengan orang yang beriman, dia akan memperolehi kebaikan, istiqamah dan teguh untuk beramal dengan asas-asas Islam... bahkan dia boleh mencapai tahap keimanan, ketaqwaan dan thabat seperti mereka...

Sebaliknya, sekiranya dia bersahabat dengan orang yang fasik, engkar dan menyeleweng... dia akan memperolehi daripada mereka kejahatan, kefasikan dan penyelewengan. Bahkan dia akan menjadi fasik, engkar dan menyeleweng seperti mereka. Inilah apa yang telah diingatkan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana yang diriwayatkan oleh Tarmizi:

المرء على دين خليله فلينظر من يحخالل

Maksudnya: *Seseorang itu berada di atas agama sahabat akrabnya, maka setiap daripada kamu hendaklah melihat siapakah yang hendak dijadikan sahabat akrab.*

Sebuah syair Arab ada menyebut:

Janganlah kamu bertanya tentang seseorang,
tetapi tanyalah tentang temannya.
Setiap teman akan mengambil teladan dari temannya.

Itulah dia -wahai para pemuda- jalan penyelesaian yang terpenting untuk sampai kepada matlamat pengislahan, ketaqwaan, puncak ketinggian akhlak dan menewaskan hawa nafsu, was-was dan pujukan syaitan. Walau bagaimanapun, perlu diketahui bahawa Allahlah yang memelihara kamu. Dialah yang melapangkan kamu dari setiap kesempitan dan memberi jalan keluar kepada setiap permasalahan. Benarlah Allah yang telah berfirman:

ومن يتق الله يجعل له مخرجا ويرزقه من حيث لا يحتسب

Maksudnya: *Siapa yang takutkan Allah (bertaqwa kepadaNya), maka Dia akan menjadikan baginya jalan keluar dan memberikannya rezeki dari jalan yang tidak disangka.* (Al Talaq: 2)

* * *

Begitulah -wahai saudaraku para pemuda-, apabila kamu mampu membebaskan dirimu daripada pujukan syaitan, menewaskan dorongan nafsu ammarah dan mengenepikan keinginan hawa nafsu... sesungguhnya kamu telah menghadapi cabaran-cabaran tersebut dengan menggunakan cabaran lain yang lebih berkesan, positif dan lebih baik. Pada waktu yang sama kamu telah memperbaiki dirimu, mengasuh akhlak dan berjalan di atas jalan ketaqwaan dan petunjuk. Manusia akan memandang kamu sebagai seorang ahli iman, ahli taqwa dan orang yang berhak mendapat keampunan kerana mereka yang berjaya menewaskan hawa nafsu dan menghindari tipu daya syaitan, -tanpa syak lagi- mereka akan dapat menewaskan musuh-musuhnya, mengalahkan ahli kesesatan, kefasikan dan kebatilan. Allah akan sentiasa bersama mereka, menolong dan membantu mereka dengan pertolonganNya, mengukuhkan kedudukan mereka di atas muka bumi, menyediakan untuk mereka sebab-sebab kekuatan dan keagungan dan menggantikan ketakutan dengan kemenangan... Mereka menyembahNya dan tidak menyekutukanNya dengan sesuatu.

Aturlah urusanmu -wahai saudaraku pemuda- dan berbekallah dengan bekalan iman dan taqwa. Hiasilah dirimu dengan akhlak yang mulia. Kuatkanlah keazaman di dalam dirimu. Bebaskanlah dirimu dari pujukan syaitan dan hawa nafsu; Sehingga apabila kamu muncul di medan dakwah ke jalan Allah dan berjihad di jalanNya, kamu mempunyai pengaruh yang besar di dalam usaha pengislahan, kedudukan yang tinggi di medan qudwah dan kesanggupan yang kuat di dalam menyebarkan Islam... Bahkan apabila manusia melihatmu, mereka akan melihat dengan penuh kepercayaan, kasih sayang dan optimis. Ketika kamu menyeru mereka, tidak ada seorang pun yang tercicir dari menyahut dan taat. Ketika kamu meminta supaya mereka beratur di dalam saf dakwah, mereka akan melakukannya dengan penuh ketaatan dan minat.

Dengan ini semua -wahai saudaraku para pemuda- kamu telah memperbanyakkan kader-kader Islam di seluruh alam yang mana melalui merekalah dasar-dasar Islam akan tersebar luas ke seluruh pelusuk bumi dan terbinanya daulah Islam serta terbebasnya Negara Islam daripada perancangan jahat Yahudi, Salibiyun, Komunis dan penjajah. Ketika itu orang-orang yang beriman akan bergembira dengan pertolongan Allah. Dia menolong sesiapa yang dikehendakiNya. Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

FASAL KEDUA: Cabaran Serangan Pemikiran

Sepintas lalu tentang serangan pemikiran

Di antara cabaran yang yang menggugat generasi Islam hari ini khususnya para pemuda ialah cabaran serangan pemikiran yang merosakkan dunia Islam di Timur dan di barat.

Barat, telah melaungkan slogan sekular yang telah memenjarakan agama di tempat-tempat ibadat dan menafikan sebarang peranan yang boleh dilakukan oleh agama di dalam usaha memperbaiki, merubah, membawa kemajuan atau tamaddun...

> Di bidang ekonomi ia telah melaungkan dasar-dasar kapitalisme.
> Di bidang politik ia telah mendaulatkan dasar-dasar demokrasi.
> Di bidang sosial ia telah melaksanakan dasar-dasar kebebasan yang hampir menimbulkan suasana yang tidak berperaturan dan dasar pengharusan terhadap semua perkara. Bahkan ia telah menjadi senjata untuk menyerang nilai-nilai murni, akhlak dan agama.

Teori-teori barat, dasar-dasar dan konsep-konsepnya telah memerangi masyarakat Islam yang membawa nilai-nilai baru dan cara pengislahan yang berbagai-bagai... untuk menjauhkan mereka daripada nilai-nilai Islam, ajaran, dasar-dasar dan akhlaknya... di mana kemuliaan Islam, kewujudan dan keberkekalannya dibina di atas asas-asas tersebut.

Komunis Timur pula, meninggikan slogan sosialisme atau komunis. Para pekerja dan buruh telah tertipu dengan slogan yang dilaungkan ini. Ia menjanjikan kepada mereka bahawa pentadbiran adalah hak milik mereka. Ia berusaha menghiasi dasar-dasarnya yang mulhid untuk dipaparkan kepada masyarakat pemuda daripada golongan buruh, masyarakat fakir di Dunia Timur Islam dan masyarakat Islam yang lain...

Semua ini berlaku ketika Barat melancarkan serangannya dan Timur yang mulhid menyebarkan kesesatannya. Ketika itu kebanyakan umat Islam hidup di dalam keadaan kehairanan, mundur, berpecah belah dan kehilangan kepimpinan yang baik. Ketika itu juga kesatuan Islam yang tersusun sentiasa mencari-cari cahaya di tengah-tengah fatamorgana yang menipu, mencari-cari jalan penyelesaian di tengah-tengah kegelapan yang tidak mungkin melahirkan cahaya, sehingga ia mengetahui sebab-sebab kemunduran dan ketinggalan zaman, lalu mengambil jalan yang membawa kepada kebenaran dan kejayaan untuk mengembalikan kemuliaan, kepimpinan dan daulahnya.

Kamu akan dapat melihat -wahai saudaraku pemuda- tipu daya dan sebab-sebab yang membawa kepada kemurtadan yang telah dilakukan oleh Barat terhadap dunia Islam di dalam perbincangan serangan pemikiran terhadap generasi Islam. Kamu akan melihat apakah yang diinginkan oleh komunis Timur daripada serangan pemikirannya terhadap dunia Islam. Asasnya adalah tipu daya, kepalsuan, penyesatan dan kemulhidan. Kemudian kamu akan melihat pengusiran dan penyeksaan yang telah dilakukan terhadap umat Islam yang terdahulu, uslub dan taktik baru yang dijalankan oleh mereka sekarang ini.

Kita jangan lupa tentang perancangan, uslub dan pertubuhan-pertubuhan rahsia yang telah dilakukan oleh Yahudi sedunia di dalam usaha mereka merosakkan dunia secara umumnya dan masyarakat Islam secara khususnya serta menundukkan dunia keseluruhannya di bawah kepimpinan dan penguasaannya... itulah apa yang telah mereka lakukan.

Kamu akan melihat -wahai saudaraku pemuda- di dalam perbincangan ini petunjuk-petunjuk kepada semua ini agar kamu mengetahui bagaimana kamu diserang dari sudut akidah dan akhlak sedangkan kamu berada di negeri sendiri. Kamu akan mengetahui bagaimana mereka melaksanakan tipu daya mereka untuk mengeluarkan kamu daripada keislamanmu yang hakiki dan daripada agama Allah yang kekal abadi ini. Hanya Allah tempat meminta pertolongan dan kepadaNyalah kita bertawakkal.

* * *

Kenapa Barat memerangi negara-negara Islam?

Adakah kamu mengetahui -wahai para pemuda- kenapa Barat dan Timur memerangai negara Islam?

Kerana risalah Islam menerangi akal dan fikiran, dan berkembang ke seluruh alam dengan cepat dan mengkagumkan. Manusia telah menerimanya berdasarkan pilihan mereka sendiri dan mentaatinya... Dan kerana risalah yang kekal ini memiliki beberapa keistimewaan yang berikut:

Rabbaniah: Kerana ia lahir daripada Tuhan yang Mentadbir dan Bijaksana yang tidak luput daripadaNya sesuatu walaupun sebesar zarrah. Dia mengetahui segala sesuatu dan Dia telah meletakkan tiap-tiap sesuatu pada tempatnya yang munasabah.

ومن احسن من الله حكما لقوم يوقنون

Maksudnya: *Dan bagi orang-orang yang penuh keyakinan, tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukuman yang lebih baik daripada Allah.* (al-Maidah: 50)

Kekal: Kerana ia adalah kekal buat selama-lamanya, terpelihara di bawah pemeliharaan Allah sehingga hari akhirat.

انا نحن نزلنا الذكرى وانا لحافظون

Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah yang telah menurunkan al-Quran itu dan Kamilah yang akan memeliharanya.* (al-Hijr: 9)

A'lamiah: Kerana pembawa risalah ini telah diutuskan kepada seluruh manusia dan alam sejagat.

وما أرسلنا ك الا كافة للناس بشيرا ونذيرا

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan kepada seluruh manusia sebagai pembawa berita gembira dan berita menakutkan (peringatan).* (Saba': 28)

Syumul: Kerana ia merangkumi segenap espek kehidupan dan sistem yang diperlukan oleh manusia di dunia dan akhirat, memenuhi keperluan semasa dan masa akan datang, ketika perang dan ketika aman.

وانزلنا عليك الكتاب تبيانا لكل شئ وهدى ورحمة وبشرى للمسلمين

Maksudnya: *Dan Kami telah menurunkan kepada engkau (wahai Muhammad) Al Quran sebagai penjelas kepada setiap sesuatu serta sebagai pembawa rahmat dan berita gembira kepada orang-orang Islam.* (an-Nahl: 89)

Merubah: Kerana terkandung di dalamnya dakwah para anbiya', memelihara kebenaran yang diturunkan kepada seluruh risalah terdahulu, dan Allah telah redha supaya ianya mengatasi seluruh agama yang lain.

وانزلنا اليك الكتاب باحق مصدقا لمل بين يديه من الكتاب ومهيمنا عليه

Maksudnya: *Dan Kami telah turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara dan mengawasinya.* (al-Maidah: 48)

Menyumbang sistem perundangan: Kerana ia muncul di bidang perundangan dan ijtihad dengan dasar-dasar dan kaedah-kaedahnya yang umum serta furu'-furu'nya. Dengan itu, ia mampu menangani keperluan zaman dan perubahan semasa terutama hukum-hukum yang berhubung dengan muamalat, permasalahan undang-undang, sistem ekonomi, perhubungan sosial dan hubungan antarabangsa.

ما فرطنا فى الكتاب من شئ

Maksudnya: *Tiada Kami tinggalkan sesuatupun di dalam Al Quran ini. (yakni segala yang diperlukan mengenai dunia dan akhirat, ada diterangkan asas-asas dan intisarinya di dalam al Quran [tafsir pimpinan ar-Rahman]).* (al-An'am: 38)

Bertitik tolak daripada keistimewaan dan ciri-ciri khusus yang dimiliki oleh Islam ini, Rasulullah s.a.w telah mengumumkan semasa Haji Wida' di khalayak umum firman Allah;

اليوم أكملت لكم دينكم وأتممت عليكم نعمتى ورضيت لكم الاسلام دينا

Maksudnya: *Hari ini Aku sempurnakan kepada kamu agamamu, dan Aku lengkapkan nikmatKu keatas kamu dan Aku redha bagi kamu Islam sebagai agama.* (Al-Maidah: 3)

Sebagaimana ditegaskan kepada umat Islam di kebanyakan munasabah bahawa Rasulullah s.a.w telah meninggalkan mereka di atas cahaya yang terang, malamnya adalah seperti siang, tidak terpesong daripadanya seorangpun kecuali dia merupakan seorang yang celaka. Ditegaskan juga bahawa apabila mereka berpegang teguh dengan kitab dan sunnah, mereka tidak akan sesat buat selama-lamanya. Apabila mereka terpesong daripada syariat Allah dan mengabaikan syariatNya maka Allah akan menimpakan azabNya yang pedih kepada mereka. Bahkan musuh akan menguasai mereka lalu merampas sebahagian daripada apa yang ada di dalam genggaman mereka!!

- Rasulullah s.a.w telah melaksanakan tugasnya menyampaikan risalah. Sewaktu baginda menemui Allah Taala, Islam telah tersebar ke seluruh Semenanjung Tanah Arab dan sampai ke Tahamah dan Najran, memasuki Yaman dan Bahrain dan berakhir ke Syam.

- Di zaman Khulafa' ar-Rasyidin: Lembayung Islam telah meluas ke dua buah kuasa besar iaitu Parsi dan Rom. Lembayungnya juga telah meluas ke negara China di Timur dan ke negara Rumania dan Selatan Rusia. Keadilannya juga telah memasuki Negara Syam, Mesir, Kepulauan Tripoli dan Afrika. Semuanya itu berlaku dalam jangka masa tiga puluh lima tahun.

- Menjelang tahun 102 hijrah: Di zaman pemerintahan Bani Umaiyah, Islam dan kerajaannya telah meluas sehingga ke Sri Lanka dan sebahagian besar negara India, Turkistan dan sempadan negara China di Timur. Ia telah meluas ke Barat hingga ke Sepanyol yang terletak di Eropah.

Begitulah Islam telah membekalkan dunia dengan kekuatan dan kehidupan dan menguasai bumi dengan cepat dan hebat seperti perubahan malam dan siang.

Khalifah kerajaan Abbasiah Harun ar-Rasyid telah berupaya menggambarkan kepada dunia tentang keluasan kerajaan Islam dan meluasnya kekuasaannya di muka bumi apabila baginda berkata kepada awan yang lalu di atasnya tetapi tidak menurunkan hujan padanya; “Turunlah (wahai hujan) di mana sahaja yang engkau mahu, sesungguhnya hasil keluaranmu akan di bawa kepada kami”.

Adakah kamu tahu -wahai pemuda- kenapa mereka terkejut dan kemarahan mereka memuncak?.

Ini disebabkan tapak-tapak kaki umat Islam telah memijak bumi Eropah. Tentera-tentera Islam telah sampai sehingga ke sempadan Perancis... Orang-orang Eropah telah terkejut daripada tidurnya dan berkata: "Sungguh pelik, agama apakah ini yang telah menguasai dunia dengan kekuatan dan ketangkasan yang mengkagumkan? Ia telah memerangi Rom, memasuki Itali, menawan Sepanyol dan kemudian cuba untuk merentasi Gunung Perancis untuk mengusai Perancis!"

Mereka telah mula berfikir dan merancang. Mereka berpendapat bahawa apabila Umat Islam dibiarkan dengan urusan mereka mengembangkan Islam, membuka negara demi negara dan bertebaran ke seluruh pelusuk dunia, sudah pasti tampuk pemerintahan dunia akan berada di tangan mereka, bahkan manusia seluruhnya akan berada di bawah kerajaan dan kepimpinan Islam.

Dengan itu mereka telah mengambil keputusan untuk berperang. Mereka membentuk tentera dan mengadakan persiapan peperangan serta bersatu di bawah satu panji sehingga mereka berupaya menghapuskan Islam -menurut tanggapan mereka-, menghapus umat Islam hingga ke akar umbinya. Hasilnya mereka tidak akan bangkit kembali walaupun sebentar.!!

Tetapi mereka yang dengki terhadap Islam itu telah menerima kekalahan, kehinaan dan keaiban di dalam peperangan Salib yang berturut-turut... dalam perang Hittin di tangan pahlawan yang terkenal Solahuddin al-Ayyubi. Mereka telah ditewaskan dengan teruk dan telah kembali ke negara mereka dengan penuh penyesalan.

Serangan demi serangan yang hebat ini telah menguatkan keimanan, keberanian, keazaman dan keyakinan umat Islam kepada agama mereka dan pertolongan Allah. Ini disebabkan seruan Allahu Akbar adalah laungan mereka, jihad adalah jalan mereka dan mati syahid di jalan Allah adalah setinggi cita-cita mereka...

* * *

Adakah musuh memikirkan uslub yang lain?________________________________

Ya! Setelah gagalnya uslub besi dan api (peperangan bersenjata) untuk menghancurkan kesatuan Umat Islam, setelah tewasnya tali barut angkatan Salib di hadapan tentera Solahuddin al-Ayyubi, musuh-musuh Islam telah berfikir sekali lagi mencari uslub baru yang akan digunakan untuk memerangi Islam. Mereka memikirkan apakah wasilah yang boleh menjadikan Daulah Islamiah yang berada di bawah satu khalifah berpecah kepada kerajaan-kerajaan kecil dan umatnya berpecah-belah, menukar sistem dan perundangan Islam kepada sistem dan perundangan ciptaan manusia dan mengubah akhlak Umat Islam yang terpuji kepada akhlak yang keji dengan menjadikan mereka sebagai `pak turut' secara membuta tuli... Mereka terus berusaha sehingga mereka berjaya mencapai tujuan mereka menyekat penyebaran Islam, memecah belah kesatuan umat Islam dan merosakkan akhlak pemuda dan pemudi serta menanam benih kemulhidan ke dalam jiwa generasi Muslim.

Di sini saya ingin menerangkan kepada kamu -wahai pemuda- bagaimana bermulanya perancangan jahat terhadap umat Islam? Dan di manakah ia akan berakhir? Kemudian kita akan terus memaparkan perancangan-perancangan yang terpenting yang di susun oleh penyeru serangan pemikiran" untuk memerangi Islam, mengsekularkan negara Islam, memalingkan generasi Muslim dari badan-badan yang dibentuk untuk mempertahankan Islam dan berjihad dan menanam benih fahaman mengharuskan semua perkara dan mulhid kepada Umat Islam di setiap tempat.

Kisah kehilangan khilafah sebagaimana yang diabadikan oleh sejarah.

Bagaimana bermulanya perancangan jahat tersebut?.
Ia bermula dengan perancangan melenyapkan khilafah yang menjadi simbol kesatuan umat Islam dan kekuatan politik mereka di dunia.

Sesungguhnya kuasa penjajahan yang terdiri daripada Britain, Perancis, Itali, Yunan... dan berselindung di sebaliknya Yahudi sedunia merupakan dalang kepada usaha pelenyapan khilafah, pemisahan agama daripada negara dan pemecah-belah kesatuan umat Islam. Mereka telah memainkan peranan yang besar di dalam usaha tersebut dengan menyuburkan fahaman kebangsaan arab di dalam jiwa umat Islam Arab dan fahaman kebangsaan Turaniah Turki di dalam jiwa orang-orang Turki.

Dengan perancangan jahat ini mereka mampu memisah dan menanam fahaman asabiyah jahiliyah kepada kedua-dua bangsa Islam ini. Dengan berlalunya masa, bangsa Arab mula memandang saudara-saudara mereka bangsa Turki sebagai tali barut penjajah. Mereka menyembunyikan niat jahat dan menyusun berbagai bentuk perancangan terhadap saudara mereka. Charles Duty di dalam bukunya "Perjalanan di negara-negara Arab" telah menyatakan bahawa permusuhan antara Arab dan Turki merupakan perancangan Inggeris yang telah menimbulkan semangat kebangsaan di antara mereka untuk membolehkannya menguasai Semenanjung Tanah Arab. Ia terkenal dengan politik `pecah dan jajah'.

Adakah kamu mengetahui -wahai pemuda- siapakah yang berperanan melaksanakan perancangan ini?

Sesungguhnya mereka adalah anggota 'Pertubuhan Kesatuan Pembangunan'. Mereka telah bangun memerangi khilafah hasil dorongan negara-negara bersekutu penjajah. Mereka telah tunduk dan menyerahkan rahsia dan penyusunan mereka kepada Freemason. Freemason ini -wahai pemuda- tidak lain melainkan ciptaan Yahudi. Ia diwujudkan di dunia Islam dengan tujuan mendirikan negara Israel di Palestin, menghapuskan khilafah, memisahkan agama dari negara dan memecah kesatuan umat Islam... Semua itu dicapai dengan usaha supaya penduduk tempatan yang mempunyai kedudukan, kuasa dan kekayaan bergabung dengannya. Sehingga apabila mereka sampai ke peringkat anggota yang bekerja dan dipercayai di dalam pertubuhan Freemason sedunia, mereka akan melaksanakan perancangan Freemason dengan sepenuhnya di negara Islam.

Sheikh Muhammad Rasyid Redha berkata di dalam majalah al-Manar, Sultan Abdul Hamid merupakan musuh kepada pertubuhan Freemason. Beliau telah menentang Freemason. Pertubuhan ini mempunyai pengaruh yang besar di dalam beberapa rampasan kuasa politik yang telah berlaku di Eropah. Di antaranya ialah Revolusi Perancis dan rampasan kuasa menggulingkan khilafah Othmaniah."

Muhammad Rasyid Redha mendedahkan bahawa pimpinan pertubuhan Freemason telah berusaha sedaya mungkin mengembangkan fahaman mereka di kalangan panglima-panglima tentera untuk menyusun perancangan-perancangan jahat dan mengadakan revolusi menentang agama. Beliau berkata: "Sesungguhnya semua pimpinan itu adalah anggota pertubuhan Freemason. Mereka berusaha bersungguh-sungguh menyebarkannya dan menjadikan pegawai serta pemimpim kerajaan sebagai anggotanya. Begitu juga mereka menyebarkannya di kalangan panglima-panglima tentera sebagai persediaan untuk memisahkan antara agama dan negara."

Pergerakan 'Pertubuhan Kesatuan Pembangunan' bergerak secara senyap dan rahsia. Ia menyebarkan fikrah dan memainkan peranannya di kalangan tentera. Ia melaksanakan perancangan secara rahsia dan berhati-hati. Sehingga pada tahun 1908 ia berjaya menjauhkan khilafah daripada kerusi kehakiman dan memberikan kepadanya kekuasaan hanya dibidang keagamaan -sebagai marhalah pertama- yang pada hakikatnya tidak mempunyai apa-apa kuasa. Peristiwa ini berlaku selepas revolusi kebangsaan yang memisahkan pentadbiran negara daripada agama.

Adakah kamu mengetahui -wahai pemuda- siapakah yang menyampaikan kepada khalifah -pada tahun 1908- tentang pemecatannya.?
Dia adalah Corroh Sho seorang Yahudi berfahaman Freemason yang dipilih sebagai naib presiden.

Memang benar, dia adalah seorang Yahudi berfahaman Freemason dan telah mengadap Sultan Abdul Hamid sebagai wakil Yahudi sebelum mengiklankan perlembagaan di Turki. Beliau mengharapkan supaya baginda memudahkan perpindahan orang-orang Yahudi ke Palestin dengan memberikan hadiah kepada Sultan bernilai 5 juta pound dan sebanyak 50 juta Pound untuk perbendaharaan negara. Sultan Abdul Hamid amat marah di atas sogokan yang keji itu. Sesungguhnya Yahudi yang dengki itu ingin menyampaikan sendiri pemecatan tersebut untuk melepaskan kemarahan dan kedengkiannya.

Tetapi perancangan jahat itu tidak dapat mencapai matlamatnya secara lebih jauh. Khilafah Islamiah masih lagi wujud. Berjuta-juta umat Islam di Timur dan Barat masih lagi

bergantung kepadanya dari segi ruh, akidah dan daulah yang menjadi simbul kesatuan dan tanda kekuatan mereka.

Dengan ini, kuasa penjajahan Yahudi perlu menyediakan di dalam negara Islam sekumpulan pengkhianat yang bekerja... untuk memainkan peranannya menghapuskan khilafah, memisahkan antara agama dan negara, memecah belahkan kesatuan umat Islam dan menghapuskan segala sistem dan suasana keliling yang mempunyai hubungan dengan al-Quran dan Islam.

Adakah kamu mengetahui -wahai pemuda- siapakah yang melaksanakan semuanya ini?.
Dia adalah Kamal Atarturk dan Ismat Inono. Mereka berdualah yang telah melakukan jenayah yang besar ini. Mereka berdua yang mengesyorkan kepada Majlis Umat Turki pada tahun 1924 supaya mengambil ketetapan menghapuskan khilafah, mengiklankan syiar sekular dan memisahkan antara agama dan negara.

Di antara apa yang diperkatakan oleh keduanya: "Sesungguhnya kita akan memusnahkan setiap khalifah yang cuba campur tangan di dalam urusan negara atau memikirkan perkara tersebut".

Kepadamu -wahai pemuda-, inilah syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kuasa penjajah kepada Atarturk di dalam Perjanjian Luzon.
Wakil pihak penjajah di dalam perjanjian ini ialah Carazon, Menteri Luar Britain.
Wakil Turki pula di dalam perjanjian ini ialah ketua perwakilannya ke Luzon, Ismat Inono.

Isi kandungan perjanjian yang disyaratkan oleh Carazon untuk mengiktiraf kemerdekaan Turki adalah seperti berikut:

1. Menghapuskan khilafah secara keseluruhannya dan mengusir khalifah keluar negeri serta merampas hartanya.
2. Pengumuman kesekularan negara. Maknanya: memisahkan antara agama dan negara.
3. Turki hendaklah memberi jaminan akan melumpuhkan segala pergerakan anasir-anasir Islam yang masih ada.
4. Perlembagaan kerajaan Othmani yang terbina di atas asas Al Quran hendaklah ditukar kepada perlembagaan sivil sepenuhnya.
   Semuanya berlaku pada tanggal 4 Febuari 1922M.

Selepas itu, Kamal Atarturk telah melaksanakan apa yang dikehendaki oleh penjajah yang didalangi oleh Yahudi. Usaha menghapuskan khilafah tidak memakan masa yang lama sehingga terhapusnya mahkamah syariah dan wakaf. Pada tahun 1925 beliau telah mengeluarkan undang-undang penghapusan pakaian secara Islam dan berusaha menyebarkan pakaian Barat serta mewajibkan memakai topi (yang selalu di pakai oleh orang barat). Dia juga telah menggantikan ucapan salam (As-Salamu Alaikum) dengan menundukkan kepala atau mengangkat topi (cara Barat menghormati).

Pada tahun 1928 beliau telah menghapuskan pembelajaran ilmu-ilmu syariat Islam dan menggantikan bacaan al-Quran dan azan dengan bahasa Turki. Beliau menyamakan pembahagian harta pesaka antara lelaki dan perempuan, menghapuskan sistem poligami, menggantikan huruf arab dengan huruf latin dan menggantikan hari cuti pada hari Jumaat dengan hari Ahad... dan banyak lagi perubahan yang dilakukan.

Selepas Atarturk melaksanakan kerja-kerja pengkhianatan tersebut, negara-negara bersekutu telah mengiktiraf kemerdekaan negara Turki. Britain telah berundur dari Istanbul dan tempat-tempat lain.

Kesan daripada itu, salah seorang ahli parlimen Britain telah membangkang Menteri Luar di majlis parlimen Britain kerana mengiktiraf kemerdekaan Turki. Beliau segera menjawab; "Pada hakikatnya Turki telah lenyap dan tidak ada lagi di dunia ini kerana kita telah memusnahkan kekuatan maknawi yang ada padanya iaitu 'Khilafah dan Islam'." Begitulah salibiah, orang-orang Yahudi, pertubuhan Freemason dan kuncu-kuncunya bekerjasama meruntuhkan keperibadian Islam yang dapat dilihat pada kewujudan khilafah, kesatuan dan Islam itu sendiri. Kuasa yang bersatu ini berjaya campur tangan dan meneguhkan kedudukan mereka di negara Islam. Mereka telah menukar kemuliaan penduduknya kepada kehinaan.

- Sekiranya umat Islam ketika itu -wahai pemuda- berada di dalam keadaan sedar dan faham, berhati-hati, mengikuti dan meneliti peristiwa-peristiwa yang berlaku, di mana musuh-musuh merancang dan mengadakan tipu daya...
- Sekiranya mereka memahami dengan kefahaman yang sohih terhadap Kitab Allah; perkara yang disuruh menerima dan memberi, dan perkara-perkara yang diajar berhubung dengan ilmu dan kemajuan serta persediaan dan kekuatan yang disuruh olehnya...
- Sekiranya mereka terus menerus berada di jalan jihad, mengorbankan semua perkara samada mahal atau murah untuk memuliakan agama Allah dan mengembalikan kemuliaan Islam...
- Begitu juga sekiranya mereka berada di bawah pimpinan Islam yang satu, melaksanakan arahan, bersatu di bawah panji-panjinya dan memberikan bai'ah yang sebenarnya kepada amir...

Sekiranya umat Islam berada di dalam keadaan tersebut, mereka tidak akan ditimpa kecelakaan dan musuh tidak akan menguasai mereka. Mereka juga tidak akan menjadi suapan yang lazat ke dalam mulut-mulut musuh dan tidak akan terjerumus ke jurang kecelakaan. Sesungguhnya Allah tidak menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri.

* * *

Perancangan empat musuh

Tetapi, adakah musuh Islam berpada dengan hanya menghapuskan khilafah, memisahkan antara agama dan negara, memecah belahkan umat Islam... atau mereka masih meneruskan usaha-usaha memerangi Islam dan Umat Islam dari segi akidah dah pemikiran di negara mereka?.

Pada hakikatnya, musuh-musuh Islam yang terdiri daripada gerakan Misionary, Orientalis, kuasa penjajah, Komunis dan Yahudi... sentiasa bekerja siang malam kerana tujuan yang satu iaitu mengeluarkan Muslim daripada agama Islam atau paling kurang menimbulkan keraguan di dalam akidah dan membebaskan mereka dari kawalan dan dasar-dasar akhlak.

Permusuhan dan tipu daya terhadap Islam ini terbentuk di dalam empat perancangan:

1. Perancangan Komunis.
2. Perancangan Salibiah.
3. Perancangan Yahudi dan Freemason.
4. Perancangan egen-egen di negara Islam.

Saya akan membincangkannya -wahai pemuda- satu persatu secara terperinci supaya kamu mengetahui dengan baik apakah yang mereka hendak lakukan kepada kamu dan apakah yang mereka rancang terhadap generasi Islam? Allahlah tempat meminta pertolongan dan kepadaNyalah kita bertawakkal.

* * *

Perancangan Komunis.

Di dalam salah satu risalah rahsia yang disiarkan oleh majalah “Kalimatul Hak” pada bulan Muharram tahun 1387 Hijrah (April 1967), perancangan yang menggerunkan untuk menghapuskan Islam telah disediakan oleh komunis di Moskow dan diberikan kepada hamba-hamba mereka di salah sebuah negara Islam arab untuk dilaksanakan dan mereka telah melaksanakannya dengan teliti.

Sekarang kami bawa dengan penuh amanah daripada majalah `Kalimatul Hak' beberapa perancangan Komunis untuk menghentam Islam di negara kamu.
Rencana itu berbunyi:

- Berdamai dengan Islam sehingga kita dapat menguasainya. Berdamai buat sementara waktu juga bertujuan menjamin penguasaan kita terhadapnya dan mengajak bangsa arab kepada fahaman sosialisme.
- Menjatuhkan maruah pendokong-pendokong agama dan para pemerintah yang berpegang teguh dengan agama serta menabur fitnah bahawa mereka merupakan agen-agen penjajah dan zionis.
- Meluaskan pengajian sosialisme di semua sekolah, maktab dan universiti di setiap peringkat... dan memerangi Islam serta mengepungnya sehingga ia tidak menjadi satu kuasa yang menggugat fahaman sosialisme.
- Berusaha supaya tidak terbentuk gerakan Islam di dalam negara walaupun gerakan yang lemah. Sentiasa memerhati apa jua bentuk kebangkitan berbentuk keagamaan dan

mengambil tindakan keras walaupun membawa kepada maut terhadap sesiapa sahaja yang menyeru kepada agama.
- Kita tidak menafikan bahawa agama mempunyai peranan penting di dalam membentuk masyarakat. Oleh sebab itu kita perlu memeranginya dari segenap sudut dan di setiap tempat, melemparkan tuduhan dan menjauhkan manusia daripadanya dengan menggunakan cara yang tidak menampakkan permusuhan terhadap Islam.
- Memberi galakan dan kebebasan kepada penulis-penulis yang mulhid menghentam agama, dan syiarnya serta keberanian yang berlandaskan kepada ruh agama. Begitu juga menanam fikrah bahawa peranan Islam telah berakhir dan yang kekal pada hari ini hanyalah ibadat-ibadat tertentu sahaja iaitu puasa, sembahyang, haji, nikah dan talak. Kita akan meletakkan semua ini di bawah kawalan sistem sosialisme.

Rencana itu juga menyebut :-

- Memutuskan ikatan berbentuk keagamaan di antara bangsa-bangsa Islam secara total yang merupakan sebesar-besar bahaya kepada sosialisme dan menggantikannya dengan ikatan sosialisme.
- Sesungguhnya menguraikan ikatan agama dan menghapuskannya tidak akan berhasil dengan meruntuhkan masjid dan gereja kerana ugama adalah bertapak di dalam sanubari. Yang di kehendaki ialah menghancurkan sanubari yang berpegang teguh dengan agama. Menghancurkan agama di dalam sanubari umat Islam tidaklah menjadi susah apabila kita telah berjaya menjadikan hukum dan ketuanan di tangan sosialisme dan setelah kita berjaya menyebar luaskan perkara-perkara yang meruntuhkan agama seperti novel, drama, filem, ceramah, akhbar dan tulisan-tulisan yang memperdagangkan kemulhidan, memperolok-olokkan agama dan penganutnya dan menyeru kepada sains semata-mata serta menjadikannya sebagai tuhan yang berkuasa.
- Menipu orang-orang Kristian dengan mendakwa bahawa al-Masih adalah seorang sosialis dan imam sosialisme. Beliau seorang yang fakir, daripada keluarga yang fakir, pengikutnya terdiri dari orang-orang fakir dan beliau menyeru supaya memerangi orang-orang kaya. Kita berkata pula kepada umat Islam tentang Muhammad; Beliau adalah imam sosialisme, seorang fakir dan pengikutnya adalah orang-orang fakir. Beliau memerangi orang-orang kaya yang memonopoli kekayaan, feudalis dan pengamal riba'. Melalui cara ini kita perlu menggambarkan bahawa para nabi dan rasul adalah manusia biasa dengan menafikan wahyu, kesucian ruh dan mukjizat daripada mereka.
- Menyibukkan orang ramai dengan syiar sosialisme dan tidak memberikan kepada mereka peluang untuk berfikir. Menyibukkan mereka dengan lagu-lagu kebangsaan dan pertubuhan-pertubuhan politik... dan meletakkan tanggungjawab kemunduran ekonomi, kelaparan, kemiskinan dan penyakit kepada penjajah, zionis, feudal dan ahli-ahli agama...

Menurut rencana itu lagi :-

- Tidak menjadi kesalahan menggunakan agama untuk meruntuhkannya. Tidak juga menjadi kesalahan bagi pemimpin-pemimpin sosialis menunaikan beberapa kewajipan agama yang berbentuk jemaah untuk menyesat dan menipu dengan syarat ianya tidak berterusan.
- Mengiklankan bahawa penganut sosialis beriman dengan agama yang sohih dan bukan dengan agama palsu yang dianuti oleh manusia kerana kejahilan mereka. Agama yang sohih itu ialah sosialisme dan agama yang palsu itu adalah candu yang memabukkan masyarakat... Amat perlu mengaitkan segala keaiban dan kecacatan yang ada pada penganut agama dengan agama itu sendiri, memperkembangkan kemulhidan dan

menegaskan bahawa agama itu adalah khurafat. Khurafat yang wujud di dalam agama yang palsu dan tidak ada di dalam agama yang sohih iaitu sosialisme.
- Kita mengambil ajaran-ajaran Lenin dan wasiatnya supaya parti sosialisme menjadi musuh ketat kepada agama dan memerangi fikrahnya terhadap perkara yang akan berlaku selepas mati dengan menyatakan bahawa syurga firdaus yang direalisasikan oleh sosialime dan telah mewujudkan keadilan sosial adalah firdaus yang sebenar. Apabila terpaksa berdamai dan menyokong agama, maka perdamaian hendaklah berlaku di dalam tempoh yang tertentu dan sokongan hendaklah dengan berwaspada supaya perdamaian dan sokongan tersebut dapat digunakan untuk menghancurkan agama itu sendiri.

Daripada rencana ini jelaslah bahawa komunis menumpukan dakyahnya dengan memberikan perhatian yang utama kepada dunia Islam secara khusus... disebabkan mereka mengetahui bahawa negara-negara Islam berada di kedudukan yang strategik dan kaya dengan sumber-sumber ekonomi... juga disebabkan mereka mengetahui bahawa Islam memiliki kekuatan penyebaran, dasar-dasar yang hidup dan praktikal serta ciri-ciri ketamadunan...

Oleh kerana itu, mereka menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyesatkan manusia, meruntuhkan agama dan menyebarkan kemulhidan.

- Kadang-kadang Marxisme memakai pakaian Islam seperti kata-kata mereka: Sesungguhnya Muhammad itu adalah imam sosialis, seorang fakir dan pengikutnya adalah orang-orang fakir... beliau memerangi orang kaya, feudelis dan pengamal riba... dan melakukan revolusi terhadap mereka.

- Di kebanyakan ketika mereka menggunakan teori-teori sains untuk menutup kemulhidan dan kesesatan mereka seperti:
    - Menggunakan teori Darwin yang memperkatakan tentang asal kehidupan, perkembangannya dari bawah ke atas... dan bagaimana ia berubah daripada haiwan kepada monyet dan kemudiannya menjadi manusia.
    - Menggunakan teori Frued yang menghubungkan semua perkara yang berkaitan dengan manusia dengan seks dan syahwat.
    - Memperalatkan sejarah ketika menerangkan revolusi dan kemajuan sesuatu bangsa.

Semua ini bertujuan menimbulkan syak dan syubhat terhadap Allah Taala, prinsip-prinsip Islam, hakikat sejarah serta kemuliaan muslimin.

- Kadang-kadang mereka menggunakan kesempatan yang ada supaya penentangan terhadap agama, Allah dan RasulNya menjadi jelas dan kemulhidan tersebar seperti kata-kata mereka:
    - Sesungguhnya Allah, agama, feudal, kapitalisme... dan semua nilai-nilai yang telah menerajui kepimpinan masyarakat yang lalu tidak lain tidak bukan pada hari ini hanyalah merupakan mumia yang diawet di muzium sejarah...
    - Tidak ada tuhan di alam ini dan kehidupan adalah semata-mata kebendaan (material).
    - Agama adalah candu masyarakat.
    - Para nabi adalah pencuri yang berdusta.

Di antara uslub mereka yang dengki ialah dengan `membunuh' dan `membinasakan' umat Islam di negara Islam yang telah atau akan jatuh ke dalam kekuasaan mereka:

- Di China dan Rusia, komunis telah membunuh lebih daripada 26 juta umat Islam di sepanjang suku abad, khususnya di bahagian Turkistan yang termasuk di dalam wilayah China.
- Di Yugoslavia yang menganut fahaman komunis, mereka telah memusnahkan lebih dari sejuta umat Islam selepas peperangan dunia yang kedua.
- Berapa ramai pula yang kita dengar tentang penyembelihan terhadap umat Islam yang dilakukan oleh komunis di Iraq di zaman pemerintahan Abdul Karim Kasim. Begitu juga di Selatan Yaman dan di Afghanistan sekarang ini.

Benarlah firman Allah tentang keadaan mereka:

لا يرقبون فى مؤمن الا ولا ذمة وأؤلئك هم المعتدون

Maksudnya: *Mereka tidak menghormati pertalian kerabat dan perjanjian terhadap orang-orang yang beriman dan merekalah orang-orang yang menceroboh.* (at-Taubah: 10)

dan firmanNya:

ولا يزالون يقاتلونكم حتى يردوكم عن دينكم ان استطاعوا

Maksudnya: *Mereka akan sentiasa memerangi kamu sehingga mereka dapat mengembalikan kamu daripada agama kamu (menjadi kufur) sekiranya mereka berdaya.* (al-Baqarah 217)

Begitulah apa yang dilakukan oleh komunis di setiap negara dengan cara-caranya yang tersendiri berdasarkan keadaan dan golongan yang dihadapi...

Di beberapa ketika -sebagaimana yang jelas- mereka kembali kepada besi dan api (kekerasan) untuk melaksanakan dasar-dasar dan memaksa orang lain menganut mazhab mereka sebagaimana yang telah mereka lakukan di masa yang lampau di China, Yogoslavia dan Rusia... dan sekarang ini di Yaman Selatan dan Afghanistan...

Pada zaman moden ini mereka beralih kepada serangan pemikiran berdasarkan kesesuaiannya dengan umat Islam. Begitu juga dengan cara-cara penyesatan, tipu daya dan pemalsuan yang difikirkan sesuai... Sehingga apabila orang-orang yang tertipu memasuki pintu dan terjerumus ke dalam perangkap... mereka akan bergerak bersama-sama mereka setapak demi setapak menuju kepada kemulhidan supaya mereka akhirnya menjadi setiawan yang bekerja... menjadi trompet yang bergerak... bahkan mereka tanpa segan silu mengiklankan kepada umum bahawa mereka adalah musuh kepada Islam, para Anbiya' dan agama. Allah berfirman;

أؤلئك الذين لعنهم الله فأصمهم وأعمى ابصارهم ......ذلك بأنهم اتبعوا ما أسخط الله وكرهوا رضوانه فأحبط أعمالهم

Maksudnya: *Merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka dan dibutakan penglihatannya... itu adalah kerana mereka melakukan perkara-perkara yang menyebabkan kemurkaan Allah dan mereka pula membenci perkara-perkara yang diredhainya. Oleh itu Allah gugurkan amalan kebaikan (yang pernah mereka lakukan).* (Muhammad: 23-28)

Dengan ini adakah kamu telah mengetahui -wahai pemuda- apakah yang komunis mahu daripada kesesatan, kemulhidan dan keraguan yang telah mereka sebar di dalam usaha mencabut asas-asas Islam daripada masyarakat Islam sehingga ke akar umbinya?

Apabila kamu telah mengetahui semuanya itu, maka kamu hendaklah berhati-hati, membenci dan menjauhkan diri daripadanya... demi mengekalkan keperibadianmu yang istimewa dan menjaga keaslian akidahmu... Dan Allah setiasa memelihara orang-orang yang bertaqwa, ikhlas dan beramal.

* * *

Perancangan Salibiah.

Sebelum kita melihat kepada noktah-noktah tersebut satu persatu adalah lebih baik kita mengenali apakah dia Salibiah serta kumpulan yang terlibat di dalamnya yang saling berganding bahu dan bantu- membantu.

Perkataan Salibiah memberi makna umat kristian yang mencurahkan tenaga mereka untuk memerangi Islam dan umatnya, menjajah negara mereka dan mengeluarkan mereka daripada agama Islam.

Manakala kumpulan yang terlibat di dalamnya ialah gerakan kristianisasi, orientalis dan penjajahan... Setiap kumpulan ini sentiasa bantu-membantu di dalam memerangi negara Islam, memurtad dan mengkristiankan umatnya. Kumpulan ini adalah lahir daripada fahaman salibiah untuk melaksanakan tugasnya sebagai penyesat dan memainkan peranannya di dalam kerja-kerja kristianisasi. Bahkan kumpulan-kumpulan ini merupakan gerakan Salibiah itu sendiri yang mana di zaman sekarang mereka menggunakan nama dan uslub yang zahirnya rahmat tetapi batinnya adalah azab. Ia telah melaksanakan tugasnya di negara Islam dan sentiasa berusaha untuk mencapai objektifnya yang keji dan merealisasikan kedengkiannya yang tersembunyi... akan tetapi Allah tidak akan meredhai kecuali menyempurnakan nurNya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir.

Saya bentangkan kepada kamu -wahai pemuda- noktah-noktah terpenting daripada perancangan Salibiah.

1. Menghapuskan perlaksanaan hukum Islam di negara Islam
Kita telah sebutkan sebelum ini bagaimana Salibiah berdiri teguh di Britain, Perancis, Itali dan Yunan..., Agen yang khianat “Atarturk” di dalam perjanjian “Luzon” untuk menghapusan khilafah, memisahkan antara agama dan negara dan memutuskan hubungan Turki dengan Islam.

Kita telah melihat bagaimana pengkhianatan `Atatork melaksanakan apa yang dicita-citakan oleh Salibiah. Selain daripada menghapuskan khilafah dan mengsekularkan perlembagaan negara... beliau telah menghapuskan mahkamah syariah, sekolah agama, hukum harta pesaka, menjadikan azan di dalam bahasa Turki, menggantikan huruf arab dengan huruf Latin dan menggantikan hari Jumaat sebagai hari cuti dengan hari Ahad... semuanya itu berjaya dilaksanakan dengan sempurnanya pada tahun 1928.

Britain dan pihak bersekutu telah berterima kasih terhadap usaha Atarturk memerangi Islam dan mengiktiraf kemerdekaan Turki selepas itu kerana mereka telah berjaya

menghapuskan kekuatan umat Islam yang terbentuk di dalam dua perkara; "Islam dan khilafah". Kerajaan sekular yang tidak berugama ini terus menjalankan perancangan jahatnya ke atas kebanyakan negara Islam yang membawa negara-negara tersebut berhukum dengan selain daripada apa yang telah diturunkan oleh Allah dan mengubah perlembagaannya kepada perlembagaan sekular dan tidak beragama.

2. Menghapuskan al-Quran al-Karim dan melenyapkannya
Salibiah menganggap al-Quran sebagai sumber asasi kekuatan umat Islam di mana ia merupakan sumber yang akan mengembalikan mereka kepada kemuliaan dan keagungan sebagaimana di masa lalu ia telah memainkan peranan sebenar sebagai sumber kekuatan dan kemajuan... Oleh itu mereka berusaha untuk menyelewengkannya, mentakwil atau melenyapkannya... sekiranya mereka berkuasa dan berupaya melakukannya.

- Gladstone telah berkata di dalam majlis parlimen Britain sambil mengangkat al-Quran di hadapan para perwakilan; "Selagi mana Al Quran ini berada di tangan umat Islam, maka Eropah selama-lamanya tidak akan berupaya menguasai negara Islam dan eropah sendiri tidak akan berada di dalam keadaan aman tenteram."

- Seorang pendakwah kristian, Wiliam Jifford Bellcraf telah berkata: "Apabila Al Quran, Mekah dan Madinah telah hilang dari negara arab, maka ketika itu kita akan melihat bangsa arab bergerak perlahan-lahan ke jalan tamadun barat, jauh daripada Muhammad dan Kitabnya".

- Seorang pendakwah kristian, Cartly telah berkata: "Kita perlu menggunakan Al Quran untuk menentang Islam itu sendiri sehingga kita berjaya menghapuskan Islam keseluruhannya. Kita perlu menyatakan kepada umat Islam bahawa perkara yang sohih di dalam Al Quran bukanlah suatu yang baharu dan benda yang baharu bukanlah suatu yang sohih".

- Pemerintah Perancis di Algeria telah berkata sempena seratus tahun penjajahannya; "Kita mesti melenyapkan Al Quran dari bangsa arab dan menghapuskan bahasa arab daripada percakapan mereka sehingga kita dapat menguasai mereka".

Tetapi mereka kecewa dan tidak berupaya untuk mencapai matlamat mereka menghapuskan Al Quran, menyelewengkannya atau menimbulkan keraguan disebabkan mukjizatnya... kerana Allah telah memberi jaminan untuk memeliharanya daripada penyelewengan atau penukaran hingga hari akhirat. Allah berfirman:

انا نحن نزلنا الذكرى وانا له لحافظون

Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah yang telah menurunkan Al Quran itu dan Kamilah yang memeliharanya (daripada diubah).* (al Hijr: 9)

3. Menghancurkan pemikiran Islam di kalangan umat Islam
Di antara perancangan Salibiah ialah memutuskan hubungan umat Islam dengan Islam dan menghancurkan pemikiran Islam daripada akal fikiran umatnya... supaya mereka khususnya pemuda-pemudinya berjalan di atas landasan mulhid dan fahaman keharusan serta memutuskan hubungan mereka dengan Allah dan Islam.

- Zuwaimir, seorang pendakwah Salibiah telah berkata sebagaimana tercatat di dalam buku "Serangan ke atas dunia Islam": “Sesungguhnya gerakan kristian jika dinisbahkan kepada tamadun Barat ada dua keistimawaan; keistimewaan meruntuhkan dan keistimewaan membina. Yang dimaksudkan dengan meruntuhkan ialah menjauhkan muslim daripada agamanya walaupun dengan mendorongnya kepada kemulhidan. Membina pula bermaksud mengkristiankan muslim -sekiranya mereka berupaya- supaya dia berpihak kepada tamadun Barat untuk menentang bangsanya.

-Pendakwah Salibiah yang lain pula, Tarkly berkata: “Kita mesti menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah yang berasaskan kepada pemikiran sekular Barat kerana keyakinan kebanyakkan umat Islam terhadap Islam dan Al Quran akan goyang apabila mereka mempelajari buku-buku Barat dan bahasa asing”.

- Zuwaimir telah berkata di seminar missionary yang diadakan di al-Quds pada tahun 1935: “Sesungguhnya tugas kristianisasi yang ditugaskan oleh negara-negara kristian kepada kamu di negara Islam bukanlah bermakna memasukkan umat Islam ke dalam agama kristian kerana ini merupakan hidayat dan kemuliaan bagi mereka... tetapi tugas kamu ialah mengeluarkan umat Islam daripada Islam supaya mereka tidak mempunyai hubungan dengan Allah. Seterusnya tidak mempunyai hubungan yang mengikat mereka dengan akhlak yang dipegang oleh umat-umat lain di dalam kehidupan mereka. Dengan itu kamu merupakan perintis kepada penjajahan di negara-negara Islam dan kamu telah menyediakan semua akal fikiran yang ada di dalam kerajaan Islam untuk berjalan di jalan yang telah kamu usahakan. Ketahuilah, ia adalah mengeluarkan Muslim daripada Islam”.

Tetapi para pendakwah kristian tidak berupaya untuk mencapai matlamat yang keji dan hina itu. Sesungguhnya di dalam diri pemuda Islam terdapat kefahaman, kesedaran dan keazaman untuk kembali kepada Islam dan berjihad meninggikan kalimah Allah. Allah akan menyempurnakan cahaya agamaNya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir.

4. Melenyapkan kesatuan umat Islam

Salibiah telah melakukan kerjanya yang hina memecah
belahkan kesatuan umat Islam bermula dengan menghapuskan khilafah dan berakhir dengan memecah belahkan umat Islam dan daulahnya kepada bangsa-bangsa yang bercerai berai dan negara-negara kecil yang bertebaran.

Semua ini bertujuan supaya umat Islam sentiasa berada dalam kelemahan, kehinaan dan berpecah belah serta saling bermusuhan di antara satu sama lain. Dengan itu hilanglah kemuliaan, keperibadian dan ketuanan dari diri mereka.

- Saimon yang juga seorang pendakwah Salibiah telah berkata: “Sesungguhnya kesatuan arab Islam telah menyatukan cita-cita umat Islam dan membantu menghapuskan penguasaan Eropah. Kristianisasi merupakan faktor penting di dalam usaha menghapuskan kekuatan gerakan ini. Oleh itu kita perlu memalingkan haluan muslimin daripada kesatuan Islam dengan menggunakan gerakan kristianisasi.”

-Pendakwah kristianisasi Lowrence Brown telah berkata: “Apabila Umat Islam bersatu di bawah Empayar Kerajaan Arab, mereka boleh menjadi bahaya dan laknat kepada dunia atau mereka juga boleh menjadi nikmat kepada dunia. Adapun apabila mereka kekal berada di dalam keadaan berpecah belah, ketika itu mereka tidak mempunyai sebarang nilai dan pengaruh”.

Pada tahun 1907, diadakan Muktamar Agung Eropah yang diketuai oleh Britain. Muktamar yang berlangsung selama sebulan dipenuhi dengan kajian dan perbincangan. Para perwakilan telah membentangkan bahaya luaran yang akan menghapuskan tamadun barat. Mereka mendapati bahawa umat Islam merupakan sebesar-besar bahaya yang akan menggugat eropah. Mereka mengambil ketetapan mengatur strategi yang menuntut pengembelingan tenaga seluruhnya untuk menghalang daripada terbentuknya sebarang kesatuan atau persepakatan di antara negara-negara Islam Timur Tengah. Ini disebabkan Timur Tengah merupakan satu-satunya bahaya yang menggugat masa depan Eropah.

Akhirnya mereka menetapkan untuk mewujudkan perkauman yahudi Barat untuk menentang arab dan muslimin di Timur terusan Suez supaya umat Islam kekal dalam keadaan berpecah belah. Berdasarkan sebab inilah Britain telah menggariskan asas kerjasama dan persekutuan dengan Zionis sedunia yang menyeru ke arah mewujudkan negara Yahudi di Palestin.

Tetapi kita melihat hari demi hari kelahiran benih-benih kebangkitan kesedaran di kalangan pemuda Islam untuk mewujudkan kesatuan Islam yang unggul dan umum di bawah satu pemerintahan dan negara sebagai melaksanakan firman Allah:

انا نحن نزلنا الذكرى وانا له لحافظون

Maksudnya: *Sesungguhnya inilah umat kamu, umat yang satu, dan Aku adalah Tuhan kamu, maka sembahlah Aku.* (al Anbiya': 92)

Semoga semuanya akan terhasil dalam jangka masa yang singkat dengan izin Allah.

5. Merosakkan wanita Islam

Iaitu dengan memberikan perhatian kepada gerakan pembebasan wanita, menimbulkan perbahasan sekitar hak persamaannya dengan lelaki, menentang sistem hijab Islam, poligami dan pengharusan tolak... semuanya ini adalah untuk mewujudkan keraguan terhadap kesesuaian syariat Islam untuk dilaksanakan di dalam kehidupan.

- Zuwaimir, ketua penulis kristianisasi telah menulis kertas kerja yang bertajuk `Dunia Islam Hari Ini'. Beliau berkata; "Sebelum ini tidak pernah wujud akidah yang berasaskan tauhid yang lebih mantap daripada akidah Islam dan berjaya menembusi dua benua dengan begitu luas, Asia dan Afrika. Ia telah menyebarkan akidahnya, syariat dan adat resamnya kepada dua ratus juta manusia... dan mengukuhkan tali perhubungan mereka dengan menggunakan bahasa arab. Mereka pada hari ini adalah seperti saki baki runtuhan bangunan dan kesan-kesan lama yang terkumpul di bukit tinggi. Mereka juga boleh dikatakan seperti banjaran bukit yang mencakar langit... puncaknya menyinarkan nur tauhid dan kakinya tenggelam di dalam kegelojohan pologami dan kemunduran wanitanya." Beliau menutup perbincangannya dengan menasihati para pendakwah kristian supaya tidak berputus asa menjalankan tugas mereka kerana 'ulat perosak' pembebasan wanita telah menular sehingga ke tulang belakang masyarakat Islam. Beliau berkata; "Para pendakwah kristian tidak sepatutnya merasa putus asa apabila melihat kesan dakwah mereka terhadap muslimin adalah lembab. Ini disebabkan di antara perkara yang dapat dipastikan ialah kecenderungan terhadap ilmu-ilmu Barat dan fikrah pembebasan wanita telah tumbuh dengan suburnya di dalam hati orang-orang Islam..."

Misho Athin Lhami, seorang penulis Perancis yang masyhur telah menulis di dalam majalah Dunia Perancis keluaran 15 september 1901M. Beliau telah menggariskan beberapa strategi untuk menghancurkan Islam. Beliau berkata; "Menggunakan cara mendidik anak-anak orang Islam, sekalipun mendatangkan faedah seperti mana yang kami nyatakan tetapi melalui pendidikan anak-anak perempuan mereka di sekolah-sekolah wanita kristian akan membawa hasil sebenar yang kita kehendaki dan membawa kita kepada matlamat yang kita usahakan. Bahkan aku tegaskan di sini bahawa mendidik anak-anak perempuan mereka dengan cara ini merupakan satu-satunya cara untuk menghancurkan Islam melalui tangan-tangan penganutnya".

Sesungguhnya mereka tidak berjaya. Wanita-wanita muslimat pada hari ini telah mengetahui hakikat perancangan jahat mereka terhadap anak-anak perempuan mereka. Bahkan mereka mengetahui dengan penuh sedar bahawa Islam telah memberikan kepada mereka hak-hak yang tidak mungkin diperolehi oleh mana-mana wanita yang berada di bawah naungan perlembagaan selain Al Quran. Bahkan mereka mengetahui bahawa semua itu adalah bertujuan untuk merampas semulia-mulia perkara yang mereka miliki iaitu kehormatan dan kesucian untuk dijadikan barang keseronokan yang murah di pasaran hawa nafsu dan syahwat...!!

* * *

Uslub-uslub Salibiah.

Salibiah dan kuncu-kuncunya mempunyai cara tersendiri untuk memerangi Islam dan muslimin di negara mereka.

Saya bentangkan kepada kamu -wahai pemuda- uslub dan seruan-seruan yang terpenting:

Di antara uslub mereka ialah;

- Mendakwa bahawa Al Quran adalah kitab Masihi dan Yahudi yang telah ditiru oleh Muhammad daripada kitab-kitab samawi yang terdahulu.
- Mendakwa bahawa falsafah Islam adalah pemikiran Yunan yang ditulis dalam bahasa arab.
- Mendakwa bahawa bahasa arab fusha merupakan bahasa yang susah dan tidak sesuai digunakan pada masa kini. Oleh itu perlu menggunakan bahasa pasar dan loghat daerah sebagai ganti kepadanya. Begitu juga perlu menggunakan huruf latin menggantikan huruf arab.
- Menyeru supaya dihidupkan fahaman Firaun di Mesir, Ays Suriah di Iraq, Al Barbariah di Utara Afrika dan Finiqiah di Lubnan dan Palestin serta seruan mengutamakan bahasa Parsi iaitu bahasa bangsawan daripada bahasa arab yang merupakan bahasa orang peringkat rendahan.
- Mendakwa bahawa orang-orang yang membawa masuk kehidupan sastera dan kemajuan ke dunia Islam pada akhir kurun 19 ialah orang-orang kristian Lubnan... dan juga mendakwa bahawa bangsa Barbar merupakan satu-satunya bangsa yang mempunyai tamadun dan kemajuan di Utara Afrika dan Sepanyol. Manakala Islam pula tidak memberi apa-apa sumbangan untuk membina kemajuan di dunia.
- Mendakwa bahawa Islam suka kepada pencerobohan, memaksa pengikut agama lain supaya menganutnya dan menggalakkan penganutnya berlaku kasar kepada bukan muslimin. Begitu juga ia menyeru kepada kehidupan kebinatangan dan tenggelam di dalam kelazatan hidup.

- Menyeru supaya memulau kehidupan muslimin hari ini, akhlak dan adab-adab mereka yang diwarisi kerana -pada pandangan mereka- ia merupakan kehidupan padang pasir yang hina.
- Mendakwa bahawa sebab dan punca kemunduran dan ketinggalan zaman umat Islam ketika ini ialah ajaran Islam dan berpegang dengannya.

ذلك قولهم بافواههم يضاهؤون قول الذين كفروا من قبل قاتلهم الله أنى يؤفكون

Maksudnya: *Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri; (iaitu) mereka menyamai perkataan orang-orang kafir dahulu; semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh berpaling daripada kebenaran?.* (at Taubah: 30)

Supaya kamu mengetahui -wahai para pemuda- uslub-uslub yang hina ini dan seruan yang batil ini... ke atas Islam dan Nabi Islam... maka dengarlah apa yang diperkatakan oleh pendakwah kristian Amerika "Henry Gieph": "Muslimin tidak memahami agama dan tidak mengetahui apakah dia agama. Mereka adalah pencuri, pembunuh, orang-orang yang mundur dan gerakan kristianisasi akan bekerja memajukan mereka".

Dengar pula apa yang diperkatakan oleh Gowlemin di dalam bukunya "Sejarah Perancis": "Sesungguhnya Muhammad, pengasas agama muslimin telah menyuruh pengikutnya menundukkan dunia dan menggantikan semua agama dengan agamanya... alangkah besarnya perbezaan antara penyembah-penyembah berhala (yang dimaksudkan adalah muslimin) dengan orang nasrani (kristian)!! Orang-orang arab itu telah menyebarkan agama mereka dengan kekuatan dan mereka berkata kepada manusia: "Kamu mesti memeluk Islam atau kamu akan mati" sedangkan pengikut-pengikut kristian telah menarik jiwa-jiwa dengan kebaikan dan kelembutan mereka. Apakah yang akan berlaku kepada dunia sekiranya arab menguasai kita? Pada ketika itu kita semua akan menjadi muslim sebagaimana penduduk Algeria dan kepulauan Marakash."
Adakah kamu pernah melihat -wahai para pemuda- kedengkian terhadap Islam dan Nabi Islam seperti kedengkian ini?

Adakah kamu pernah melihat penyelewengan terhadap hakikat yang tetap, pembohongan terhadap realiti dan sejarah sebagaimana penyelewengan dan pembohongan ini?

Muslimin pada pandangan orang-orang yang dengki ini adalah orang-orang yang mundur, pencuri dan pembunuh!! Dan Rasulullah s.a.w adalah ketua penjenayah!!... Dan Islam menyebarkan kekuasaannya kepada manusia dengan pedang dan paksaan!!

Allah akan membinasakan mereka, maka bagaimana mereka boleh berpaling dari kebenaran?. Orang-orang zalim akan mengetahui di manakah tempat kembali mereka di akhirat nanti.

* * *

Wasilah-wasilah Salibiah.
- Wahai pemuda- Salibiah mempunyai wasilah-wasilah yang begitu keji untuk memerangi Islam dan menggoncang akidah muslimin...
Di antara wasilah yang terpenting ialah:

<u>Memberi pelajaran kepada anak-anak muslimin di tadika, sekolah dan universiti mereka.</u>

Di dalam buku `Golongan Sosialis di Syria' ada menyebut:
- Sesunggguhnya pendakwah kristian yang pertama ialah sekolah. Perbanyakkan sekolah-sekolah di seluruh pelusuk dunia Islam khususnya taman asuhan kanak-kanak kerana wasilah yang memberikan hasil yang paling baik di dalam usaha mengkristiankan muslimin ialah dengan mengajar anak-anak kecil mereka.
- Tulislah buku-buku khas bagi anak-anak muslimin di segenap lapangan pelajaran dan gunakanlah buku-buku tersebut untuk menimbulkan keraguan terhadap Islam. Palingkan pelajar-pelajar kepada bahan-bahan rujukan yang berfahaman kristian dan orientalis yang penuh dengan racun terhadap Islam.
- Pilihlah untuk sekolah-sekolah tersebut dan tenaga pengajarnya guru-guru yang mempunyai kecenderungan kepada kristian serta mempunyai kecerdikan dan pengalaman yang mencukupi.
- Paksalah pelajar-pelajar Islam memasuki gereja dan mendengar nasihat-nasihat gereja pada hari Ahad dan melakukan adat kristian.
- Mereka sentiasa berusaha menanamkan dasar-dasar pendidikan Barat ke dalam jiwa muslimin sehingga mereka membesar berdasarkan rentak Barat dan neraca penimbang Islam di dalam jiwa mereka menjadi lemah.
- Mereka berusaha menonjolkan wanita Barat dengan aneka kemajuan dan kebebasan, dan menonjolkan wanita Islam dengan pelbagai bentuk kemunduran dan ketinggalan zaman... sehingga mereka berjaya membebaskan wanita Islam daripada hijab, akhlak Islam dan cenderung kepada berhias dan kefasadan.

Menyebarkan sebaran-sebaran kristian seluas-luasnya.

Pihak missionari dan orientalis memandang serius terhadap sebaran am sebagaimana mereka mengambil berat terhadap pelajaran atau pun lebih daripada itu. Mereka mengarang buku-buku, menerbitkan majalah-majalah dan akhbar-akhbar, membuka pusat-pusat percetakan dan kedai-kedai buku... Sehingga alat media hari ini dimonopoli oleh mereka tanpa ragu-ragu lagi.

Boleh jadi perkara yang paling bahaya yang telah dilakukan oleh orientalis hingga hari ini ialah penerbitan ensiklopedia dalam berbagai bahasa. Pada masa ini mereka telah mula mengeluarkan cetakan baru yang berjuzuk secara berterusan. Bahaya encyklopedia kepada muslimin adalah disebabkan ia dijadikan sebagai bahan rujukan kepada kajian mereka di mana di dalamnya terdapat banyak penyelewengan, campur aduk dan unsur-unsur permusuhan terhadap Islam dan muslimin... Qiaskanlah perkara ini dengan kamus al-Munjid yang dikarang oleh Luis Macleuf. Sesungguhnya kamus ini tersebar di kalangan bijak pandai muslimin dan bukan muslimin di dunia Islam yang mana di dalamnya terdapat racun dan tuduhan terhadap sistem Islam, nabi Islam dan sejarah Islam.

Majalah paling bahaya yang dikeluarkan oleh orientalis Amerika pada masa kini ialah majalah Dunia Islam yang diasaskan oleh Samuel Zuwaimir pada tahun 1911M dan sekarang diterbitkan di Herbert, Amerika. Ketua pengarang majalah tersebut ialah Camnith Craig. Pencetak majalah ini ialah missionari dan orientalis yang dengki.

Masih tidak dapat dilupakan apa yang dikarang oleh Gargie Zaidan seorang salibi di mana beliau menulis tentang pahlawan dan sejarah Islam secara bersiri... di dalamnya terdapat penipuan, pendustaan, bisikan jahat dan tuduhan... semua ini tidak dapat disembunyikan daripada orang yang mempunyai akal. Begitu juga apa yang ditulis oleh “Salamah Moses”

di mana penipuan dan pembohongan yang terdapat di dalamnya adalah lebih kurang dengan apa yang ditulis oleh penulis yang terdahulu tentang Islam.

Sekiranya kita telah melupai semua ini, kita jangan lupa tentang sebaran kristian yang dihantar oleh petugas-petugasnya ke peti-peti surat muslimin di segenap tempat. Sesungguhnya di dalamnya terdapat tulisan yang mendakwa bahawa Isa itu adalah anak Allah dan Tuhan telah mengutuskannya ke dunia untuk menyebarkan semangat perdamaian, kasih sayang dan bertolak-ansur... manusia hendaklah menganut agamanya dan menjadi pengikutnya... sehinggalah tersebarnya kasih sayang, keamanan dan tolak ansur di dunia seluruhnya.

Mereka telah menggunakan dua buah bandar besar untuk menyebarkan buku-buku, majalah-majalah, akhbar dan sebaran mereka iaitu Kaherah dan Beirut.

Kaherah telah digunakan oleh Protestan sebagai pusat penyebaran ajaran kristian di seluruh bumi Mesir dan dunia Islam. Mereka juga telah mendirikan pusat percetakan Amerika di Beirut. Pusat itu telah menjadi wasilah terpenting kepada usaha kristianisasi di Timur seluruhnya.

Manakala Beirut pula, mereka telah menumpukan segala tenaga ke sana di mana mereka menggunakan percetakan Khatolik yang diasaskan semenjak tahun 1871. Melalui pusat percetakan ini kerja-kerja kristianisasi diberi keutamaan.

Perkhidmatan perubatan dan sosial:

Sesungguhnya mereka memberi perhatian kepada perkhidmatan perubatan lebih daripada perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain... Pengasas pertama khidmat perubatan untuk tujuan kristianisasi ialah orang-orang Amerika. Mereka telah mewujudkannya di Siwas di Turki pada tahun 1859M.

Semenjak itu orang-orang Amerika dan pendakwah-pendakwah kristian yang lainnya menganggap khidmat perubatan sebagai perencanaan kristian. Di atas asas ini Paul Hayson seorang doktor telah berkata di dalam bukunya `Doktor di Negara Arab'; Pendakwah kristian bersetuju dengan penubuhan hospital walaupun faedahnya sampai ke kawasan Amman. Sesungguhnya kewujudan kita di negara arab adalah untuk menjadikan penduduknya sebagai penganut agama kristian... Doktor yang menyebarkan kristian berupaya untuk sampai ke segenap lapisan masyarakat melalui pesakit yang diubatinya..."
Kemudian mereka mewajibkan kepada doktor memiliki senaskhah Injil, seandainya dengan Injil tersebut ia berupaya mengubah orang yang berada di sekelilingnya dan berjaya mengkristiankan mereka atau meninggalkan kesan yang mendalam di dalam diri mereka.

Perkhidmatan perubatan dan sosial ini -wahai pemuda- tersebar di seluruh negara Islam. Kamu semua mengetahui bahawa pendakwah-pendakwah kristian mempunyai hospital perubatan dan persatuan perkhidmatan sosial di setiap negara Islam. Semuanya ini bertujuan mempengaruhi orang yang lemah akal dan akidahnya di kalangan umat Islam.

Merosakkan masyarakat Islam:

Iaitu melalui arak, seks, pementasan, pembebasan wanita... Semua wasilah ini adalah bertujuan untuk memesongkan pemuda Islam khususnya daripada matlamat kehidupan

mereka yang tinggi iaitu berjihad di jalan Allah. Begitu juga memalingkan mereka daripada menyedari tanggungjawab menyampaikan dakwah dan membawa risalah Islam ke seluruh dunia.

Dengan izin Allah di dalam perbincangan “Cabaran Keruntuhan Akhlak” saya akan membincangkan secara terperinci mengenai perancangan dan uslub yang keji yang dilakukan oleh musuh Islam terutamanya Salibiah, Yahudi, Freemason... untuk menenggelamkan masyarakat Islam di dalam kelazatan syahwat dan memalingkan pemudanya daripada kewajipan yang utama iaitu menyampaikan risalah Islam.

Memperbanyakkan pendakwah kristian di dunia Islam:

Majalah Al-Muslimun telah melaporkankan daripada Dr. Abdul Wadud Syalabi, Ketua Dakwah Islamiah di Universiti al-Azhar,
beliau telah menyatakan bahawa bilangan pendakwah kristian di dunia sekarang ini melebihi angka 220 ribu orang. Di antara mereka, 138 ribu orang bermazhab Khatolik dan 82 ribu orang Protestan. 5 ribu orang pendakwah Islam yang bekerja di sana-sini tidak cukup untuk berhadapan dengan bilangan yang ramai ini. Adakah memadai dengan hanya lima ribu orang sedangkan di Indonesia sendiri terdapat lebih daripada 10 ribu orang pendakwah kristian.

Mengenai pertambahan usaha kristianisasi di dunia Islam, Ketua Dakwah Islamiah di Universiti al-Azhar berkata; “Sesungguhnya gerakan kristianisasi telah bertambah untuk menentang kebangkitan kesedaran Islam di dunia. Kesedaran ini bukanlah merupakan kebangkitan pemimpin ataupun pemerintah tetapi ia adalah kebangkitan kebenaran... ia tidak akan terhenti... Islam sentiasa timbul di segenap tempat. Kebangkitan Islam akan menimbulkan ketakutan di dalam hati musuh-musuh Islam".

Serangan kristianisasi yang hebat yang memerangi dunia Islam hari ini merupakan lanjutan daripada perancangan-perancangan yang disusun oleh pendakwah kristian untuk generasi Islam di zaman lampau. Doktor Syalabi telah berkata di dalam majalah al-Muslimun pada keluaran yang sama: “Sesungguhnya permusuhan dan kebencian Salibiah Barat terhadap dunia Islam tercerna di dalam penjajahannya terhadap negara-negara arab. Kerja pertama yang dilakukan oleh pejabat penjajah Perancis di Algeria ialah merubah masjid yang terawal dan terbesar (Kisyar) kepada gereja. Jabatan Pos Perancis telah mengeluarkan stem peringatan pada ketika itu dengan lambang anak bulan sebagai simbol Islam yang tenggelam di lautan dan lambang salib yang sedang naik dan meninggi...”

Doktor Syalabi menambah lagi; “Sebagai penyempurnaan kepada perancangan ini, Britain telah menawan Mesir. Gladstone, Perdana Menteri Britain pada masa itu telah berkata di dalam salah satu ucapannya: "Sesungguhnya di sana ada empat penghalang kepada kita untuk menghapuskan Islam iaitu: Al Quran, Ka’bah, Al Azhar, dan sembahyang Jumaat.”

Dari sini kita dapat mengetahui bahawa kristianisasi yang berlaku pada hari ini merupakan lanjutan daripada kerja-kerja kristianisasi di masa lampau untuk membolehkan mereka mencapai matlamat meleburkan Islam dan menghapuskan kemuliaan umatnya dengan pertolongan orientalis... Tetapi mereka kecewa dan gagal. Allah akan menyempurnakan cahayaNya dengan kebangkitan pemuda dan keteguhan keazaman mereka di dalam menyampaikan dakwah dan mengembangkan risalah Islam. Semuanya tidak sulit kepada Allah.

Adakah kamu tahu -wahai pemuda- perancangan-perancangan Salibiah ini adalah untuk menghapuskan akidah Islam, memecah belahkan kesatuan Muslimin dan merosakkan keluarga Muslim?.

Adakah kamu mengetahui bahawa Salibiah yang terdiri dari orientalis dan gerakan kristianisasi mempunyai uslub, seruan dan wasilah yang keji untuk mengeluarkan muslim daripada Islam, merosakkan akhlak pemuda dan pemudi di negara Islam dan menghala generasi Islam ke arah murtad dan kafir sekadar yang mereka terdaya.

Apabila kamu telah mengetahui semuanya ini -wahai pemuda Islam-maka kamu mestilah memperbaharui niat, menguatkan keazaman, melipatgandakan usaha, mengembeling tenaga dan mempetingkatkan amal haraki... agar pada akhirnya kamu dapat mengalahkan tipu daya penipu dan menghancurkan rancangan penjajah yang dengki... Allah sentiasa bersama kamu dan Dia tidak akan mensia-siakan kerja-kerja kamu.

* * *

Perancangan Yahudi.

Yahudi -semoga Allah menghancurkan mereka- telah menggunakan berbagai-bagai perancangan dan tipu daya untuk mencapai matlamat mereka meluaskan kekuasaan dan tanah air mereka di alam ini.

Pengenalan Yahudi dan matlamat mereka.
Mereka menggunakan cara yang keji, hina dan ditolak oleh akal yang sihat untuk mencapai penguasaan tersebut. Ia dapat dilihat melalui apa yang telah digariskan oleh manhaj amali mereka di dalam protokol zionis. Dari segi asasnya ia tertumpu kepada usaha melenyapkan asas-asas masyarakat dunia, meniupkan anasir penyelewengan dan kefasadan ke dalam masyarakat dan meresapkannya ke dalam sanubari mereka. Mereka juga menyebarkan unsur-unsur kebebasan melakukan apa sahaja ke dalam masyarakat yang menjalar hingga ke akar umbinya... sehingga apabila nilai-nilai murni masyarakat hilang dan elemen-elemen kehidupan dan kewujudannya telah luput... maka masyarakat akan memilih dan menyerah kepada pemikiran Yahudi dan perancangan mereka. Dengan ini Yahudi akan menggunakan kesempatan ini di celah-celah pertarungan dan kekalutan yang dihadapi oleh manusia... untuk mendapatkan teraju kepimpinan manusia dan mendirikan di dunia ini negara antarabangsa yang dianggotai oleh seluruh negara di dunia dan semuanya tunduk di bawah kekuasaannya. Penduduknya pula terdiri daripada dua peringkat:

Pertama: Yahudi, bangsa terpilih yang bersemayam di atas singgahsana pemerintahan dan di tangan mereka tongkat kehakiman, kekuasaan politik dan terajua dunia ini.
Kedua: Bangsa yang bukan Yahudi (mereka adalah golongan awam) yang menjadi hamba dan khadam kepada Yahudi... kerana darah mereka bukan darah Yahudi daripada segi kedudukan, kemuliaan dan kepintaran.

Akidah Yahudi yang terbina di atas unsur `bangsa pilihan Allah' merupakan akidah lama yang telah meluas di dalam pemikiran Yahudi semenjak zaman Yahudi yang pertama dahulu. Ianya telah dipindahkan daripada satu generasi kepada satu generasi dengan penuh rahsia dan hati-hati disamping menunggu peluang. Mereka telah bekerja untuknya dalam keadaan sabar dan berhati-hati... Para rahib dan pendetanya sentiasa menyalakan

obor-obornya dari semasa ke semasa tanpa jemu. Ianya tidak pernah padam dan tidak berkecamuk di fikiran mereka.

Di akhir kurun yang ke 19M, Hartsle seorang Yahudi telah menyeru supaya diadakan satu persidangan Yahudi yang pertama di bandar Baal di Switzerland pada tahun 1897. Ketetapan yang diambil ialah menentukan perlembagaan yang akan digunakan untuk marhalah yang sedang dilalui demi mencapai protokol mereka. Kemudian beliau telah menetapkan di dalam bukunya `Negara Yahudi', bumi Palestin sebagai bumi yang dijanjikan dan bumi pengutusan para anbiya' bani Israel. Yahudi telah bekerja keras melaksanakan perancangan mereka berdasarkan langkah-langkah yang telah disusun dan jangka masa yang dirancangkan untuk menyempurnakan penguasaan mereka terhadap bumi yang dijanjikan (mengikut dakwaan mereka) yang merangkumi kawasan sepanjang sungai Nil di Mesir hingga ke Sungai Furat. Ianya merangkumi sebahagian Mesir, Sinai, Palestin, bahagian Barat Iraq, Syria, Lubnan, padang pasir Syam, Jordan, Utara semenanjung tanah arab sehingga ke Madinah Munawwarah...

Pada tahun 1948 -dengan pertolongan negara-negara besar- Yahudi telah mengiklankan pembentukan negara Israel. Ben Koryeon pada ketika itu telah berkata: “Sesungguhnya zionos telah mencapai metlamatnya pada 14 Mei 1948 dengan terbentuknnya negara Yahudi yang lebih besar daripada apa yang telah dipersetujui, dan dengan kelebihan kekuatan. Ini bukanlah merupakan perjuangan kita yang terakhir, tetapi pada hari ini kita telah memulakan langkah dan kita hendaklah berjalan terus untuk mencapai pembentukan negara yang kita perjuangkan daripada Nil hingga ke Furat.” Yang di maksudkan oleh beliau ialah negara Israel telah terbentuk di kawasan yang lebih luas daripada apa yang telah disepakati melalui projek pembahagian Palestin di antara Yahudi dan Arab.

Israel sentiasa melakukan persiapan untuk mencapai matlamat perluasannya. Mereka telah menggunakan kesempatan kesibukan bangsa arab terhadap mereka dan kadang-kadang mereka bersatu dengan arab untuk mencapai matlamat... sehingga mereka berupaya menawan Sinai, Bukit Golan dan semua bumi Palestin!!.

Daripada apa yang kami nyatakan sebentar tadi, jelaslah bahawa Yahudi yang dilaknat oleh Allah telah meletakkan di hadapan mata mereka tiga sasaran untuk melaksanakan perancangan dan mencapai apa yang mereka mahu:
Pertama:Memecah belahkan umat-umat yang ada di muka bumi, menimbulkan permusuhan dan peperangan di antara mereka dan menyalakan api fitnah sesama mereka.
Kedua:Merosakkan akidah umat, meruntuhkan akhlak, sistem dan konsep kehidupan serta menjauhkan mereka daripada jalan Allah yang lurus.
Ketiga:Mendirikan negara Israel yang memanjang daripada sungai Furat hingga ke sungai Nil di tengah-tengah negara Islam.

Selain daripada itu semua, matlamat sampingan mereka adalah menghapuskan faktor-faktor kekuatan, kemajuan dan pembangunan daripada umat lain. Seterusnya menjadikan Yahudi sebagai penguasa di bidang pemikiran, ekonomi, politik dan kekuatan tentera... di dunia seluruhnya.

* * *

Di antara wasilah utama mereka untuk mencapai ketiga-tiga sasaran tersebut ialah mengasaskan “pertubuhan rahsia” di seluruh dunia. Di antara pertubuhan yang terpenting

dan yang menjadi kemuncaknya ialah Pertubuhan Freemason. Tetapi, apakah dia Freemason dan apakah matlamatnya yang terpenting?

Doktor Abdul Rahman Habankah telah berkata di dalam bukunya `Tipu daya Yahudi' muka surat 219 seperti berikut:
Sejarah pertubuhan ini -yang mana matlamatnya dijaga dengan penuh rahsia- telah membuktikan bahawa ia merupakan sebahaya-bahaya pertubuhan rahsia dunia yang telah memainkan peranan penting di dalam sejarah dunia dan mempunyai pengaruh yang besar di dalam menentukan untung nasib kebanyakan bangsa. Ia juga mampu menguasai politik sebahagian besar negara di dunia. Mereka tidak menyedari bahawa yahudi telah memasuki negara mereka melalui lembaga Freemason yang ditadbir oleh tangan-tangan Yahudi yang bersembunyi dibelakangnya. Di waktu yang sama lembaga ini juga merupakan pentadbir sebenar kepada operasi pemikiran, politik, ekonomi, sosial, peperangan dan lainnya... di negara yang tersebar di dalamnya lembaga Freemason.

Sekiranya Yahudi tidak mempunyai bilangan agen yang ramai di negara tersebut, sudah tentu mereka tidak dapat berbuat sesuatu untuk kepentingan Yahudi sedunia. Tetapi walaupun begitu, peranan ini tetap boleh dimainkan oleh pertubuhan Freemason yang dikendalikan oleh pendeta Yahudi dan para bijak pandai dengan memperalatkan tali barut mereka tanpa mereka mengetahui ke manakah arah tujuan mereka dan untuk siapakah mereka bekerja.

Beberapa orang pengkaji telah terperanjat apabila mengetahui bahawa semua peperangan-peperangan besar yang berlaku adalah disebabkan oleh Yahudi yang bekerja melalui pertubuhan Freemason dan agen-agennya di seluruh dunia.

Yang menyedihkan, pertubuhan Freemason itu telah berkembang di dalam masyarakat arab dan Islam dan dasar-dasarnya telah dianuti oleh kebanyakan orang yang menisbahkan dirinya kepada Islam yang terdiri daripada golongan cerdik pandai, kaya, berpangkat, mempunyai kuasa dan kekuatan... Kita tidak tahu apakah yang akan dipaparkan oleh hari-hari muka tentang peranan yang akan dimainkan oleh pertubuhan Freemason sedunia melalui agen-agennya yang terdiri daripada orang-orang yang mempunyai kuasa untuk mengiktiraf negara Israel dan melaksanakan perancangan meluaskan negaranya dari sungai Furat hingga ke sungai Nil.

Apabila bayang-bayang pengiktirafan negara Israel telah menampakkan diri di tangan beberapa pemerintah negara arab pada hari ini, maka tahulah kita bahawa perancang Yahudi berada di sebalik peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam usaha menyelesaikan persoalan Palestin untuk kepentingan Israel dan melaksanakan matlamat yang diharap-harapkan; menguasai kawasan di antara Furat dan Nil. Kita juga dapat mengetahui bahawa perlaksanaan kepada perancangan ini adalah dilakukan oleh pemerintah yang merupakan agen Yahudi dan telah menjual keperibadian mereka kepada syaitan, mengkhianati perjanjian dan mengabaikan tanggungjawab. Melalui gerak-geri mereka, jelas menunjukkan bahawa mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan Freemason ataupun mereka terdorong melakukan perancangan tersebut bagi pihak Yahudi samada secara disedari ataupun tidak.

Secara umumnya, samada mereka mempunyai hubungan atau tidak dengan pertubuhan itu, sejarah tetap mengecap mereka sebagai pengkhiana yang besar. Mereka dilaknat oleh Allah,

sejarah dan generasi muslim... laknat ini berterusan hingga hari akhirat nanti kerana mereka telah mengkhianati Allah, rasulNya dan mukminin.

* * *

Sekarang kita bukanlah membincangkan tentang persoalan pengasasan Freemason, peringkat-peringkat penubuhannya dan mendedahkan rahsia dan jalan-jalannya... kerana ruang di dalam perbahasan ini tidak mengizinkan. Sesiapa yang ingin mengetahui secara mendalam mengenai perkara tersebut maka dia boleh merujuk buku "Tipu daya Yahudi" karangan Habankah; di dalamnya terkandung semua perkara yang dikehendaki.

Tetapi, perbincangan kita ialah mendedahkan perancangan-perancangan Freemason Yahudi di dalam usahanya melaksanakan serangan pemikiran, memerangi agama, meruntuhkan akhlak dan merosakkan masyarakat manusia.

Saya kemukakan kepada kamu -wahai pemuda- perancangan-perancangannya yang terpenting:
Yahudi telah mengiklankan perancangan serangan pemikiran di dalam protokol mereka adalah untuk merosakkan akidah, akal dan keperibadian manusia... bahkan mereka telah melahirkan pemikiran, dasar-dasar Yahudi dan bukan Yahudi yang mengajak ke arah meruntuhkan akidah dan memusnahkan dasar-dasar akhlak yang mulia... untuk mencapai matlamat dan melaksanakan perancangan mereka:

- Mereka mengiklankan bahawa mereka telah melahirkan teori Frued yang menafsirkan semua perlakuan manusia adalah hasil daripada keinginan seks dan bertitik tolak daripada dorongan menikmati kelazatan dan syahwat.
- Mereka melahirkan teori Karl Marx yang merosakkan akal dan akidah orang ramai, menghapuskan agama dan menghentam akidah ketuhanan. Apabila ditanya kepada Karl Marx: Apakah ganti kepada akidah ketuhanan? Dia menjawab: "Gantinya ialah panggung wayang."
- Mereka melahirkan teori Nature yang melenyapkan akhlak dan mengharuskan kepada manusia melakukan semua perkara yang boleh memberi kepuasan walaupun dengan membunuh, menumpahkan darah atau menceroboh.!!
- Mereka melahirkan teori Darwin yang mengiklankan teori perkembangan dan peningkatan manusia. Perkembangan manusia menurut teori ini adalah bermula daripada kuman kemudian ulat kemudian bertukar menjadi haiwan dan akhirnya menjadi manusia.

Bahkan untuk merosakkan akidah dan akhlak manusia, Yahudi telah menggariskan satu manhaj yang dilaksanakan melalui media massa dan sebaran am, panggung wayang dan pementasan, begitu juga rancangan penyiaran television dan pembelajaran di sekolah... melalui pertubuhan Freemason yang mereka tubuhkan dan melalui egen serta penulis yang khianat.

Di dalam protokol yang kesembilan ada menyebut; "Kita hendaklah menyesatkan akidah dan merosakkan akhlak orang yang selain daripada Yahudi dan membawa mereka kepada kemunduran dengan cara mengajar mereka dasar-dasar yang kita anggap salah walaupun ianya menimbulkan implikasi buruk kepada kita."

Di dalam protokol yang ketiga belas mereka berkata:

"Untuk menjauhkan orang ramai selain daripada Yahudi mendapat maklumat baru tentang perancangan yang kita buat, maka kita akan melalaikan mereka dengan berbagai-bagai program permainan dan hiburan. Kita akan mengiklankan di dalam akhbar, seruan supaya menceburi berbagai kegiatan seperti kegiatan seni, sukan dan sebagainya...

Dengan keseronokan yang baharu ini, pemikiran manusia akan lalai daripada memikirkan masalah-masalah yang kita dan mereka akan berselisih. Apabila sesuatu bangsa telah kehilangan sedikit demi sedikit nikmat berfikir, mereka semua akan datang kepada kita kerana sebab yang satu iaitu kita akan menjadi anggota masyarakat yang bernilai dan mempunyai kelayakan mengemukakan pendapat dan buah fikiran yang baru. Langkah-langkah ini kita akan lakukan dengan menggunakan alat-alat kita yang terdiri daripada peribadi-peribadi yang tidak diragukan lagi pengabungan mereka dengan kita. Peranan agen-agen ini akan tamat apabila negara kita diiktiraf. Mereka akan memberikan perkhidmatan yang baik kepada kita ketika itu."

Di antara yang disebut di dalam protokol ini:
"Kita perlu bekerja untuk meruntuhkan akhlak di segenap tempat. Ini akan memudahkan penguasaan kita ke atas mereka. Sesungguhnya Freud adalah bersama kita dan beliau akan terus mengemukakan teori perhubungan seks dengan jelas sejelas sinaran matahari di siang hari supaya tidak ada lagi perkara yang mesti dihormati pada pandangan pemuda dan akan jadilah peranannya yang penting adalah memenuhi tuntutan seks."

Terdapat di dalam ketetapan persidangan sedunia Freemason pada tahun 1900: "Sesungguhnya kita tidak memadai dengan kejayaan menewaskan orang-orang yang kuat berpegang dengan agama dan tempat-tempat ibadat mereka, tetapi matlamat kita yang utama ialah menghapuskan mereka".

Pada tahun 1903, di dalam majalah Akasia yang dikeluarkan oleh Freemason; "Pertarungan menentang agama tidak akan berakhir kecuali berlakunya pemisahan antara agama dan negara. Freemason akan mengambil alih tempat agama dan majlis-majlis mereka akan menggantikan tempat-tempat ibadat. Kita akan menjadikan Freemason sebagai matlamat selain daripada Allah. Kita perlu melahirkan generasi yang tidak malu mendedahkan auratnya".

Freemason telah berjaya menipu ramai peribadi yang bergelar Islam dengan slogan-slogan palsu atas nama "Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan." Di ketika yang lain dengan nama "Tanah air, Kebangsaan dan Kemanusiaan." Bahkan Freemason telah berupaya mengemukakan dasarnya yang berkata: "Sesungguhnya orang-orang Islam, Kristian, Yahudi, Majusi dan penyembah berhala... adalah bersaudara di atas dasar tanah air dan kemanusiaan dan tidak ada agama yang memisahkan di antara mereka serta tidak ada agama langit yang menghalang persaudaran dan perhubungan mereka"... Setelah orang-orang yang kosong daripada agama tertipu dengan dasar ini, mereka telah menyatakan pula bahawa sekiranya tidak kerana Rasul-rasul dan Nabi-nabi yang menyesatkan nescaya manusia akan menjadi satu umat yang tidak dipisahkan oleh agama, mazhab, syeikh dan pendita!!

Ketika majlis perletakan batu asas dewan Freemason di Tel Aviv pada tahun 1959 seorang pendeta Yahudi telah berkata dengan berterus terang: "Kita semua bekerja untuk mencapai satu matlamat iaitu mengembalikan semua bangsa kepada agama pertama yang diturunkan oleh Allah ke bumi ini (Baitul Maqdis). Yang selainnya adalah agama yang batil, agama

yang telah mewujudkan perpecahan di antara penduduk sesebuah negara dan di antara sesuatu bangsa dengan bangsa yang lain. Hasil daripada tenaga yang kamu curahkan, satu hari nanti agama Kristian dan agama Islam akan runtuh dan lebur. Umat Islam dan Kristian akan lari daripada iktiqad mereka yang rapuh dan manusia akan sampai kepada cahaya kebenaran yang sebenar (agama Yahudi)."

Memandangkan Islam datang selepas Kristian dan ia telah tersebar ke seluruh pelusuk alam dan bangsa, maka Yahudi telah melipat gandakan usaha mereka memerangi dan menghapuskannya setelah mereka memerangi Kristian dan menyelewengkannya di sepanjang sejarah. Di dalam Talmud (kitab suci Yahudi) ada menyatakan: "Al-Masih adalah seorang yang sangat pendusta dan Muhammad telah mengiktirafnya. Orang yang mengiktiraf pendusta adalah pendusta sepertinya juga. Maka amat perlu kita memerangi pendusta kedua sebagaimana kita memerangi pendusta pertama."

Di antara bukti yang menguatkan betapa kuatnya permusuhan dan serangan Yahudi terhadap agama lain ialah kata-kata mereka di dalam protokol yang keempat belas: "Apabila kita menjadi penguasa dunia, kita tidak akan membenarkan penghayatan terhadap sebarang agama selain daripada agama kita... untuk tujuan tersebut, kita mesti menghapuskan akidah yang lain. Natijah sementara yang akan kita capai ialah lahirnya kepercayaan mulhid. Tetapi ia tidak akan mengganggu matlamat kita. Bahkan ia manjadi contoh kepada generasi akan datang untuk mendengar agama Musa. Agama ini yang telah mewajibkan kepada kita dasarnya yang tetap akan meletakkan semua bangsa berada di bawah tapak kaki kita."

Memang tidak dipertikaikan lagi bahawa Yahudi telah melakukan usaha untuk merosakkkan syariat Islam dan mempersendakan sumber hukumnya semenjak kelahirannya lagi. Mereka menyerapkan pelbagai unsur-unsur kekufuran dan bid'ah yang menyesatkan. Di antara mereka ada yang memeluk Islam secara nifaq dan riya' bertujuan untuk mengada-adakan apa yang tidak pernah diturunkan oleh Allah dan melakukan tipu daya terhadap Islam. Mereka menimbulkan fitnah di kalangan umat Islam. Kepalsuan ini dikenali dengan 'Israiliat' iaitu semua penafsiran al-Quran dan pentakwilan hadis-hadis yang dilakukan oleh yahudi bertujuan memesongkan al-Quran dan hadis daripada maksudnya yang asal. Semua ini bertujuan menyesat, menggugat, menimbulkan fitnah dan keraguan dengan cara memburuk-burukkan hakikat kebenaran Islam.

Tetapi ulamak Islam amat berhati-hati terhadap keraguan dan kesamaran yang ditimbulkan ini. Mereka telah mendedahkan kepalsuan dan menjelaskan kepada orang ramai tentang kebatilannya... Maklumat ini telah tersebar ke seluruh bandar dan kampung. Muslim yang sedar dan berpengetahuan mengetahui semua ini... Allah tetap menyempurnakan nur agamaNya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir.

* * *

Setelah pembentangan tentang perancangan dan taktik Yahudi ini, adakah kamu ketahui -wahai pemuda- apakah tujuan mereka di sebalik perancangan dan taktik ini?
Mereka bertujuan -tanpa syak lagi- mengembalikan kemuliaan Bani Israel dan mengasaskan negara mereka yang besar dari sungai Nil hingga ke sungai Furat.
Mereka bertujuan memalingkan generasi Islam -terutamanya para pemuda- daripada gerakan-gerakan yang dibentuk untuk perjuangan dan jihad.

Mereka bertujuan memusnahkan semua agama selain daripada agama Yahudi dan merosakkan pegangan akhlak, kemasyarakatan dan ekonomi di atas muka bumi dan hanya mengangkat bendera Yahudi.

Mereka bertujuan memecah-belahkan umat yang mendiami dunia ini dan menimbulkan peperangan sesama mereka, menyalakan api fitnah di antara mereka... supaya mereka mampu mengekalkan penguasaan mereka terhadap ketenteraan, politik dan ekonomi di dunia ini.

Mereka bertujuan mewujudkan agen-agen di seluruh negara melalui pertubuhan rahsia Freemason supaya mereka dapat menyebarkan pendapat dan buah fikiran Yahudi ke seluruh negara yang mereka duduki dan melaksanakan perancangan dan matlamat mereka.

Inilah tipu-daya Yahudi dan inilah perancangan mereka yang sebenar. Oleh itu berhati-hati dan berjaga-jagalah kamu -wahai para pemuda- supaya kamu tidak dipanah oleh pemikiran Yahudi, tipu daya dan kesamaran yang mereka timbulkan untuk menggoncang akidah dan meruntuhkan akhlak serta melenyapkan tempat-tempat suci dan negara kamu.

Bahkan, iklankan -wahai para pemuda- kepada dunia, apakah yang mereka mahu melalui usaha merosakkan manusia, menghapuskan Islam dan menipu umat Islam... moga-moga manusia semuanya menyedari hakikat sebenar. Semoga mereka bersatu memerangi Yahudi supaya ditimpa kehinaan dan kerendahan di dunia pada waktu akan datang. Semua itu amatlah mudah bagi Allah. Dan Allah tidak akan mensia-siakan pahala golongan yang ikhlas bekerja.

* * *

Perancangan agen-agen di negara Islam

Ia lebih bahaya daripada mana-mana perancangan Yahudi, Komunis dan Salibiah yang telah disebut sebelum ini. Saya mengatakan ianya lebih bahaya kerana egen-egen tersebut terdiri daripada anak bangsa kita, bertutur dengan bahasa kita, setengahnya pula termasuk di kalangan orang-orang yang bernama Islam dan kadang-kadang mereka memakai nama Islam, tanah air dan semangat kebangsaan arab untuk menyesatkan anak-anak orang Islam dengan pemikiran mereka yang mulhid dan seruan yang menyesatkan.

Kerja-kerja mereka merbahaya dipandang dari sudut apabila pertubuhan-pertubuhan Islam yang ikhlas, ulamak-ulamak dan pendakwah di jalan Allah menentang mereka, memberi amaran kepada masyarakat Islam tentang mereka dan mendedahkan kepada anak-anak orang Islam tentang hakikat mereka yang sebenarnya, mereka (ulama' dan pendakwah) akan dituduh sebagai musuh kepada semangat cintakan tanah air, demokrasi dan mereka adalah agen penjajah dan Yahudi.

Mereka bertujuan memperkecilkan kedudukan pejuang kebenaran, melahirkan syak wasangka terhadap mereka dan menjauhkan orang ramai daripada mendengar serta terpengaruh dengan kata-kata mereka. Bahkan sekiranya agen-agen tersebut mempunyai kuasa dan kekuatan maka berbagai tuduhan akan dilemparkan supaya mereka dikenakan hukuman dan disiksa dengan penyeksaan yang teruk. Mereka menggunakan sebaran am untuk menyebarkan tohmahan palsu yang membolehkan mereka melakukan apa sahaja

terhadap penentang-penentang mereka. Mereka juga merancang berbagai perancangan jahat terhadap pejuang kebenaran. Begitulah usaha yang mereka lakukan...

Allah mengetahui bahawa pejuang kebenaran bersih daripada segala tuduhan tersebut. Tidak ada suatu pun yang tersembunyi daripada Allah dan Dia amat mengetahui perkara-perkara rahsia dan tersembunyi... Di hari yang mana segala rahsia akan didedahkan, mereka tidak akan mempunyai sebarang kekuatan dan pembantu.

* * *

Siapakah agen-agen itu?

Yang saya maksudkan dengan agen-agen tersebut ialah sekumpulan anak watan negara Islam yang mempunyai hubungan dengan Komunis, Salibiah, Yahudi atau mazhab-mazhab penjajah yang menyesatkan. Golongan itu bertebaran di seluruh negara Islam. Setiap kumpulan berusaha melaksanakan peranan mereka menyebarkan dasar-dasar kekufuran, kesesatan dan kemulhidan... di bumi Islam... untuk mengeluarkan generasi Islam daripada agama Islam dan memasukkan mereka ke dalam kelompok kekufuran dan kesesatan. Sehingga apabila mereka mempunyai kader-kader yang ramai di kalangan rakyat dan tentera, mereka akan menggulingkan kerajaan untuk melaksanakan segala dasar dan perancangan-perancangan yang dikehendaki oleh tuan-tuan mereka. Ini adalah matlamat terbesar yang mereka usahakan dan mereka sanggup berkorban kerananya.

Tidak diragukan lagi bahawa setiap kumpulan ini mempunyai anasir-anasir yang bekerja, uslub dan dasar yang berbagai, penyusunan yang sentiasa di perbaharui dan bantuan material dari luar yang tidak putus-putus serta wujudnya perlaksanaan terhadap segala arahan yang dikeluarkan oleh tuan-tuan mereka.

Perlu diingatkan bahawa kumpulan Freemason Yahudi yang bekerja di negara Islam merupakan di antara kumpulan yang paling merbahaya, mempunyai uslub kerja yang paling licin dan perancangan yang teliti... Ini disebabkan mereka mampu menawan hati-hati yang bergabung dengannya dengan menggunakan kemanisan kata janji, kehebatan dasar, sogokan kesenangan, kekayaan dan kedudukan... sehingga apabila mereka memasukinya, kedudukan mereka semakin tinggi dan sampai ke kemuncaknya... mereka akan melaksanakan perancangan Yahudi sekadar yang terupaya. Melalui tangan-tangan mereka, Yahudi akan dapat mencapai matlamatnya yang besar iaitu meluaskan negaranya dari sungai Nil hingga ke sungai Furat... kerana agen-agen mereka begitu mudah melakukan kerja dengan kedudukan mereka yang tinggi... begitulah apa yang mereka lakukan.

Agen-agen yang terdiri daripada berbagai peringkat sam ada dari Freemason Yahudi, Komunis, Salibiah atau Penjajah... sentiasa tolong-menolong dan bantu-membantu di dalam usaha merosakkan akidah keimanan, menghapuskan syariat Islam dan meruntuhkan akhlak dan nilai-nilai murni dari anak-anak umat Islam sehingga melahirkan kanak-kanak yang tidak mempunyai selain daripada namanya yang berbunyi Islam dan tidak lebih daripada itu... Ini semua tidak akan terhasil kecuali setelah anak-anak tersebut melalui beberapa peringkat pemprosesan dengan cara menanam keraguan terhadap Islam, menggoncang akidah dan membasuh fikiran mereka... Keluarlah anak-anak yang mencampakkan segala kemuliaan yang dibawa oleh agama dan syariat. Bahkan kanak-kanak yang dicelup dengan

celupan mulhid atau dikotori oleh fahaman keharusan akan menjadi penentang kepada agama, sejarah dan kemuliaan Islam.

Agen-agen tersebut -wahai pemuda- yang telah menjual diri mereka kepada syaitan, mereka berpusat di kementerian-kementerian, media masa, keperluan pembelajaran, pertubuhan, persatuan, intitusi-intitusi dan di pelbagai tempat.

Wasilah mereka -wahai pemuda- untuk menyebarkan kefasadan, kesesatan dan kemulhidan... banyak dan pelbagai; melalui akhbar, sumber-sumber penyiaran, televisyen, pertunjukan-pertunjukan pentas, nadwah-nadwah dan pusat ilmu pengetahuan dan sewaktu perasmian sesuatu pertubuhan...

Ini tidak termasuk sebaran yang di buat melalui buku-buku, sukatan pelajaran, alat bantu mengajar dan universiti-universiti...
Ini tidak termasuk perjumpaan-perjumpaan khas yang merancang kerosakan...

Jangan kamu lupa -wahai para pemuda- bahawa agen-agen itu adalah dipilih dari kalangan bijak pandai. Mereka menggunakan uslub yang licin yang boleh mempengaruhi akal fikiran anak-anak Islam dan akhlak mereka.

Uslub-uslub agen yang terpenting:

- Menawarkan kepada anak-anak orang Islam pangkat, jawatan dan kedudukan... apabila mereka keluar daripada ajaran Islam dan menerima fikrah serta bergabung dengan salah satu di antara pertubuhan mereka.
- Memberi galakan kepada sesiapa yang menerima mereka dengan kemajuan Barat atau dasar-dasar komunis... mereka berkata: "Mereka yang telah mencapai kemajuan dan ianya tidak dapat dicapai kecuali setelah mereka mencampakkan agama dari diri mereka.!!
- Menimbulkan keraguan di dalam iktiqad ketuhanan. Mereka berkata: "Sekiranya Allah itu sebagai pencipta maka siapakah pula yang menciptaNya?" "Apabila Allah itu tidak dapat kita lihat, ini bermakna Ia tidak wujud." "Alam ini terjadi secara semulajadi." "Alam ini terjadi dengan tiba-tiba"... dan banyak lagi keraguan-keraguan yang ditimbulkan.
- Menimbulkan keraguan kepada pemuda Islam terhadap sistem Islam seperti kata-kata mereka: "Dasar-dasar Islam telah lapuk dan peranannya telah tamat. Ia tidak sesuai lagi di zaman eletrik, atom dan sains ini."
- Mengatakan kepada anak-anak orang Islam bahawa Islam telah mewajibkan hijab kepada wanita, menyuruhnya duduk di rumah dan menjadikannya hamba kepada lelaki... Wanita tidak akan dapat mencapai haknya yang sempurna dan merasai kemuliaannya... kecuali dengan membebaskan diri daripada ikatan dan belenggu agama, akhlak dan adat resam.
- Menggalakkan para remaja dan pemuda supaya tenggelan di dalam tuntutan syahwat, mencari kenikmatan seks dan kelazatan... dengan hujah bahawa menyahut tuntutan syahwat adalah jalan untuk mengelakkan badan daripada kongkongan seks.
- Mengadakan slogan-slogan palsu. Kadang kala mereka menyeru dengan nama kebangsaan, kadang-kadang dengan nama perkauman, kadang-kadang dengan nama kemajuan dan kadang-kadang dengan nama dasar sosialisme. Ini adalah selain daripada seruan-seruan yang sering mereka ulangkan iaitu pembebasan pekerja, pembebasan petani dan pembebasan wanita.

Berbagai slogan palsu lain yang zahirnya adalah rahmat tetapi batinnya berupa racun dan azab yang bermatlamat membawa generasi Islam kepada kefasadan, kemulhidan dan lari daripada Islam.!!

Ini adalah di antara uslub-uslub agen yang khianat dan tipu daya mereka yang hebat di dalam memerangi Islam dan meruntuhkan akidah rabbaniah di dalam diri generasi muslim.

Adakah kamu mengetahui -wahai pemuda- apakah yang mereka kehendaki di sebalik semua itu?
Tanpa ragu-ragu lagi mereka mahu menghubungkan masa depan generasi Islam dengan dunia tuan-tuan mereka yang mempunyai iktikad yang kufur, mazhab-mazhab yang sesat dan pertubuhan-pertubuhan Freemason yang merosakkan... sehingga pemuda dan pemudi Islam tidak mengenali apa yang disebut sebagai agama, malu dan haram.

Agen-agen ini kadang-kadang lahir atas nama semangat memperjuangkan tanah air dan perjuangan membebaskan tanah suci al-Quds. Kebanyakan manusia mengetahui sejarah masa lampau mereka dan pendirian mereka yang khianat menyebabkan penyerahan tempat-tempat strategik kepada Yahudi dan menghentam kerja-kerja pembebasan... Kadang-kadang pengkhianatan yang berlaku adalah lebih jahat, iaitu dengan memeterikan perjanjian damai dengan Israel dan hidup mesra dengan Yahudi, kerana kepentingan perkauman yang mereka dakwa dan seruan kepada keamanan yang menjadi kemegahan mereka.

Tetapi manusia hari ini telah mengetahui tentang kedajalan dan putar belit lidah mereka... walaupun mereka mendakwa atas nama tanah air atau kepentingan perkauman dan bermegah dengan usaha yang berterusan untuk pembebasan.!!

Di antara perkara yang perlu kamu ketahui dengan baik -wahai pemuda- ialah apabila tampuk pemerintahan dan kuasa politik berada di tangan agen-agen tersebut, mereka akan melaksanakan perancangan-perancangan yang diarahkan oleh tuan-tuan mereka melebihi daripada apa yang dituntut... untuk mencari keredhaan tuan-tuan mereka, mendekatkan diri kepada mereka dan menunjukkan keikhlasan kepada dasar-dasar mereka.!!

Ini dia Atarturk, seorang agen Freemason Yahudi telah melaksanakan perancangan-perancangan musuh melebihi daripada apa yang diarahkan kepadanya oleh Yahudi dan Salibiah. Apa yang telah disepakati di dalam perjanjian Luzon hanyalah menghapuskan khilafah, memisahkan antara agama dan negara dan menjadikan perlembagaan negara sebagai perlembagaan sekular. Tetapi apa yang dilakukan oleh Atarturk selepas itu ialah melaksanakan semuanya itu dan menambah dengan memghapuskan mahkamah syariah, sekolah-sekolah agama, hukum harta pusaka, menjadikan azan di dalam bahasa Turki dan menggantikan tulisan arab dengan tulisan latin untuk mencari keredhaan tuan-tuannya dan menghampirkan diri kepada mereka. Semuanya ini sempurna perlaksanaannya pada tahun 1928M.

Negara-negara Bersekutu dan Freemason telah berterima kasih kepada usaha Atarturk memerangi Islam dan memutuskan hubungan generasi Islam dengan sejarah, kemuliaan dan akidah rabbaniah. Bahkan mereka telah berterimakasih di atas kepatuhan beliau dan perubahan menyeluruh yang telah dilakukan. Beliau telah melaksanakan perancangan mereka melebihi daripada apa yang akan dicapai oleh tuan-tuan mereka sekiranya mereka melaksanakannya sendiri tanpa pertolongan agen-agen mereka.

Sebenarnya, saya katakan kepada kamu wahai pemuda:
Apabila agen-agen yang bodoh itu berpeluang melakukan kerja mereka di negara-negara Islam dan diberikan peluang melaksanakan tipu daya, menyusun tindakan dan meniupkan angin kekufuran... tanpa sebarang penentangan dan rasa tanggungjawab serta kesedaran dan jihad, sesungguhnya masyarakat Islam akan menuju ke arah tidak beragama (free thinker) dan kefasadan. Semuanya akan mengikut samada Barat ataupun Timur. Ataupun dengan kata lain mereka akan mengikut sistem komunis atau kapitalis. Sememangnya kamu mengetahui -wahai pemuda- bahawa sebahagian masyarakat Islam telah benar-benar mengikut jejak langkah komunis, sosialis atau kapitalis. Apabila ianya berlaku kepada seluruh masyarakat Islam tanpa sebarang penentangan dari rakyat ataupun pemudanya, sesungguhnya kita akan ditimpa kehinaan yang berterusan. Umat Islam di Timur dan Barat akan ditimpa kehinaan dan kekerdilan di zaman kesesatan ini. Bahkan kita akan menjadi orang-orang yang berhak menerima laknat Allah, cemuhan generasi akan datang dan sejarah dengan sebab kelalaian dan kealpaan kita. Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik. Orang-orang yang melakukan kezaliman akan mengetahui di manakah tempat kembalinya di akhirat nanti.

* * *

Wahai pemuda Islam!

Apa yang kami sebutkan sebelum ini merupakan beberapa perancangan dan tindakan yang diambil oleh Komunis, Salibiah, Yahudi dan agen-agen mereka di sepanjang tipu helah dan perancangan jahat yang telah mereka lakukan. Tetapi apa yang tersembunyi di dalam hati mereka adalah lebih besar dan merbahaya.

Tidak diragukan lagi bahawa kuasa-kuasa ini sentiasa tolong- menolong dan bantu-membantu dalam memerangi Islam dan menghapuskan akidah rabbani daripada dada-dada Umat Islam.

Di antara bukti yang menunjukkan kepada kegiatan mereka ini ialah apa yang telah dikatakan oleh "Randolf" pada tahun 1967 selepas jatuhnya al-Quds ke tangan Yahudi: "Terlepasnya al-Quds daripada penguasaan Islam adalah impian bersama antara Yahudi dan Kristian. Kegembiraan Kristian adalah tidak kurang daripada kegembiraan Yahudi. Sesungguhnya al-Quds telah terlepas daripada tangan Muslimin. Ia tidak akan kembali ke tangan muslimin melalui mana-mana perjanjian sekalipun yang akan berlaku di antara Yahudi dan muslimin."

Oleh yang demikian, semua kuasa pakatan jahat telah bersatu untuk menghancur dan melenyapkan tempat-tempat suci umat Islam. Bahkan perancangan-perancangan mereka bertujuan menimbulkan keraguan dan kesesatan untuk mengeluarkan generasi Islam daripada agamanya adalah berterusan.

Apakah jalan penyelesaian positif untuk menanganinya?

Islam menuntut daripada kamu -wahai para pemuda- supaya memperkuatkan di dalam dirimu dua benteng yang asasi agar ianya menjadi perisai kepada kamu untuk menjaga dan melindungi dirimu daripada segala serangan pemikiran, keraguan yang ditimbulkan oleh orientalis dan seruan mulhid:

Pertama: *Benteng ilmu pengetahuan.*
Iaitu dengan mengenal pasti secara menyeluruh segala dakwaan pendokong serangan pemikiran dan ianya telah dijawab oleh para ulama' Islam yang merupakan keraguan terhadap sistem Islam, sejarah dan Nabi Islam... Begitu juga dengan kajian menyeluruh terhadap syariat Islam yang mempunyai ciri-ciri rabbaniah, syumuliah, alamiah dan tidak jumud... terdapat di dalam dasar-dasarnya, elemen-elemen kemajuan dan tamadun serta sumbangan terhadap alam.

Dengan kesedaran ini kamu -wahai pemuda- berupaya menolak kejahilan dengan ilmu, keraguan dengan keyakinan dan syubhah dengan hujah.

Kedua: *Benteng akidah Islamiah:*
Iaitu dengan keyakinan yang sepenuhnya dan iktikad yang sempurna bahawa Islam adalah agama yang benar dan kekal, dan diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Muhammad s.a.w. sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran kepada dunia seluruhnya. Bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang mampu berdepan dengan berbagai arus perubahan kehidupan. Islam adalah ubat yang menyembuhkan segala penyakit dan kecederaan yang dihidapi oleh manusia di setiap tempat dan zaman. Berkeyakinan dan beriktiqad bahawa Penurun agama ini bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan bersih dari segala kekurangan dan kelemahan. Dia bersifat dengan sifat Pencipta, Berkuasa, Mengetahui dan Bijaksana... dan Dia tidak menurunkan agama ini kecuali untuk kemaslahatan hamba-hambaNya di dunia dan akhirat serta membebaskan mereka dari kesulitan dan kesukaran yang membelenggu.

Dengan iktiqad ini kamu -wahai pemuda- berupaya menolak segala sistem yang dicipta oleh manusia dan segala kesamaran yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam serta memperolok-olokkan segala dakwaan yang dibawa oleh pendokong serangan pemikiran di negara Islam.

Tetapi adakah memadai bagi pemuda dengan hanya memiliki benteng pengetahuan dan keimanan sahaja untuk memelihara diri mereka daripada tergelincir ke lembah serangan pamikiran dan terjatuh ke dalam kotoran lumpur syubhat dan kemulhidan... ataupun mereka mesti bergabung dengan kumpulan dae'i dan ulamak serta pertubuhan Islam... untuk menyelamatkan diri daripada serangan kristian dan penjajahan dan terperangkap di dalam sangkar perosak yang dipasang di negara Islam!

Ya! Tidak memadai bagi pemuda dengan mengasingkan diri daripada masyarakat dan mereka juga tidak boleh lari daripada permasalahan Islam. Selama-lamanya tidak memadai dengan hanya berkata: "Alhamdulillah, kami semua berada dalam keadaan baik. Kami terpelihara dengan keimanan, Islam dan ilmu pengetahuan". Bahkan mereka mesti menyedari peranan mereka yang besar di dalam menyebarkan risalah Islam, bersungguh-sungguh menentang segala rancangan jahat musuh dan berterusan dalam bekerja untuk menegakkan hukum Allah di atas muka bumi.

Berdasarkan kepada kesedaran, kefahaman dan pengetahuan ini, mereka hendaklah bergabung di bawah panji-panji kepimpinan Islam, bersama-sama melalui marhalah-marhalah amal untuk menyampaikan dakwah Islam kepada para pemuda dan pemudi, lelaki dan perempuan... Memberi amaran secara menyeluruh terhadap segala perancangan jahat yang dilakukan oleh musuh Islam terhadap Islam. Memberi kesedaran supaya

bergabung dengan jemaah Islam demi memperbanyakkan pejuang-pejuang keimanan yang kental di negara Islam dan di segenap tempat.

Ya! Wahai pemuda, "Apa-apa yang menyebabkan perkara wajib tidak sempurna kecuali dengannya maka ia adalah wajib". Selagi mana musuh Islam bebas dan mudah menjalankan perancangan mereka di negara Islam, selagi mana hukum-hukum Allah tidak terlaksana, selagi mana kesatuan Islam tidak wujud dan jihad Islam tidak mengorak langkah menyediakan kelengkapan dan penyusunan, maka adalah menjadi kewajipan kepada para pemuda dan pemudi Islam serta pendakwah di jalan Allah bersatu untuk melahirkan kader-kader Islam yang mampu berhadapan dengan segala rancangan jahat di negara Islam dengan keazaman yang tinggi dan sinaran iman serta ruh kesabaran.

Di tangan kader-kader yang bertebaran di sana-sini di dalam masyarakat Islam akan terhasilnya kemenangan ke atas musuh dan terbinanya sebuah daulah Islamiah serta akan kembali kepada umat ini keunggulan dan keagungannya dengan penuh kemuliaan, 'izzah, kekuatan dan kuasa politik yang besar.

Setengah orang menyangka bahawa bekerjasama di dalam amal Islami untuk mewujudkan kuasa politik yang besar di kalangan umat Islam adalah fardu kifayah; apabila ianya dilakukan oleh sebahagian daripada mereka maka yang lain tidak berdosa.

Ini sememangnya betul sekiranya fardu kifayah tersebut sudah memadai untuk mewujudkannya. Apabila ianya tidak memadai maka menegakkan kuasa politik adalah Fardu 'Ain ke atas setiap muslim sehingga sempurna keupayaan muslimin untuk melaksanakannya dan menzahirkan kewujudannya di alam realiti.

Tidak memadai -wahai pemuda- dengan kewujudan kader-kader pejuang Islam di dalam masyarakat Islam untuk sampai kepada matlamat yang diharapkan... Bahkan ia memerlukan kepada penyusunan, ketaatan dan disiplin... Ia perlu kepada menggariskan marhalah dan melaksanakannya... Akhirnya ia memerlukan penggabungan golongan yang benar dan ikhlas di bawah kepimpinan yang beriman... untuk mencapai matlamat terbesar menzahirkan kewujudan Islam dan membentuk kuasa politik yang besar dan luas untuk semua muslimin.

ويومئذ يفرح المؤمن بنصر الله ينصر من يشاء وهو العزيز الرحيم

Maksudnya: *Di hari itu orang-orang yang beriman akan bergembira dengan pertolongan Allah. Dia menolong siapa yang dikehendakinya. Dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.* (Ar Rum: 4-5)

Akhirnya -wahai pemuda- saya mengingatkan kamu dengan lima sifat asasi yang telah diletakkan oleh al-Imam al-Banna di mana apabila kamu memiliki dan berjalan di atas landasannya maka Allah akan menghasilkan kemenangan di tangan kamu:

- keimanan yang teguh, tidak goyang dan tidak rapuh.
- keikhlasan yang benar yang tidak mengenal kepura-puraan dan menunjuk-nunjuk.
- keazaman yang kuat yang tidak mengenal takut.
- amal yang berterusan yang tidak mengenal susah dan penat.
- pengorbanan yang tinggi yang tidak mengenal selain daripada kemenangan atau syahid.

Pada hakikatnya -wahai pemuda- lima sifat ini merupakan ciri-ciri khusus bagi orang-orang yang telah menepati janji mereka dengan Allah dan di antara ciri keistimewaan pemuda yang tidak takut kepada celaan orang yang mencela.

Kerana asas iman -sebagaimana yang dikatakan oleh al-Imam al-Banna- ialah hati yang bijak, asas ikhlas ialah sanubari yang bersih, asas keazaman ialah perasaan yang kuat, asas amal ialah kehendak yang kuat dan asas pengorbanan ialah akidah yang teguh.

Sifat-sifat ini -wahai pemuda- apabila berkumpul di dalam diri seorang muslim, dia akan menjadi salah seorang daripada tentera-tentera Islam, salah seorang da'ei dari kalangan duatnya dan pedang yang terhunus di tengkok musuh.

Jadi, cara penyelesaian untuk menghadapi pakatan dan rancangan jahat musuh ialah dengan membentengi diri kamu dengan pengetahuan yang lengkap, akidah keimanan yang teguh dan bergabung di bawah kepimpinan Islam yang ikhlas serta memperbanyakkan kader-kader pejuang Islam dari kalangan pemuda dan pemudi, lelaki dan perempuan di seluruh negara Islam.

Ketika itu kamu telah menunaikan tanggungjawab dan risalah, memusnahkan sangkar-sangkar perangkap kefasadan dan rancangan jahat terhadap umatmu dan berjaya mewujudkan kuasa politik yang besar di dalam masyarakat kamu...

والله غالب على أمره ولكن أكثر الناس لا يعلمون

FASAL KETIGA

Cabaran Keruntuhan Akhlak

Di zaman kerosakan yang berleluasa dan kepincangan tersebar luas ini, pemuda muslim menghadapi cabaran demi cabaran di antaranya keruntuhan akhlak dan kerosakan sosial... manusia biasa tidak berupaya berhadapan dengannya kecuali dia akan membebaskan diri daripada ikatan keperibadian yang tinggi, akhlak yang mulia dan adat Islam yang sebenar... agar selepas itu dia dapat terjun ke lumpur kelazatan syahwat tanpa ada halangan daripada agama dan jiwa yang bersih. Semua itu merupakan keruntuhan kepada kemuliaannya, penyelewengan kepada keperibadiannya dan kehancuran kepada kewujudan dan harga dirinya.

Ya, kadang-kadang pemuda Muslim akan mengambil salah satu di antara dua jalan apabila berhadapan dengan cabaran kefasadan dan keruntuhan akhlak ini, samada dia lari daripada fitnah-fitnah kehidupan dan cabaran-cabaran yang menggila atau dia tergelincir ke lembah fitnah dan menyahut seruan nafsu ammarah. Bagi pemuda yang memiliki benteng akidah rabbaniah dan pegangan yang teguh terhadap dasar-dasar Islam serta bergabung dengan jemaah muslimin... pada kebiasaannya dia akan berada di dalam kehidupan yang baik, soleh dan teguh di atas jalan yang lurus... Dia tidak dihanyutkan oleh fitnah, tidak ditawan oleh godaan dan tidak akan dirosakkan oleh syaitan...

Bagi pemuda yang terlucut daripada ikatan akidah, memandang remeh terhadap perlaksanaan syariah dan terbiar daripada jemaah muslimin... maka pada kebiasaannya dia akan tergelincir ke dalam gelora fitnah dan terjatuh ke dalam lumpur keruntuhan dan kepincangan.

Kadang-kadang pemuda yang berpegang teguh dengan agama dilanda oleh sifat lemah sebagai manusia biasa dan terpengaruh dengan godaan syaitan lalu kakinya tergelincir dari landasan kebenaran selepas keteguhannya itu dan dirinya akan condong untuk mengikuti tuntutan hawa nafsu... tetapi dengan cepat dia akan sedar dan bertaubat kembali jika sekiranya dia seorang mukmin.

Oleh itu pemuda muslim hari ini perlu mengetahui jenis-jenis cabaran keruntuhan akhlak yang memerangi mereka di negeri mereka sendiri di mana tanda-tandanya dapat dilihat dengan jelas di hadapan mata... supaya mereka benar-benar mengetahui apakah yang sedang berlaku di sekeliling mereka? Apakah yang akan diperlakukan kepada mereka? Dan ke manakah perjalanan umat mereka?.

Cabaran keruntuhan akhlak yang dihadapi oleh generasi muslim hari ini adalah banyak dan berbagai bentuk. Di antaranya ada yang berbentuk adat kebiasaan, ada yang bersifat kejiwaan, ada yang berbentuk pengaruh asing, ada yang berbentuk media masa dan ada yang berbentuk undang-undang.

Insya Allah kita akan membincangkan setiap satu daripada bentuk cabaran ini dengan panjang lebar supaya pemuda muslim hari ini dapat menghadapinya dengan kekuatan

iman, berpegang teguh dengan Islam, semangat penentangan dan keazaman yang kuat... Dan kepada Allah kita meminta pertolongan dan kepadaNya juga kita bertawakkal.

Cabaran Berbentuk Adat Kebiasaan

Ia mempunyai kaitan dengan mas kahwin yang terlampau mahal dan berlebih-lebihan di dalam perbelanjaan kenduri kahwin. Pada hakikatnya kedua-dua perkara ini merupakan batu penghalang kepada usaha menggalakkan perkahwinan... Kedua-duanya merupakan lembaga yang digeruni yang menghalang para pemuda daripada memasuki pintu gerbang perkahwinan untuk memelihara pandangan dan menjaga kehormatan mereka.

Bapa yang mempunyai anak perempuan yang cantik atau mempunyai jawatan yang tinggi atau memiliki sijil, apabila datang orang yang ingin meminang anak perempuannya, sekiranya dia setuju untuk berbincang dengannya, dia akan berbincang dengan gaya yang sombong dan angkuh. Sekiranya dia bersetuju untuk mengadakan perkahwinan, dia akan meminta mas kahwin dan tuntutan yang dirasai oleh si peminang sebagai menyusah dan membebankan serta tidak berupaya menanggungnya... lebih-lebih lagi untuk menunaikan dan menyempurnakan tuntutan itu.

Hanya sedikit sahaja persetujuan yang dicapai dengan wali-wali yang seumpama itu atau hanya sedikit sahaja perkahwinan yang dapat dilangsungkan dengan bapa yang bersifat demikian... Kecuali sekiranya si peminang sanggup bertolak ansur, sanggup menanggung bebanan yang melebihi keupayaannya dan sanggup membebankan dirinya dengan hutang... maka ketika itu dia akan tunduk dan menunaikan semua tuntutan.!!

Dari manakah datangnya keterlaluan di dalam mas kahwin dan bebanan perkahwinan ini? Mengikut perkiraan saya, sebenarnya mereka telah tunduk kepada adat dan kebiasaan yang tidak diturunkan oleh Allah dan tenggelam dalam sinaran kilauan kebendaan yang menipu... Mereka tidak akan mengahwinkan anak mereka kecuali dengan orang yang membayar mas kahwin yang tertinggi dan sanggup menanggung beban perkahwinan yang banyak.!!

Pada pandangan saya, mereka tidak mengambil kira realiti kehidupan yang ada dan tidak menghiraukan kesan dari segi akhlak dan kerosakan sosial yang berpunca daripada kurangnya perkahwinan...

Mereka adalah golongan yang tidak mengikut manhaj Rasulullah s.a.w yang telah digariskan untuk umatnya. Sabda Rasulullah s.a.w;

اذا أتاكم من ترضون دينه وخلقه فزوجوه

Maksudnya: *Apabila datang kepada kamu lelaki yang kamu redha terhadap agama dan akhlaknya (untuk meminang) maka kahwinkanlah dia (dengan anak perempuan kamu).*
Tetapi mereka telah mengikut adat kebiasaan jahiliah dan pandangan mereka yang cintakan kemegahan dan dunia tanpa mendapat halangan daripada agama dan pengawasan daripada sanubari yang bersih.

Di manakah wujudnya keterlaluan di dalam mas kahwin dan bebanan perkahwinan di dalam ajaran Rasulullah s.a.w yang telah memudahkan sebab-sebab perkahwinan, meringankan mas kahwin dan bebanan-bebanan perkahwinan.

Bukankah Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada lelaki yang datang kepadanya meminta supaya baginda mengahwinkannya:

التمس ولو كان خاتما من حديد

Maksudnya: *Usahakanlah (untuk mas kahwin) walaupun sebentuk cincin daripada besi.* (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Bukankah di antara arahan Rasulullah s.a.w:

ان من خير النساء أيسرهن صداقا

Maksudnya: *Sesungguhnya sebaik-sebaik wanita ialah yang paling murah mas kahwinnya.* (Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban di dalam sohihnya).أعظم النساء بركة أيسرهن صداقا

Maksudnya: *Perempuan yang paling besar keberkatannya ialah perempuan yang paling murah mas kahwinnya.* (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Baihaqi).

يمن المرأة تسهيل أمرها فى صداقها

Maksudnya: *Berkat seorang wanita ialah dengan dimudahkan urusan mas kahwinnya.* (Diriwayatkan oleh Al Alusi di dalam tafsirnya daripada Aisyah).

Kenapa para wali tidak mengikut dan mengambil arahan dan saranan ini? Kenapa mereka tidak melaksanakan ajaran Islam di dalam memudahkan urusan mas kahwin dan meringankan bebanannya... untuk menggalakkan perkahwinan di dalam masyarakat?.

Sikap para salafus soleh di dalam mengahwinkan anak-anak perempuan mereka merupakan sikap yang baik, layak diikuti dan dicontohi.

Ini dia Said bin Musaiyib r.a. telah mengahwinkan anak perempuannya yang mempunyai rupa yang cantik, beragama dan berilmu dengan anak muridnya yang fakir Abdullah bin Abi Wada'ah dengan mas kahwin bernilai tiga dirham kerana mereka adalah sekufu di sudut agama, akhlak dan ilmu sedangkan khalifah Marwan bin Abdul Malik telah meminangnya untuk anaknya Al Walid, pewaris takhtanya. Beliau tidak mengahwinkannya dengan Al Walid sedangkan kekayaan dan pangkat ada pada baginda... Akibatnya, beliau telah menanggung musibah, kekerasan, penyeksaan dan ugutan...

Ini dia Imam Samarkand seorang faqih mazhab Hanafi, empunya kitab "Tufhatul Fuqaha'" dan disyarahkan oleh anak muridnya Ala'uddin Al Kasani. Al Imam telah mengahwinkannya dengan anak perempuannya bermaskahwinkan hanya beberapa dirham sahaja.

Ketika Ibnu Ad Dibagh menulis dalam kitab "Petunjuk Iman" tentang Syeikh Abu Bakar bin Muhammad, beliau telah menceritakan tentang pendirian beliau yang tegas; "Syeikh Abu Bakar telah menghadiri kenduri perkahwinan yang mana maharnya terlalu tinggi. Apabila para jemputan meminta diri untuk pulang, mereka mengucapkan tahniah kepada pengantin lelaki. Tetapi Syeikh Abu Bakar berkata kepada lelaki tersebut: "Aku bersumpah dengan

Allah, kamu tidak akan mendapat kebaikan.!! Sesungguhnya engkau telah menjadikan jiran engkau berdukacita. Engkau telah menyebabkan kerugian kepada anak perempuannya. Dan engkau telah menyanggahi sunnah Rasulallah s.a.w!!..."

Penyelesaian positif dan praktikal bagi masalah mas kahwin yang terlalu mahal dan berlebih-lebihan di dalam bebanan perkahwinan ialah para bapa dan wali hendaklah menilai kepentingan masyarakat supaya tidak rosak dan menjaga maslahah para pemuda supaya tidak terseleweng dan maslahah anak perempuannya sendiri supaya tidak tergelincir ke lembah kehinaan... Mereka hendaklah mengikut ajaran Rasulullah s.a.w serta manhaj para salafus soleh di dalam meringankan mas kahwin dan bebanan perkahwinan, memilih orang yang meminang dari kalangan mereka yang beriman dan suami yang soleh sebagai perlaksanaan kepada arahan Rasulullah s.a.w yang bersabda:

اذا جاءكم من ترضون دينه وخلقه فزوجوه الا تفعلوا تكن فتنة فى الارض وفساد كبير

Maksudnya: *Apabila datang kepada kamu (wahai para bapa dan wali) seseorang (untuk meminang) yang engkau redhai agama dan akhlaknya maka hendaklah kamu kahwinkannya dengan anak kamu. Sekiranya kamu tidak berbuat demikian maka akan berlaku fitnah dan kerosakan yang besar di atas muka bumi.*

Sekiranya para bapa dan wali melaksanakannya, maka para pemuda akan mendapati jalan menuju ke gerbang perkahwinan terbuka luas dan mudah. Mereka akan bebas daripada mas kahwin yang terlalu mahal dan bebanan perkahwinan. Mereka akan menghadapi cabaran yang menggoda dengan mengadakan perkahwinan. Dengan itu mereka dapat menutup lubang kefasadan dan penyelewengan di dalam masyarakat Islam. Begitu juga penyakit membujang dapat dihapuskan. Ketika itu keaslian masyarakat Islam di dalam mencapai keamanan dan keteguhan serta membendung kemungkaran dan kerosakan di dalamnya dapat dicapai... Bahkan pemuda akan memasuki alam perkahwinan dengan tenang dan tenteram tanpa halangan yang merintangi di perjalanan, tanpa cabaran yang mesti dihadapi dan tanpa masalah yang menghalang keinginan mereka... Demi Allah, inilah puncak kebaikan dan kebahagiaan bagi pemuda dan pemudi serta seluruh anak-anak masyarakat.

Allah sentiasa bersama pemuda yang ikhlas dan bertaqwa. Dialah satu-satunya yang mengawal dan mengislah keadaan mereka serta menjadikan untuk mereka kemudahan dalam menghadapi segala kepayahan dan jalan keluar dari segala kesempitan... kerana Dialah yang berfirman di dalam KitabNya:

ومن يتق الله يجعل له مخرجا ويرزقه من خيث لا يحتسب

Maksudnya: *Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, maka Dia akan menjadikan baginya jalan keluar (daripada segala masalah) dan akan memberikan kepadanya rezki daripada sumber yang tidak disangkanya.*(At Tolaq: 65-66)

*   *   *

Cabaran Berbentuk Kejiwaan

Ia adalah lebih pahit dan hebat daripada segala bentuk cabaran penyelewengan yang dihadapi oleh pemuda... Ini kerana pemuda adalah manusia -apabila manusia dilanda kelemahan iman- maka ia terdedah kepada dosa, kesalahan, penyelewengan akhlak dan jiwa... Lebih-lebih lagi ketika pemuda dikuasai oleh syaitan manusia dan jin serta mereka menurut kehendak hawa nafsu dan menyahut tuntutan keinginan nafsu ammarah. Lebih teruk lagi apabila para pemuda memandang sekeliling dan mendapati kefasadan dan kemungkaran berleluasa, sebab-sebab ke arah tersebut sudah tersedia dan jalan-jalan untuk melaluinya adalah mudah bagi mereka.

Adalah menjadi suatu kepayahan bagi mereka -di dalam keadaan ini- untuk berpegang teguh dengan ajaran akhlak, berbenteng dengan benteng kemuliaan dan berjalan dengan penuh ketenangan di atas jalan yang jauh daripada maksiat.

Juga menjadi suatu perkara yang sukar bagi pemuda untuk memikirkan kesucian dan menjauhkan diri daripada maksiat sedangkan di sana trompet-trompet iblis menyeru mereka dari setiap tempat: "Marilah menuju ke arah memuaskan keinginan syahwat, ke arah memenuhi kehendak nafsu, ke arah pasar kelazatan... Sesungguhnya sarang-sarang maksiat dimudahkan kelahirannya, tempat-tempat maksiat adalah banyak dan pusat-pusat pelacuran adalah bertaburan. Kamu sekarang masih muda... maka bersuka rialah sebagaimana pemuda-pemuda lain bersuka ria. Terjunlah ke lumpur kemaksiatan sebagaimana pemuda-pemuda lain..." Begitulah tentera-tentera iblis memandu ke arah jalan fitnah dan nafsu ammarah mengajak melakukan kemungkaran... lalu mereka mengikut tanpa berfikir... ke arah kelazatan, ke arah kehidupan yang keji dan telanjang... Mereka tidak berhenti daripada melakukan semua itu kecuali setelah tubuh badan, akal dan jiwa mereka ditimpa sakit parah. Begitulah mereka memperlakukan terhadap diri mereka sebagaimana musuh-musuh memperlakukan terhadap musuh mereka.

Sekiranya pada awal-awal lagi para pemuda telah mengetahui bahawa jalan tersebut akan membawa mereka kearah kebinasaan jiwa, penyakit tubuh badan dan urat saraf... nescaya mereka tidak akan melakukan kefasadan dan menjaga daripada berlakunya penyelewengan. Mereka akan memasuki alam perkahwinan dengan tujuan memelihara akhlak, kesihatan tubuh badan dan kesejahteraan mesyarakat. Tetapi di manakah mereka? Mereka lebih mengutamakan hidup membujang daripada hidup berumahtangga. Mereka berada di pintu kehanyutan, berpaling ke arah cengkaman maksiat dan mencampak jauh ke belakang segala akhlak mulia yang dicari-cari oleh insan mulia dan segala perlakuan tinggi yang diharap-harapkan oleh pemuda yang bersih.

Kadang-kadang mereka memberi alasan kenapa mereka tidak berkahwin dengan hujah-hujah yang Allah tidak menerimanya sebagai hujah bahkan ia hanyalah merupakan bisikan hawa nafsu dan syaitan seperti mereka berkata: "Kenapa kita ingin berkahwin sedangkan perkahwinan merupakan bebanan dan tanggungjawab? Kenapa kita membentuk keluarga sedangkan dengan berkeluarga kita terpaksa berjaga malam dan bekerja di siang hari? Kenapa kita mengeruhkan kejernihan hari-hari dan kenikmatan hidup kita dengan mencampakkan diri ke dalam kepayahan dan fitnah kehidupan?"

Waspadalah -wahai pemuda- terhadap seruling kejahatan yang memperindahkan kepadamu kemungkaran...
Waspadalah terhadap bisikan syaitan yang mempermudahkan bagi kamu jalan kemaksiatan...
Waspadalah terhadap bisikan hawa nafsu ammarah yang menyebabkan kamu suka memasuki pasar fitnah...
Berhati-hatilah daripada terjerumus ke dalam perangkap hawa nafsu yang menggalakkan kamu melakukan maksiat.
Dan akhirnya berwaspada dan berwaspadalah... daripada menonton filem lucah, bogel dan yang memberangsangkan keinginan seks, kerana ia akan membawa kamu kepada kekotoran syahwat dan kekejian.

Bahkan saya katakan kepada kamu dengan terus terang wahai pemuda: Berwaspada... berwaspadalah... daripada segala yang menimbulkan keghairahan, mencemari kemuliaan, merangsangkan syahwat, membunuh kemuliaan, menjatuhkan maruah, melemahkan tubuh badan, melumpuhkan daya ingatan, meluputkan keperibadian dan meletakkan kamu di pintu kemungkaran...

Sesungguhnya jalan penyelesaian yang positif dan praktikal untuk membebaskan diri daripada semuanya ini -wahai pemuda- ialah dengan cara memperdalamkan akidah rabbaniah di dalam dirimu, mengisi masa lapang dengan perkara-perkara yang bermanfaat untuk kehidupanmu, bersahabat dengan ahli taqwa dan iman dan bergabung dengan jemaah Islamiah yang sentiasa bekerja untuk mentarbiah dan membentuk kamu... Dengan cara itu kamu akan lahir sebagai manusia yang soleh dan hamba yang bertaqwa serta teguh berada di jalan lurus. Bahkan kamu mampu memberikan contoh teladan yang baik kepada orang lain. Ketika kamu berjalan di tengah orang ramai mereka akan memerhatimu.

Di atas dasar inilah, orang-orang yang bekerja akan terus bekerja.

* * *

Cabaran luaran

Termasuk di dalamnya segala perancangan asing yang digariskan oleh musuh-musuh kemanusiaan dan Islam... di dalam usaha mereka merosakkan masyarakat Islam supaya terjerumus ke dalam kehidupan yang porak peranda, kacau bilau dan kefasadan serta fahaman yang mengharuskan semua perkara.

Saya kemukakan kepada kamu -wahai pemuda- beberapa perancangan yang jelas daripada perancangan-perancangan tersebut:

Perancangan Yahudi dan Freemason.
Yahudi berkata di dalam protokol mereka: "Kita mesti bekerja untuk merosakkan akhlak di setiap tempat. Dengan itu penguasaan kita akan mudah dicapai. Sesungguhnya Frued adalah dari kalangan kita. Beliau akan terus membentangkan teori hubungan seks sejelas-jelasnya supaya tidak ada suatupun yang dianggap suci pada pandangan pemuda. Hasilnya ialah memuaskan kehendak nafsu seks adalah matlamat mereka. Ketika itu, akan runtuhlah akhlak mereka".

Di antara kata-kata mereka lagi ialah: "Kita mesti merosakkan wanita. Di hari mereka menghulurkan tangan kepada kita, kita akan berjaya menghiasi mereka dengan perkara haram dan menggugatkan tentera yang memperjuangkan agama."

Yahudi adalah orang yang telah melahirkan teori Nature yang melenyapkan akhlak dan mengharuskan bagi manusia melakukan semua perkara yang boleh membawa kepada kepuasan.

Di antara apa yang dikatakan oleh Frued, seorang Yahudi: "Manusia hendaklah berusaha memuaskan nafsu dengan cara mengungkaikan ikatan akhlak dan halangan dari masyarakat yang menghalangnya daripada bebas melakukan itu semua."
Oleh kerana itu, Yahudi telah melahirkan teori Frued untuk mengalihkan perhatian pemuda ke arah memuaskan syahwat dan fahaman mengharuskan semua perkara.
Perancangan Penjajah dan Salibiah.
Seorang pemimpin penjajah telah berkata: "Gelas arak dan nyanyian amat berperanan dalam menghancurkan umat Muhammad lebih daripada apa yang dilakukan oleh seribu meriam. Oleh itu tenggelamkanlah mereka ke dalam cintakan dunia dan syahwat."

Pendita Zuwaimir telah berkata di salah satu muktamar pendakwah kristian yang diadakan di Al Quds: "Kamu telah mewujudkan di negara Islam satu generasi yang tidak mempunyai hubungan dengan Allah... Dengan itu lahirlah generasi yang mengikut apa yang dikehendaki oleh penjajah. Mereka tidak menghiraukan agama, cintakan kerehatan dan menjadi malas. Seluruh keinginan di dunia dicari semata-mata untuk memenuhi kehendak syahwat. Apabila mereka belajar, mereka belajar kerana syahwat. Mereka menghimpunkan harta kekayaan adalah kerana syahwat dan apabila mereka menduduki pangkat yang tinggi adalah untuk mencapai tuntutan syahwat..."

Perancangan penjajah Salibiah ini adalah semata-mata bertujuan untuk mengalih perhatian pemuda-pemuda Islam daripada pertubuhan jihad dan mempertahankan Islam. Dengan itu mereka tidak akan berfikir untuk berusaha ke arah mencapai kemuliaan dan keagungan.

Perancangan Komunis dan Mazhab Kebendaan (Materialisma).
Menyibukkan umat Islam dengan hiburan dan pementasan daripada menghayati akidah Uluhiyah. Apabila ditanya kepada Karl Marx, "Apakah ganti kepada akidah Uluhiyah? Beliau menjawab, "Gantinya ialah hiburan dan pementasan. Sibukkan mereka daripada menghayati akidah Uluhiyah dengan hiburan dan pementasan".

Apakah kamu mengetahui erti hiburan dan pementasan -wahai para pemuda- apabila ia digunakan untuk meruntuhkan akidah dan akhlak?.

Di antara perancangannya lagi ialah memalingkan generasi Islam daripada Islam dengan menggunakan novel, majalah dan akhbar... Penganut komunis telah berkata di dalam watikah rahsianya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ustaz 'Akad di dalam bukunya "Islam dan Komunis": "Kita telah berjaya menyebarkan unsur-unsur yang merosakkan agama di dalam masyarakat beragama yang terdiri daripada novel, hiburan, pementasan, kursus-kursus, akhbar, majalah dan karangan-karangan yang menyebarkan fahaman tidak bertuhan dan menyeru ke arahnya, menghina dan memperolok-olokkan pejuang agama dan menyeru ke arah sains semata-mata serta menjadikannya sebagai tuhan..."

Adakah kamu mengetahui -wahai para pemuda- apakah yang telah dilakukan oleh akhbar, majalah, novel dan hiburan dalam usaha menghapuskan iman, meruntuhkan akhlak dan menyebarkan akhlak yang buruk di seluruh negara Islam...?!!

* * *

Cabaran sebaran am

Di antara slogan-slogan palsu yang dilaung-laungkan oleh Yahudi, Salibiah, pendakwah kristian dan orientalis... ialah slogan `Pembebasan Wanita'. Bebas daripada apa? Bebas daripada rumahnya. Bebas daripada pakaiannya. Bebas daripada akhlak dan bebas daripada akidahnya.

Yang dimaksudkan dengan bebas daripada rumah ialah keluar ke tempat-tempat kerja untuk bekerja, atau ke kelab-kelab untuk menari, atau ke pentas-pentas untuk menyanyi atau kepada kawan-kawan untuk bercinta...

Yang dimaksudkan dengan bebas daripada pakaian ialah mendedahkan apa yang telah diperintah oleh Allah supaya menutupnya dan mencerobohi perkara yang telah diarahkan oleh Islam supaya memeliharanya... agar mereka dapat muncul di tengah-tengah masyarakat dalam keadaan berhias, bahkan hampir-hampir berbogel. Ini tidak ragu lagi akan menimbulkan fitnah kepada manusia, mengghairahkan pemuda dan meruntuhkan masyarakat...

Yang dimaksudkan dengan bebas dari akhlak ialah menentang segala prinsip akhlak yang terdapat di dalam syariat Islam... Jangan bersifat dengan sifat malu, jangan beradab dengan orang yang lebih berumur, jangan mendengar nasihat para penjaga mereka dan jangan terkongkong dengan adat ataupun agama.

Yang dimaksudkan dengan bebas daripada aqidah ialah mengiklankan penentangannya terhadap dasar-dasar Islam yang menyeru wanita supaya berpegang teguh dengannya dan beramal dengan tuntutannya... seperti memerangi hijab, sistem poligami dan sistem perwarisan. Menentang dasar `kepimpinan' yang telah diberikan kepada kaum lelaki... dan sebagainya yang mana hanya dengan salah-satu daripada tindakan ini sahaja telah menyebabkan terlucutnya seseorang daripada ikatan Akidah Rabbaniah dan terkeluarnya beliau daripada agama Islam... Lebih-lebih lagi apabila perkara-perkara tersebut terkumpul, maka murtad dan keluar daripada agama Islam adalah lebih nyata dan jelas.

Slogan `Pembebasan Wanita' dengan segala konsep yang terkandung di dalamnya adalah perkara yang telah ditekankan oleh pendeta Zuwaimar di dalam persidangan pendakwah kristian ketika beliau berkata: "Para pendakwah kristian tidak perlu putus asa apabila mereka melihat hasil daripada kerja kristianisasi mereka terhadap umat Islam adalah kurang berhasil, kerana di antara perkara yang telah dapat kita pastikan ialah kecenderungan kepada ilmu Barat dan pembebasan wanita telah subur di dalam hati umat Islam...".

Beliau menambah lagi: "Tidak ada satu akidah tauhid yang lebih agung daripada akidah Islam yang telah berjaya menguasai dua benua iaitu Asia dan Afrika serta telah menyebarkan akidah dan syariatnya kepada dua ratus juta manusia... ia telah menjadi seperti banjaran gunung yang menyentuh awan dan menjangkau langit dengan nur tauhid. Akan tetapi ia akan runtuh dengan luputnya sistem poligami dan keruntuhan akhlak wanitanya..."

Sebentar tadi kami telah nyatakan perancangan yahudi di dalam protokol mereka: "Kita mesti merosakkan wanita. Di hari mereka menghulurkan tangan kepada kita, kita akan berjaya menghiasi mereka dengan perkara haram dan menggugatkan tentera yang memperjuangkan agama".

* * *

Daripada kata-kata dan perancangan-perancangan yang telah kami nyatakan, jelaslah kepada kita bahawa Yahudi, Freemason, Salibiah, Komunis, Kristianisasi dan Orientalis... sentiasa bekerjasama dan tolong-menolong untuk merosakkan masyarakat Islam dengan menggunakan arak, seks, hiburan, majalah, novel, hiburan yang tidak berakhlak serta meninggikan slogan: "Pembebasan Wanita Dan Persamaannya Dengan Lelaki Serta Penentangannya Terhadap Dasar Agama Dan Adat". Sesungguhnya mereka telah mencapai -alangkah sedihnya- matlamat mereka yang hina dan tujuan mereka yang keji... di mana kita melihat pemuda-pemudi di negara Islam telah bertaburan untuk mencari kepuasan nafsu syahwat. Mereka tergelincir ke lembah keruntuhan dan penyelewengan... Mereka tidak mempunyai matlamat dan tujuan melainkan semata-mata untuk memenuhi tuntutan dan kemahuan nafsu. Mereka terjun ke dalam lumpur kehinaan dan kekejian serta mengabaikan kewajipan mereka yang utama dan suci iaitu membawa risalah Islam dan berjuang mempertahankannya... Bahkan yang menjadi tujuan utama mereka hanyalah menonton filem lucah atau hiburan pertunjukan yang gila. Mereka menuju ke pusat-pusat pelacuran dengan membuang sifat malu dan kemuliaan diri daripada peribadi mereka... Begitulah apa yang telah mereka lakukan!!.

Kamu hendaklah mengetahui semua hakikat ini -wahai pemuda-. Kamu hendaklah berhati-hati terhadap perancangan dan tipu daya musuh terhadap umatmu... dan kamu hendaklah memberi peringatan kepada umat dan bangsa kamu yang terjajah.

Memang telah diyakini bahawa media massa pada hari ini sekiranya digunakan untuk melakukan kejahatan, maka ia dianggap sebagai wasilah terkuat di dalam merosakkan masyarakat, memesongkan pemuda, menyelewengkan umat Islam, membebaskan wanita daripada ikatan akhlak dan kemuliaan agama... Ini disebabkan media massa mampu berbicara kepada berjuta-juta orang melalui program dan rancangan-rancangannya... bahkan lebih ramai lagi... Kebanyakan mereka mempunyai kepentingan dan keinginan yang mudah terpengaruh dengan perkataan-perkataan yang dibaca dan juga yang di lihat.

Sekiranya perkataan itu baik... maka ia adalah seperti pokok yang baik yang mana akarnya teguh mencengkam bumi dan cabangnya mencapai langit lalu mengeluarkan hasilnya pada setiap masa dengan izin Tuhannya. Sekiranya perkataan itu jahat... maka ia adalah seperti pokok yang tidak baik yang tercabut daripada bumi dan tidak mempunyai pendirian yang teguh.

Dari sini kita dapat melihat bagaimana Islam memberi perhatian terhadap kalimah dan amanahnya sesuatu kalimah serta kesannya... samada ia akan naik tinggi bersama orang-orang mukmin ke langit suci dan mulia... ataupun jatuh bersama orang yang menuturkannya ke dalam neraka jahanam yang hina.

Di antara yang menyedihkan ialah kebanyakan media massa di seluruh negara Islam adalah dibuka medannya untuk menyebarkan kejahatan, mendorong melakukan jenayah dan

kerosakan di atas muka bumi... Kesan daripada itu berlakunya kegoncangan akidah, kehancuran akhlak dan kemusnahan nilai-nilai mulia!!..

Memang tidak disangkal lagi bahawa akidah dan akhlak adalah asas kepada binaan masyarakat yang baik di dalam Islam. Apabila hilang asas tersebut maka bagaimanakah binaan akan tertegak?
Yang jelasnya, media massa kapitalis di Barat dan sosialis atau komunis di Timur... telah mempengaruhi sepenuhnya media massa-media massa yang ada di dalam masyarakat Islam dan arab. Kita dapati kebanyakan pengelola media massa di negara Islam dan arab... telah mengimport program-program samada yang didengar atau ditonton daripada Barat atau Timur lalu memasukkan sepenuhnya ke dalam media massa di negara Islam itu sendiri... Generasi muslim menganggap bahawa ia adalah ikutan dan contoh yang baik... Dengan ini generasi tadi masuk ke dalam perangkap serangan pemikiran dan kerosakan akhlak samada disedari ataupun tidak. Selepas beberapa ketika mereka akan terkesan dengannya... Mereka menjadi musuh kepada agama dan memerangi kemuliaannya serta menentang nilai-nilai akhlak yang mulia yang dibawa oleh agama.

Lebih teruk daripada itu ialah kebanyakan penyelia media massa di negara Islam mempunyai hubungan dengan kapitalis, komunis dan sosialis... merekalah yang menerbitkan program-program di negara Islam samada yang dapat ditonton, didengar dan mencetaknya untuk dibaca... program-program yang menyebarkan kejahatan, memberi galakkan untuk melakukan jenayah, menimbulkan keraguan terhadap akidah dan menghancurkan akhlak dan nilai-nilai yang mulia...

Apa yang mereka hasilkan melalui program-program yang dibaca, didengar dan ditonton... sudah memadai untuk merosakkan umat Islam. Tambahan pula program yang mereka import daripada Barat dan Timur... bahayanya lebih besar dan hebat lagi!!.

Lebih bahaya daripada itu ialah program yang ditonton di kaca televisyen tidak terbatas kepada program tempatan sahaja, bahkan ia juga menyiarkan program dunia yang dapat ditonton melalui satelit. Sekiranya ini berlaku dan memang telah berlaku serta negara Islam mengizinkannya maka ia akan memberi kesan yang besar di dalam merosakkan generasi muslim dari sudut akidah dan akhlak. Bahkan kesannya di sudut akhlak adalah lebih besar... di mana generasi muslim dapat menyaksikan di kaca televisyen gambar-gambar bogel, fitnah seks, kejahatan dan kegilaan... adalah kerana nafsu ammarah lebih cepat terkesan dengan godaan fitnah, unsur-unsur bogel, perhiasan wanita dan lain-lain. Bahkan ia akan mengikut hawa nafsu dan dorongan syahwat dengan cepat tanpa dapat dikawal oleh agama dan dirinya sendiri.

Apabila kita telah mengetahui bahawa perancangan Salibiah, Yahudi, Freemason dan komunis berselindung di belakang apa yang berlaku... maka tahulah kita apa yang mereka inginkan daripada tersebarnya kerosakan, terhapusnya dasar-dasar akidah dan nilai-nilai yang mulia daripada negara dan umat Islam.

Telah kami sebutkan secara terperinci sebelum ini di dalam perbincangan mengenai "Cabaran luaran", betapa berperanannya perancangan luaran di dalam meruntuhkan akhlak generasi Islam dan merosakkan akidah serta nilai-nilai mulia... Kami rasa tidak perlu disebutkan buat kali keduanya supaya ianya tidak menjadi berulang.

Sepatutnya tidak luput di ingatan kita bahawa Yahudi dan Freemason mempunyai peranan yang besar dan penting di dalam menguasai media massa melalui agen-agennya di dunia Islam. Agen-agen tersebut semenjak kecil lagi telah dididik di sekolah-sekolah mereka dan terus diterima masuk ke dalam pertubuhan mereka apabila dewasa supaya mereka mampu melaksanakan perancangan Yahudi untuk menguasai ekonomi dan politik...

Kami telah sebutkan dengan banyak sekali tentang perancangan-perancangan ini di dalam perbincangan tentang "Cabaran Serangan Pemikiran" kepada generasi Islam. Rujuklah kembali -wahai para pemuda- supaya kamu mendapati apa yang dapat menyembuhkan segala penyakit yang berlaku, Insya Allah.

Tetapi apa yang kami ingin sebutkan di dalam perbincangan ini ialah peranan Freemason yang didalangi oleh Yahudi di dalam merosak dan menguasai media massa samada yang dilihat, didengar atau dibaca.

Hartzel, seorang Yahudi telah berkata di dalam bukunya: "Kebisingan adalah segala-galanya. Sebenarnya kebisingan itu akan membawa kepada kerja yang besar". Yang dimaksudkan dengan kebisingan itu ialah sebaran dan dakyah yang dibuat melalui media massa. Menurut pandangannya, ia adalah lebih berkesan dan berpengaruh serta lebih praktikal. Bahkan ia lebih menarik perhatian, dapat memancing ramai penyokong, melemahkan musuh serta berjaya mencapai matlamat.

Di dalam protokol yang ketujuh:
"Kita perlu berusaha mempengaruhi kerajaan yang bukan Yahudi melalui jalan apa yang dinamakan "sokongan ramai" yang telah kita bina melalui jalan yang paling kuat kesannya iaitu akhbar yang semuanya berada di dalam genggamam kita..."

Di dalam negara yang tidak ada agen-agen yahudi fremason yang dapat mengeksploitasi media massa untuk kepentingan mereka... Yahudi akan menggunakan jalan yang tidak syari'e untuk mempengaruhi pemerintah seperti tekanan, rasuah dan penipuan supaya kepentingan dan perlaksanaan perancangan mereka terjamin... Bahkan kadang-kadang mereka melakukan tipu helah politik supaya berlaku rampasan kuasa... untuk mereka mengiktiraf orang-orang yang melakukan rampasan... begitulah apa yang sedang mereka usahakan!!.

Adakah kamu mengetahui -wahai para pemuda- apa yang dilakukan oleh Yahudi? Apakah yang dirancangkan oleh Yahudi? Apakah yang dieksploitasi oleh Yahudi untuk melaksanakan perancangan mereka di negara Islam?.

Adakah kamu mengetahui bahawa agen Freemason yang terdiri daripada orang arab dan Islam itu sendiri bertebaran di negara Islam di sana-sini. Mereka tidak lain melainkan alat yang melaksanakan apa yang diarah oleh Yahudi.

Adakah kamu tahu bahawa kerosakan masyarakat dan keruntuhan yang tersebar luas di negara Islam... tidak lain tidak bukan adalah hasil daripada kerja Yahudi dan perancangan kristianisasi serta penjajahan.

Apabila kamu telah mengetahui ini semua, maka kamu mestilah mengetahui dan menyedari tugas dan peranan kamu di dalam dakwah, pengislahan, perubahan dan menyedarkan

umat Islam serta memperbanyakkan pejuang keimanan yang kental... Allah akan menolong dan melindungi kamu... Sesungguhnya Dialah sebaik-baik Pelindung dan Penolong.

Sebelum saya menamatkan perbincangan ini saya ingin membentangkan kepada kamu - wahai para pemuda- apa yang telah diwasiatkan oleh Muktamar Dakwah SeDunia pada tahun 1397H yang diadakan di Madinah Rasulullah s.a.w yang menyingkap keadaan media massa di dalam masyarakat Islam:

"Muktamar ini telah mendedahkan keaiban dan kepincangan yang menimpa media massa kita samada secara disedari ataupun tidak oleh orang yang melakukannya. Sebagai ganti daripada media massa kita yang menjadi mimbar dakwah kepada kebaikan dan menara menyebarkan kebenaran... ia telah menjadi suara yang membawa kerosakan dan penyeksaan... para pemimpin negara telah berdiam diri. Dengan diamnya mereka bermakna mereka merestuinya. Dengan ini bermakna mereka telah memberi galakan dan menambahkan semangat serta keberanian untuk kerja-kerja tersebut terus dilakukan... Kesannya, keimanan, nilai-nilai mulia manusia telah goyang... Oleh itu para penyeru kebaikan tidak boleh berdiam diri daripada perkara ini..."

* * *

Cabaran Undang-undang

Ia juga merupakan cabaran keruntuhan yang paling jelas yang dihadapi oleh generasi Islam, pemuda dan pemudinya di zaman kesesatan dan kerosakan ini...
Dengan nama undang-undang, kehormatan dan perkara-perkara haram diharuskan...
Dengan nama undang-undang, segala keinginan untuk mengambil teman wanita dan wanita simpanan dapat dipenuhi.
Dengan nama undang-undang para peniaga syahwat telah membuka sarang-sarang pelacuran, dewan-dewan nyanyian dan tarian serta kelab-kelab arak... untuk memberikan kepuasan kepada pemabuk dan tahi arak serta pencari kelazatan jasad...
Dengan nama undang-undang diharuskan nyanyian, tabarruj bagi wanita dan percampuran... antara lelaki dan perempuan di kelab-kelab, sekolah-sekolah, universiti-universiti dan di tempat-tempat yang lain...
Dengan nama undang-undang, lelaki dan perempuan telah terdedah kepada percampuran tanpa segan silu di kolam-kolam renang umum dan di pantai-pantai...
Dengan nama undang-undang segala pertunjukan pentas, panggung wayang dan pusat hiburan diberikan lesen untuk nengeluarkan filem-filem lucah dan hiburan-hiburan gila.
Dengan nama undang-undang sebaran am, penulis-penulis majalah telah diberikan kebebasan untuk menulis, mengarang dan menyebarkan... apa yang mereka mahu... walaupun ia merupakan seruan kepada mengharuskan perkara-perkara keji, seruan kepada kebebasan wanita, memuaskan keinginan hawa nafsu dan mencemarkan kemuliaan...

Ini tidak termasuk perlindungan undang-undang yang diberikan kepada media massa samada media dengar, media lihat seperti radio dan televisyen ataupun media baca seperti majalah... Dengan nama perlindungan yang diberikan ini dan dengan nama kebebasan bersuara serta slogan demokrasi... para pengelola mana-mana media massa bebas meruntuh, menyeleweng dan menghina... sekalipun keruntuhan tersebut berlaku kepada akhlak, penyelewengan sejarah dan penghinaan terhadap sistem-sistem Islam... Allah tidak akan ditanya tentang apa yang dilakukan sedangkan mereka akan ditanya apa yang meraka lakukan.

Bagaimanakah para pemuda dapat berpegang dengan akhlak yang mulia dan berjalan di atas landasan yang lurus... sedangkan undang-undang di kebanyakan negara Islam melindungi kehinaan dan memudahkan jalan kemungkaran serta menyediakan bagi generasi Islam sebab-sebab keruntuhan dan penyelewengan?

Di sini dipaparkan beberapa kebebasan akhbar di bawah naungan undang-undang dan demokrasi, agar kamu mengetahui -wahai pemuda- di tahap manakah akhbar telah sampai dalam usaha menyeru kepada pengharusan dan mulhid serta menghiasi jalan-jalan kerosakan dan kemungkaran.

1- Pada tahun 1966M, sidang akhbar Al Ahram telah mengundang seorang penyeru kepada mazhab Al-Wujudiah Al-Ibahiyah iaitu Sarter dan teman wanitanya yang hidup bersamanya secara haram di mana mereka secara terus terang telah mempamerkan kejahatan dan kerosakan. Bahkan akhbar tersebut telah menyeru orang ramai... supaya melihat teladan yang buruk yang ada pada Sarter dan mendengar daripadanya racun-racun berbisa dan dasar-dasar tidak berakhlak yang menyeru kepada Ibahiyah!!.

Al Wujudiyah: Mazhab falsafah yang berpendapat bahawa manusia bebas dan mampu mencipta dirinya sendiri serta mengambil pendirian sebagaimana yang dikehendaki.
Al Ibahiyah: Fahaman mengharuskan semua perkara samada baik maupun buruk.

2- Sekitar tahun-tahun 70an, kejahatan telah sampai ke kemuncaknya di mana akhbar Al Ahram bertarikh 13/3/1976 telah menyiarkan tentang rumah-rumah urut yang mana terdapat di dalamnya wanita-wanita yang tidak pernah terdengar sebelumnya kejahatan sebagaimana yang mereka lakukan. Ia juga menyiarkan berita tentang pelajar-pelajar perempuan yang terdapat di rumah-rumah tersebut.

Kemudian pihak akhbar telah memandang remeh terhadap jenayah yang keji ini dengan menyiarkannya dalam bentuk tajuk yang memberangsangkan: Pelajar-pelajar perempuan di rumah urut... bukalah pintu percampuran di semua peringkat pembelajaran... berilah kebebasan kepada pemuda di bawah pengawasan keluarga dan sekolah... biarkan anak-anak perempuan dengan pakaiannya...!!

3- Dalam salah satu keluaran majalah "An-Nahdah" yang diterbitkan di Kuwait dan di'tahkik' oleh seorang wartawan setebal tujuh mukasurat dan dimuatkan di dalamnya gambar-gambar wanita separuh bogel yang memberansangkan di bawah tajuk-tajuk yang ditulis dengan jelasnya; Hasil terbalik di pasaran Kuwait... terpesona... keterbalikan... bisikan... jelingan... nombor telefon...

Seorang wartawan wanita menemuramah beberapa orang wanita Kuwait yang memberitahu nama penuhnya dan telah menceritakan dengan jelas tanpa berselindung tentang penjual kasut yang meminta melihat betisnya dan penjual pakaian yang memegang pinggangnya... Seorang wanita lain menceritakan; Pakaian menampakkan semua perkara kerana nipis khususnya ketika menaiki tangga di dalam kedai. Ini disebabkan lampu disuluhkan ke arah tangga, dengan itu menampakkan semua anggota yang ada di badannya...

Kita tidak tahu apakah faedah yang akan diperolehi oleh seorang muslim dari 'tahkik' yang sebegini? Sebenarnya tidak ada faedah padanya selain menghiasi penyelewengan, menyebarkan fitnah dan menunjukkan tempat-tempat kerosakan untuk sesiapa yang ingin mempelajarinya!!..

Seorang penulis komunis ketika membuat kesimpulan terhadap rencananya, beliau berkata: Satu-satunya cara untuk membina masyarakat Arab dan mengukuhkan tamadunnya ialah dengan mencipta `manusia sosialis arab baru.'

Manusia yang ingin dicipta oleh si mulhid ini ialah manusia yang percaya bahawa Allah, semua agama, sistem feudal, kapitalis, penjajahan dan semua nilai-nilai yang menguasai masyarakat terdahulu tidak lain selain daripada mumia yang kekal yang berada di Muzium Sejarah...!!

Tidakkah kamu pernah lihat -wahai para pemuda- seruan untuk menghancurkan aqidah, agama dan akhlak... seperti seruan yang keji yang diseru oleh agen komunis ini?.!!

Inilah sebahagian daripada kebebasan yang diperolehi oleh akhbar untuk menyeru ke arah keruntuhan dan kehancuran, di bawah naungan undang-undang... Ini hanyalah sedikit dari

yang banyak... Bahkan sekiranya kamu berjalan dan bermusafir kamu akan lihat di kiri dan kanan kamu:

Pemuda yang tenggelam dalam lumpur syahwat dan kejahatan...
Generasi yang sakit seluruh badannya, mental, jiwa dan akhlak...
Kumpulan penjenayah, pencolek dan pencabul kehormatan...
Kumpulan pengedar dan penagih dadah dan ganja...
Peniaga-peniaga syahwat dan nafsu yang menjual kehormatan dan menyewa pelacur...
Kumpulan diktator, peguam dan ahli undang-undang... yang menyembunyikan jenayah dan mencabul hak-hak orang ramai.
Kolam-kolam renang awam yang bercampur baur... orang-orang yang berenang telanjang tanpa ada perasaan malu.
Kumpulan pelacur yang diberi kelonggaran untuk mencari rezeki melalui zina...
Mereka yang mendengar nyanyian yang mengkhayalkan, muzik rocks dan pertunjukan pentas yang hina.
Buku-buku seks dan majalah-majalah bogel yang gila.

Dan bermacam-macam lagi yang akan kamu dapati gejala-gejala kerosakan dan kehancuran yang tidak dapat dihitung.

Kesemua ini berlaku dalam masyarakat Islam -kecuali orang yang diselamatkan oleh Allah- atas nama kebebasan, perlindungan undang-undang dan slogan demokrasi... Ianya berlaku di kalangan pemuda-pemudi di segenap tempat dalam masa yang begitu singkat dan menakjubkan tanpa mendapat kawalan daripada akhlak, agama dan perasaan tanggungjawab...
Bukanlah suatu yang aneh -sekiranya keadaan ini berkekalan- masyarakat Islam di Timur dan Barat akan tenggelam dalam fahaman keharusan dan kebebasan yang lebih dahsyat sebagaimana yang dialami oleh masyarakat Barat.

Di antara perkara yang perlu kamu ketahui dengan baik -wahai pemuda Islam- ialah orang-orang yang meluluskan undang-undang yang mengharuskan kemungkaran, melindungi kefasadan di sebalik pakaian, sarang-sarang pelacuran, kelab-kelab dan kolam-kolam renang serta memberikan kebebasan kepada media massa untuk menyeru ke arah keruntuhan dan penyelewengan, pada hakikatnya merupakan pelaksana-pelaksana samada disedari ataupun tidak kepada perancangan jahat penjajahan Salibiah, protokol Yahudi dan Freemason serta pakatan jahat komunis dan mazhab kebendaan... Tujuan mereka adalah untuk merosakkan pemuda dan pemudi di negara Islam, memesongkan mereka daripada kewajipan yang suci iaitu membawa risalah Islam yang kekal abadi dan memalingkan mereka daripada badan-badan jihad dan mempertahankan Islam. Sehingga mereka tidak keluar berjihad, dan menjalani kehidupan tanpa mempunyai matlamat dan tujuan yang mulia serta risalah yang tinggi.

Tetapi adakah di sana jalan penyelesaian untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam di seluruh alam lebih-lebih lagi para pemuda dan pemudinya?.

Ya! Jalan penyelesaian yang praktikal untuk menghadapi semua cabaran ini ialah para pemuda muslim yang berpegang teguh dengan Islam hendaklah mengambil alih setiap tempat strategi di negara mereka dan menunaikan tanggungjawab memperbaiki dan mengubah masyarakat supaya mereka mampu menghadapi cabaran-cabaran yang

mencengkam umat Islam ini dengan keazaman dan keimanan, dorongan keberanian, perancangan dakwah, berpegang teguh dengan jemaah dan perasaan tanggungjawab melakukan kerja-kerja pengislahan...

Sekiranya mereka berada di tahap tanggungjawab dan penentangan sebegini, maka sudah semestinya, akhirnya mereka akan dapat mencapai natijah yang baik dengan menghapuskan kefasadan, melenyapkan kemungkaran dan membendung kekejian... Allah Taala setiasa bersama mereka dan tidak akan meninggalkan mereka kerana Dia telah berfirman:

ان تنصر وا الله ينصركم ويثبت أقدامكم

Maksudnya: *Sekiranya kamu menolong Allah dengan memperjuangkan agamaNya maka Allah akan menolong kamu dan menetapkan tapak-tapak kaki kamu.*

* * *

Garis panduan Islam

Itulah dia -wahai pemuda dan pemudi Islam- cabaran-cabaran keruntuhan dan kerosakan akhlak yang dihadapi oleh generasi Islam pada hari ini. Kamu telah melihat bahawa ia adalah bermacam-macam: di antaranya ada yang berbentuk adat kebiasaan masyarakat, berbentuk asing, sebaran am dan undang-undang.

Kami telah menyentuh dengan ringkas tentang beberapa penyelesaian positif terhadap setiap cabaran yang lima ini. Saya ingin menambah beberapa penyelesaian positif yang lain semoga ia menjadi pembantu kepada pengislahan yang kamu lakukan, menetapkan keyakinanmu, memelihara akhlakmu, panduan di setiap langkahmu, menguatkan keperibadian dan petunjuk bagi dakwah kamu. Allahlah sebagai tempat meminta pertolongan dan kepadaNyalah kita bertawakkal.

Tidak ragu lagi bahawa perkahwinan yang disyariatkan oleh Islam kepada pemuda Islam pada tahap umur muda mereka merupakan sebaik-baik jaminan untuk memelihara akhlak dan menjaga pandangan serta memelihara kehormatan mereka. Ini adalah kerana saranan yang telah diajukan oleh Rasulullah s.a.w kepada pemuda umat ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jamaah:

يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فانه أغض للبصر وأحصن للفرج...

Maksudnya: *Wahai para pemuda! Barang siapa dari kalangan kamu yang berupaya untuk berkahwin maka hendaklah dia berkahwin kerana ia adalah lebih memelihara pandangan dan menjaga kemaluan..."*

Bahkan perkahwinan merupakan faktor pengislahan yang paling kuat yang dapat menyelamatkan pemuda daripada cabaran keruntuhan yang mereka hadapi dan kerosakan akhlak yang mengelilingi mereka. Ini adalah kerana perkahwinan menyahut tuntutan fitrah dan memenuhi kehendak syahwat yang ada pada pemuda serta menjadikannya sebagai seorang insan yang mempunyai keperibadian yang unggul, seimbang, tidak condong bersama tiupan angin fitnah dan tidak goncang berhadapan dengan cabaran-cabaran keruntuhan...

Tetapi apabila pemuda tidak berupaya untuk berkahwin kerana halangan-halangan yang merintangi mereka, apakah yang perlu dilakukan? Dan jalan manakah yang perlu untuk mereka lalui?.

Al Quran telah menyeru pemuda yang berada di dalam keadaan begini supaya menjauhkan diri dari perkara-perkara yang haram dan menjaga kehormatan...

Firman Allah:

وليستعفف الذين لا يجدون نكاحا حتى يغنيهم الله من فضله

Maksudnya: *Dan orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberikan kepada mereka dengan limpah kurniaNya sebab-sebab perkahwinan.*

Akan tetapi apakah garis panduan yang menjadikan pemuda sebagai seorang yang menjaga kehormatan, jauh daripada keruntuhan dan bersih daripada kejahatan?.

Garis panduan sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam adalah seperti berikut:

1-Memelihara pandangan daripada perkara-perkara yang diharamkan.
Firman Allah:

قل للمؤمنين يغضوا من أبصارهم ويحفظوا فروجهم ذلك أزكى لكم ان الله خبير بما يصنعون وقل للمؤمنات يغضضنمن أبصارهن ويحفظن فروجهن ....

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman hendaklah kamu menundukkan pandangan kamu dan menjaga kemaluan kamu. Itu adalah lebih bersih bagi kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tentang apa yang mereka lakukan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman hendaklah mereka menundukkan pandangan dan menjaga kemaluan mereka...*

Tidak asing lagi bagi orang-orang yang mempunyai akal dan penglihatan mata hati bahawa memandang ke arah perempuan ajnabi merupakan panahan daripada panahan iblis. Bahkan ia adalah jalan yang menyeleweng dan bersimpang siur yang membawa pelakunya kepada kejahatan... sesiapa yang meninggalkannya kerana takutkan Allah, maka Allah akan menggantikannya dengan keimanan yang dapat dirasai kemanisannya di dalam hati.

Dahulu, syair Arab menyebut;
Setiap peristiwa bermula dengan melihat,
Kebanyakan api yang merbahaya bermula dari kecilnya.

Hari ini manusia berkata;
Melihat, diikuti dengan senyum, kemudian memberi salam
Selepas itu bersembang, berjanji dan berjumpa.

2-Berterusan berpuasa sunat.
Ini sebagai membenarkan sabda Rasulullah s.a.w yang telah diriwayatkan oleh Jamaah:

يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فانه أغض للبصر و ا؛صن للفرج ومن لم يستطع فعليه بالصوم فانه له وجاء

Maksudnnya: *Wahai para pemuda! Barang siapa dari kalangan kamu yang berupaya berkahwin hendaklah dia berkahwin, sesungguhnya ia lebih memelihara pandangan dan menjaga kemaluan. Sesiapa yang tidak berupaya maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu merupakan benteng kepadanya (iaitu mengawal syahwat).*

Hikmah daripada ibadah berpuasa ini akan terhasil dengan dua perkara:

1. Mendalamkan muraqabah dengan Allah samada di tempat terang atau tersembunyi.
2. Mengurangkan bagi pemuda kekuatan syahwat dan gelora keinginan.

Alangkah banyaknya jenis puasa sunat yang digalakkan oleh syarak supaya dikerjakan. Kami sebut di antaranya sebagai contoh: Puasa nabi Daud, beliau berpuasa sehari dan berbuka sehari, puasa hari Isnin dan Khamis pada setiap minggu, puasa enam hari di dalam bulan Syawal, puasa hari Asyura serta sehari sebelum atau selepasnya, puasa tiga hari pada

pertengahan bulan pada setiap bulan Islam iaitu pada hari tiga belas, empat belas dan lima belas...

Di antara hikmah lain ialah menenangkan syahwat sebagaimana yang dinyatakan oleh hadis yang bermaksud: "Sesiapa yang tidak berupaya maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa merupakan benteng kepadanya".

3-Menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang memberangsangkan nafsu.
Sabda Rasulullah s.a.w sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhari:

... من وقع فى الشبهات وقع فى الحرام ألا وان لكل راع حمى وان حمى الله محارمه

Maksudnya: *... sesiapa yang terjatuh (melakukan) perkara yang syubhat maka dia telah jatuh ke dalam perkara yang haram. Ketahuilah bahawa setiap pengembala ada kawasan larangannya dan kawasan larangan Allah adalah perkara-perkara yang diharamkanNya.*

Tidak ragu lagi bahawa memandang ke arah perempuan yang berpakaian tetapi telanjang, membaca novel-novel yang memberangsangkan, majalah-majalah lucah dan berita-berita seks yang diperniagakan oleh peniaga syahwat serta mendengar lagu-lagu yang mengasyikkan dan mengkhayalkan yang diperniagakan oleh lelaki-lelaki yang tidak berakhlak. Begitu juga menyimpan gambar-gambar bogel dan filem yang berunsur seks... untuk ditonton...

Semuanya itu adalah di antara perkara yang menimbulkan ghairah, mencemar kemuliaan, meruntuhkan akhlak, menggelorakan keinginan syahwat, membunuh kemuliaan, melemahkan tubuh badan, melumpuhkan daya ingatan dan menghancurkan keperibadian.

4-Memenuhi masa kosong dengan perkara-perkara yang bermanfaat.
Kerana sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Muslim:

احرص على ما ينفعك واستعن بالله ولا تعجز

Maksudnya: *Peliharalah perkara yang memberikan manfaat kepada kamu dan pohonlah pertolongan kepada Allah serta jangan kamu merasa lemah.*

Sebelum ini, kami telah menceritakan bagaimana Islam menyelesaikan masalah dorongan hawa nafsu di dalam diri manusia. Apabila seorang pemuda bersendirian pada masa kosongnya, maka dia akan mengelamun dengan berbagai impian dan khayalan seks yang bergelora... Syahwatnya bangkit disebabkan impian dan khayalan ini... Boleh jadi dia akan terjatuh ke dalam perkara yang dilarang oleh syara' hasil daripada apa yang terlintas di dalam jiwanya.

Cara untuk mengelakkan daripada semua ini ialah pemuda hendaklah mengetahui bagaimana cara memenuhi masa lapangnya.? Alangkah banyaknya medan dan kegiatan untuk memenuhi masa lapang!! Samada dengan bersukan yang boleh menguatkan tubuh badan, bersiar-siar menenangkan jiwa, mengulangkaji ilmu yang dapat melengkapkan lagi pengetahuannya, membuat kerja-kerja kraf tangan yang boleh mengasah bakatnya, menghadiri pengajian agama yang boleh mendidik akhlaknya, atau kuiz yang boleh melatih akalnya, melakukan latihan memanah, berenang, menunggang kuda... yang boleh mempersiapkan dirinya...

Dan lain-lain kegiatan-kegiatan yang bermanfaat serta berbagai wasilah yang akan memberikan hasil...

5-Bersahabat dengan orang yang soleh.
Kerana sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Tarmizi:

لا تصاحب الا مؤمنا و لا يأكل طعامك الا تقى

Maksudnya: *Jangan kamu bersahabat kecuali dengan orang yang beriman dan jangan memakan makanan kamu kecuali orang yang bertaqwa.*

Telah kami sebutkan di dalam perbincangan yang lalu bahawa apabila pemuda itu bersahabat orang yang soleh, bertaqwa dan istiqamah di jalan kebenaran, dia akan dapat mengambil daripadanya segala kebaikan yang memberi manfaat kepadanya di dunia dan akhirat. Begitu juga apabila dia bersahabat dengan orang yang fasik dan melakukan maksiat, dia akan dapat mengutip daripada mereka segala kejahatan yang memberi mudarat kepada agama, dunia dan akhiratnya. Inilah apa yang amat ditekankan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi:

المرء على دين خليله فلينظر من يخالل

Maksudnya: Seseorang itu berada di atas agama (cara hidup) sahabat akrabnya. Maka setiap kamu hendaklah meneliti siapa yang akan dijadikan sahabat akrab.

6-Mengikut tunjuk ajar perubatan.
Kerana hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi dan Askari:

الحكمة ضالة المؤمن أنى وجدها كان أحق بها

Maksudnya: *Hikmah (ilmu) itu adalah barang mukmin yang hilang, di mana sahaja dia mendapatinya maka ia adalah lebih berhak terhadapnya.*

Di antara perkara yang dinasihatkan oleh para pakar dan doktor perubatan untuk mengurangkan keinginan syahwat pada pemuda ialah seperti berikut:

1. Memperbanyakkan mandi di musim panas.
2. Memperbanyakkan permainan dan latihan jasmani.
3. Menjauhkan diri daripada makanan yang mengandungi rempah kerana ia boleh menimbulkan keinginan.
4. Mengurangkan makanan yang boleh menegangkan urat saraf seperti kopi dan teh.
5. Tidak memperbanyakkan makan daging dan telur...
6. Tidak tidur melentang atau meniarap. Bahkan daripada sunnah ialah tidur di atas lambung kanan dengan mengadap kiblat.

7-Mempertingkatkan muraqabah dengan Allah ketika sunyi ataupun nyata.
Kerana sabda Rasulallah s.a.w yang diriwayatkan oleh Syaikhan (Bukhari dan Muslim):

الاحسان أن تعبد الله كأنك تراه فان لم تكن تراه فانه يراك

Maksudnya: *Al Ihsan ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya dan sekiranya kamu tidak melihatNya maka Dia melihat kamu.*

Memang diakui bahawa apabila seorang pemuda itu menghadiri majlis ilmu atau zikir, berterusan menunaikan sembahyang fardu dan sunat, tekun dan berterusan di dalam membaca Al Quran, bertahajjud di waktu malam ketika manusia lain sedang nyenyak tidur, berterusan berpuasa sunat, mendengar cerita para sahabat dan solihin, memilih sahabat yang soleh dan beriman, bergabung dengan jemaah yang diyakini serta mengingati mati dan perkara yang berlaku selepasnya... semuanya itu adalah di antara perkara yang akan memperdalamkan perasaan takut kepada Allah, bermuraqabah denganNya dan merasai keagunganNya. Apabila mereka berada dalam keadaan demikian, mereka akan terhalang daripada melakukan perkara-perkara yang merosakkan dan terlibat ke dalam perkara-perkara yang diharamkan... Bahkan mereka akan menjadi seperti malaikat, berjalan di atas muka bumi dengan keadaan bersih dan suci rohani.

Saya kemukakan kepada kamu -wahai para pemuda- dua contoh yang besar ertinya dalam merasakan pemerhatian Allah ketika sunyi dan terang supaya ia menjadi ikutan dan contoh teladan:

Contoh pertama;
Buku-buku sastera menceritakan kisah seorang peniaga di mana beliau menceritakan. "Suatu malam, aku berada dirumahku. Tiba-tiba pintu rumahku diketuk orang. Aku dapati seorang gadis jelita bak bulan purnama. Dia datang mengadu kelaparannya. Aku berbicara dengannya dan cuba menggodanya. Tetapi dia menolak sambil berkata; "Mati adalah lebih baik bagiku daripada bermaksiat terhadap Tuhanku". Kemudian dia terus berlalu.

Selepas beberapa hari dia datang lagi kepadaku dan dia merayu kepadaku. Aku menjawab sebagaimana sebelum ini. Dia menangis. Kemudian berkata; "Berilah makan kepadaku kerana Allah". Aku menjawab; "Tidak mungkin, kecuali kamu serahkan dirimu kepadaku". Lalu wanita tersebut menjawab, "Mati lebih baik bagiku daripada azab Allah". Aku mendengar dia berkata sambil beredar;

Di manakah manusia yang ihsannya meliputi semua makhluk,
Kepada pendengaranMu aku mengadu dan dibawah pengawasanMu aku bertindak.
Aku berhadapan dengan tersangat lapar dan kepapaan,
Apa yang aku dapati telah menghalang dari berkata-kata.
Seolah-olah aku yang penuh dahaga melihat aliran mataair,
Tiada suapan dan tidak ada tangan yang memberi minum.
Aku dihalang untuk mendapatkan sesuap makanan,
Oleh keinginan syahwat yang merosakkan dan perampas.
Adakah aku akan bermaksiat kepadaMu selepas kelebihan, rahmat dan petunjuk yang diberi?
Bagaimana dengan ketaatan aku dapat mencari rezeki?.
Aku sanggup binasa untuk mencapai cintaMu wahai Tuhanku,
Moga dengannya mendekatkan diri kepadaMu dan mendapat pelepasan dari neraka.

Lelaki tersebut berkata; "Aku tersentak dengan kata-katanya dan iman mula meresap ke dalam lubuk hatiku. Aku berkata kepadanya, "Kembalilah, makan dan ambillah hartaku apa yang kamu mahu kerana Allah. Lalu wanita itu berdoa, "Wahai Tuhanku, sebagaimana Engkau telah menyinari hatinya dan memberi hidayah kepadanya maka terimalah doanya". Kemudian lelaki tersebut mengahwininya.

Contoh kedua:

Yusuf a.s. seorang pemuda yang sedang meneliti hari-hari muda, sempurna kelelakiannya dan memiliki wajah yang tampan. Baginda dipujuk oleh wanita yang mempunyai rupa paras yang cantik dan pangkat yang tinggi sedangkan pada masa itu pintu bilik telah terkunci dan jalan untuk melakukan kejahatan terbuka luas di depan mata sebagaimana yang diceritakan oleh Al Quran:

وراودته التى هو فى بيتها عن نفسه وغلقت الأبواب وقالت هيت لك

Maksudnya: *Dan perempuan yang Yusuf tinggal di dalam rumahnya bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya dan perempuan itupun menutup semua pintu-pintu dan berkata: "marilah ke mari aku bersedia untukmu."*

Apakah pendirian Yusuf ketika menghadapi godaan dan fitnah ini? Adakah keimanannya menjadi lemah?. Adakah dia melakukan khianat terhadap Allah atau dia tenang berhadapan dengannya?.

Tidak, bahkan dia menjawab;

معاذ الله انه ربي أحسن مثواى انه لا يفلح الظالمون

Maksudnya: *Aku berlindung dengan Allah daripada perbuatan yang keji itu. Sesungguhnya Tuhanku telah memelihara aku dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya.*

Isteri raja itu telah cuba menundukkannya dengan tipu daya dan perancangan jahatnya. Dia telah menggunakan segala apa yang ada padanya untuk menggoda dan menggugut demi melemahkan keimanan Yusuf dan menggoncang pendiriannya. Dia telah mengiklankan semua itu kepada para wanita yang mengutuknya dengan perasaan marah dan bengis.

ولقد راودته عن نفسه فاستعصم ولئن لم يفعل ما آمره ليسجنن وليكونن من الصاغرين

Maksudnya: *Sebenarnya aku telah memujuknya berkehendakkan dirinya tetapi dia menolak dan berpegang teguh kepada kesuciannya, dan demi sesungguhnya sekiranya dia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh tentulah dia akan dipenjarakan dan akan menjadi orang-orang yang hina.*

Tetapi pemuda yang menyucikan dirinya itu,Yusuf a.s. telah menyerahkan seluruh jiwa raganya kepada Allah dan memohon perlindungan dan pemeliharaanNya daripada melakukan maksiat terhadapNya. Akhirnya baginda memilih penjara daripada melakukan perkara yang keji dan mengiklankan pendiriannya dengan penuh kemuliaan sebagai seorang mukmin dan sifat meninggi diri terhadap perkara yang hina.

رب السجن أحب الى مما يدعوننى اليه والا يصرف عنى كيدهن أصب اليهن وأكن من الجاهلين

Maksudnya: *Wahai Tuhanku, aku lebih suka kepada penjara daripada apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya. Dan jika Engkau tidak menjauhkan daripada aku tipu daya mereka mungkin aku akan cenderung kepada mereka dan aku menjadi daripada orang-orang yang tidak mengamalkan ilmunya.*

Fitnah itu berada di antara hati mukmin yang hidup dan takut kepada Tuhan dan antara godaan-godaan kekejian dan dorongan keinginan nafsu... lalu terbenamlah godaan-godaan itu dan menanglah keimanan...

Begitulah wahai para pemuda, isi manhaj yang terpenting dan sejelas-jelas garis panduan yang boleh menyampaikan pemuda kepada puncak kesucian dan ketinggian. Tidak ragu lagi apabila pemuda mengikut usul garis panduan ini dan melaksanakannya dengan teliti dan bijaksana... maka dia akan dapat mengalahkan semua was-was syaitan dan keinginan jiwa yang buruk. Bahkan dia akan dapat menewaskan dorongan-dorongan hawa nafsu yang bergelora di dalam sanubarinya.

Ketika pemuda lemah untuk berhadapan dengan godaan dan fitnah-fitnah... dan dia yakin bahawa dia akan terjunam ke lembah kejahatan... maka harus baginya mengambil jalan onani untuk menenangkan jiwanya berdasarkan kaedah fiqh yang berbunyi:

يختار أخف الضررين وأهون ألشرين

"Di pilih yang paling sedikit mudaratnya dan yang paling kurang kejahatannya"

Oleh itu para ulama' fiqh berkata; Memuaskan nafsu dengan onani adalah haram apabila ianya semata-mata untuk memuaskan syahwat dan merangsangkannya sedangkan ia dalam keadaan tenang. Adapun apabila syahwat mengatasi segalanya di mana akal fikiran sibuk dengannya dan hampir terjunam ke lembah perzinaan serta sudah pasti bahawa onani adalah jalan untuk menenangkannya, maka ia adalah diharuskan. Pelakunya tidak akan diberikan pahala dan tidak berdosa. Dia tidak dibalas dengan kebaikan dan tidak diazab.

Begitulah pemuda muslim sentiasa berusaha memelihara kesucian dan menjauhkan diri daripada perkara yang haram sehingga tiba hari yang Allah berikan kemampuan kepadanya dari limpah kurniaNya dan memudahkan untuk mereka jalan-jalan menuju ke alam perkahwinan. Ketika itu dia akan menjadi sempurna dan seimbang serta memenuhi tuntutan syahwatnya melalui jalan yang halal.

Tetapi adakah memadai pemuda itu menyelamatkan dirinya dari cabaran keruntuhan ini dengan memelihara kesucian diri dan ketinggiannya. Menyelamatkan dirinya dengan cara yang tidak diberi pahala dan tidak berdosa... ataupun dia hendaklah berusaha membendung dan menghapuskan cabaran keruntuhan itu sekadar yang terupaya.?

Ya, tidak harus bagi pemuda muslim berkata: Aku telah memperbaiki keadaanku dan akhlakku telah murni... aku tidak dimudaratkan oleh orang yang sesat apabila aku telah mendapat petunjuk!!. Bahkan dia hendaklah memainkan peranan yang besar di dalam menghadapi cabaran-cabaran keruntuhan yang menyerang negara-negara Islam.

Apakah peranan kamu -wahai pemuda dan pemudi- di dalam usaha membendung cabaran-cabaran ini?

Pada hakikatnya peranan kamu adalah besar dan tanggungjawab kamu di dalam membendung kemungkaran dan menghapuskan kerosakan adalah... penting.

Islam menuntut agar kamu berjalan di atas langkah-langkah yang positif dan marhalah-marhalah yang membina... sekiranya kamu ingin menempatkan dirimu bersama-sama barisan penentang keruntuhan, barisan pengislahan dan perubahan.

Langkah-langkah Penting

Apakah langkah dan marhalah yang terpenting itu?

Pertama: Kamu bergabung jiwa raga ke dalam jemaah Islam yang ikhlas dalam perjuangan, menyakini bahawa Islam sebagai agama dan daulah... Al Quran sebagai manhaj dan perundangan... sejarah Islam sebagai tempat kebanggaan dan ikutan... tamadun Islam sebagai ruh dan pemikiran... bergabung dengan harakah dakwah Islamiah sebagai benteng pertahanan dan sumber semangat... Kamu bergabung dengannya kerana pertolongan Allah adalah bersama jemaah. Kerana amal fardi tidak memberikan hasilnya yang diharapkan di dalam usaha pengislahan dan perubahan. Kerana serigala tidak akan memakan kecuali kambing yang bersendirian...

Oleh kerana itu Al Quran telah memerintahkan umat Islam:

❖ Supaya mereka berpegang teguh dengan tali Allah dan tidak berpecah belah:

واعتصموا بحبل الله ولا تفرقوا

Maksudnya: *Hendaklah kamu sekelian berpegang teguh dengan tali Allah dan jangan berpecah belah.*

❖ Menjadikan orang-orang yang beriman sebagai penolong dan auliya' (pelindung):

ومن يتول الله ورسوله والذين آمنوا فان حزب الله هم الغالبون

Maksudnya: *Barang sesiapa yang berwala'kan Allah dan rasulNya dan orang-orang yang beriman maka sesungguhnya parti Allah adalah yang beroleh kemenangan.*

❖ Supaya lahir dari kalangan umat Islam satu umat yang bangun menyeru manusia kepada kebaikan dan menghapus kerosakan dan kemungkaran yang ada di dalam masyarakat:

ولتكن منكم أمة يدعون الى الخير ويأمرون باالمعروف وينهون عن المنكر وأولئك هم المفلحون

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.* (Ali Imran: 105)

Rasulullah s.a.w juga mengarahkan supaya beriltizam dengan jemaah:
Tirmizi meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. telah berkata: Umar telah berkhutbah kepada kami di Al Jabiah dengan katanya: "Wahai manusia: Sesungguhnya aku berdiri di hadapan kamu seperti berdirinya Rasulullah s.a.w di di hadapan kami (para sahabat) dan bersabda; "Aku berwasiat kepada kamu supaya mengikut sahabatku, kemudian orang yang selepas mereka dan kemudian orang yang selepas mereka kemudian akan tersebar pembohongan, sehingga seorang lelaki bersumpah sedangkan dia tidak diminta bersumpah dan seorang lelaki bersaksi sedangkan dia tidak diminta menjadi saksi. Ketahuilah bahawa seorang lelaki tidak akan bersunyi-sunyian (berkhalwat) dengan seeorang perempuan kecuali yang ketiganya adalah syaitan... Kamu hendaklah bersama jemaah, sesungguhnya syaitan itu bersama orang yang berseorangan. Dia daripada dua orang adalah lebih jauh. Sesiapa yang inginkan syurga maka hendaklah dia beriltizam dengan jemaah."

Di dalam hadis Huzaifah bin Yaman, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhari ketika mana dia bertanya Rasulullah s.a.w: Adakah selepas kebaikan itu ada kejahatan? Rasulullah s.a.w telah berkata kepada Huzaifah: Ya, padanya penyeru kepada neraka jahannam. Sesiapa yang menyahutnya, akan dicampakkan ke dalamnya. Huzaifah berkata: Sifatkan mereka kepada kami. Baginda bersabda: Mereka adalah daripada bangsa kita dan bertutur dengan bahasa kita.!! Huzaifah berkata: Apakah yang engkau akan suruh kepadaku apabila aku menjumpai yang demikian itu? Rasulullah s.a.w bersabda: Hendaklah kamu beriltizam dengan jemaah Islam dan imam mereka..."

Daripada nas-nas ini jelas kepada kamu -wahai pemuda- bahawa menjadi kewajipan umat Islam beriltizam dengan jemaah Islam untuk bekerja bersamanya demi menegakkan hukum Allah di atas muka bumi dan menghilangkan petanda-petanda kerosakan dan kemungkaran di dalam masyarakat Islam... Kerana kebanyakan taklif agama adalah berbentuk jemaah. Sudah tentu seorang muslim tidak berupaya menanggungnya bersendirian dan tidak akan dapat melaksanakannya seorang diri... Bahkan dia mestilah bekerja bersama jemaah dan bergerak bersamanya. Dia mestilah bergerak melakukan kerja-kerja dakwah Islam bersama orang-orang yang beriman dengannya dan berjihad di jalannya... Dan Allahlah tempat memohon pertolongan.

Kedua: Kamu maju ke hadapan untuk menyampaikan dan memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam dengan semangat yang tinggi dan azam yang kental... demi menyelamatkan mereka daripada kerosakan dan keruntuhan, perpecahan dan perselisihan yang melanda mereka serta perancangan jahat dan permusuhan yang menyelubungi mereka... Selepas itu, kamu hendaklah menyelamatkan masyarakat manusia daripada kekufuran, kesesatan dan fahaman keharusan... sebagai melaksanakan firman Allah:

كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله

Maksudnya: *Kamu semua adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi manusia, kamu menyeru ke arah kebaikan dan melarang daripada kejahatan dan kamu beriman dengan Allah.* (Ali Imran: 110)

Al Ustaz Sayyid Qutb telah berkata di dalam tafsirnya "Az Zilal" ketika menafsirkan ayat ini: Sesungguhnya ta'bir di dalam ayat menggunakan perkataan (أمة) dengan `bina' majhul' adalah merupakan satu ta'bir yang menarik perhatian. Ia seolah-olah menunjukkan kepada tangan yang merancang dan lembut yang melahirkan umat ini dan mendorongnya untuk muncul daripada alam ghaib dan daripada tabir yang berlabuh yang tidak diketahui apa yang disebaliknya kecuali Allah... Ia adalah kalimah yang menggambarkan gerakan yang tersembunyi, lembut, satu gerakan yang mengeluarkan umat ini ke pentas kehidupan. Umat yang mempunyai peranan yang khusus, mempunyai kedudukan yang khusus dan mempunyai neraca yang khusus "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi manusia".

Inilah di antara perkara yang mesti disedari oleh umat Islam, supaya mereka mengetahui hakikat dan nilainya dan mengetahui bahawa mereka dilahirkan untuk menjadi penyelamat umat, untuk memimpin mereka... kerana mereka adalah sebaik-baik umat, dan Allah Taala mahukan penerajuan muka bumi ini berada di tangan orang-orang yang baik, bukannya di tangan orang-orang yang jahat. Oleh itu, mereka tidak boleh menerima sebarang pengajaran daripada umat-umat jahiliah yang lain, tetapi merekalah yang sepatutnya menyumbangkan

segala yang dimilikinya kepada manusia seluruhnya yang terdiri daripada aqidah, gambaran, sistem, akhlak dan ilmu pengetahuan yang sohih... Kewajipan umat ini ialah sentiasa menjadi perintis dan pemimpin.

Di antara sumbangan utama yang perlu diberikan ialah memelihara kehidupan manusia daripada kejahatan dan kebinasaan. Oleh itu mereka hendaklah memiliki kekuatan yang membolehkan mereka melakukan amar makruf nahi mungkar, kerana mereka merupakan sebaik umat yang dilahirkan untuk manusia, bukan secara kebetulan ataupun ingin ambil hati... Maha suci Allah dari yang demikian itu. Malah ia merupakan usaha positif untuk memelihara kehidupan manusia daripada kemungkaran dan menegakkannya di atas makruf...

Oleh itu Ia merupakan 'kebangkitan' yang ditaklifkan kepada umat yang terpilih (para da'i). Taklif yang dipenuhi dengan berbagai bebanan dan perjalanannya dipenuhi onak dan duri...

Ketiga: Kamu hendaklah memperkuatkan seruan dakwah yang kamu dokong... dengan hujah-hujah dan bukti-bukti yang jelas serta hujah akal yang meyakinkan.

Ketika kamu menyeru para pemuda supaya menentang keruntuhan dan penyelewengan serta berhenti daripada melakukan kejahatan dan kemungkaran... sudah tentu kamu perlu menyakinkan mereka tentang bahayanya terhadap tubuh badan, jiwa, akhlak dan sosial hasil daripada perbuatan zina dan menurut dorongan syahwat seks. Keyakinan tersebut hendaklah ditanam berdasarkan apa yang telah dinyatakan oleh pakar-pakar jiwa, sosial dan para doktor. Dengan panjelasan dan penerangan ini, manusia akan menerima dakwah dan nasihat kamu dan mereka akan berhenti daripada melakukan perkara-perkara haram dan membinasakan... Sekiranya kamu tidak membawa hujah dan dalil yang jelas, maka kamu tidak ubah seperti orang yang melaung di lembah, atau seperti orang yang menulis di air tanpa menghasilkan apa-apa faedah.

Bahaya-bahaya yang telah dinyatakan oleh para pakar adalah seperti berikut:

1- Bahaya dari sudut jasmani

Penyakit Gonorea (Gonorrhoea).

Penyakit ini berjangkit dari orang yang sihat melalui perbuatan zina. Ia menyebabkan berlakunya inflamasi akut dan kronik pada rahim dan testis. Kadang-kadang ia boleh membawa kepada kemandulan dan memberi kesan negetif kepada bayi yang dilahirkan di mana berlakunya kerosakan pada bahagian mata yang menyebabkan matanya buta.

Penyakit Sifilis (Syphilis).

Penyakit ini merebak melalui hubungan jenis yang tidak disyariatkan. Ia menyebabkan penyakit pada kulit, sendi, tulang, otot-otot, jantung, dan penglihatan. Ia juga menyebabkan luka (yang tidak berdarah) pada kulit, muka dan lidah.

Penyakit Syankroid (Chancroid).

Penyakit ini merebak melalui perbuatan zina. Ia menyebabkan ulser yang menyakitkan pada alat kelamin.

Penyakit Baligh Prekosius (Kematangan organ seksual awal).

Penyakit ini menimpa kanak-kanak disebabkan tersebarnya perbuatan zina. Ia menyebabkan kebangkitan syahwat kanak-kanak sebelum tiba waktu yang sepatutnya. Ia juga menyebabkan tekanan perasaan dan penyakit jiwa kepada kanak-kanak.

Penyakit AIDS (Sindrom Kekurangan Daya Tahan Perolehan).
Penyakit ini tersebar luas di Amerika dan Eropah hasil daripada berlakunya penyelewengan seks (homoseks dan lesbian). Penyakit ini amat merbahaya dan pasti membawa kepada kematian.

Di sana banyak lagi penyakit yang dihadapi oleh masyarakat kesan dari tersebarnya zina dan mengikut dorongan nafsu seks.

2- Bahaya dari sudut akhlak dan jiwa
Penyakit penyelewengan seks
Yang dimaksudkan ialah homoseks dan lesbian. Ia adalah penyakit yang merbahaya. Ia berlaku di antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan. Penyakit ini telah menimpa masyarakat kebanyakan negara yang mendakwa maju dan bertamadun seperti Amerika dan Britain... Di bandar New York Amerika, terdapat setengah juta orang, lelaki dan perempuan ditimpa penyakit ini. Mereka adalah golongan yang melakukannya secara terus terang dan nyata... Adapun yang melakukannya secara senyap-senyap dan tersembunyi...!

Penyakit gila seks
Kamu melihat pengidap penyakit ini sentiasa sibuk sepanjang waktu melayan khayalan-khayalan syahwat keinginan seks... seperti nikah, cium, peluk dan membayangkan anggota wanita yang zahir dan batin... Kamu melihat mereka tidak mempedulikan selainnya. Mereka disibukkan dengan perkara tersebut. Di antara kesannya: sangat pelupa, kurang mengambil perhatian dan kamu melihatnya seperti orang yang dungu ataupun seperti orang yang ditimpa bencana dan kesedihan... Keadaan ini akan mengakibatkan kekusutan di dalam jiwa dan gila terhadap seks. Ia juga akan terjun ke lembah kelazatan dan menurut kemahuan dan keinginan seks tanpa ada batas sempadan dan penghalang.

Di antara kesan daripada penyakit-penyakit ini ialah para pemuda negara Barat dan Timur telah ditimpa sakit tubuh badan, jiwa dan urat saraf. Khorotchof telah berkata dengan terus terang pada tahun 1962 bahawa masa depan Rusia berada dalam keadaan merbahaya dan masa depan para pemudanya tidak lagi terjamin kerana mereka telah tenggelam di dalam syahwat... Di waktu yang sama Kennedy juga telah menyatakan bahawa masa depan Amerika adalah berada dalam bahaya kerana para pemudanya telah tenggelam di dalam syahwat, tidak mampu memikul tanggungjawab yang dibebankan di atas bahunya. Setiap tujuh orang yang dipanggil untuk temuduga askar, didapati enam daripada mereka adalah tidak layak kerana tenggelam di dalam syahwat yang telah merosakkan tubuh badan dan jiwa mereka...
Penulis Perancis Andria Moria telah berkata di dalam bukunya "Sebab-sebab kejatuhan Perancis": Di antara sebab terpenting kekalahan Perancis di dalam peperangan dunia kedua ialah rosaknya bangsa Perancis hasil daripada tersebarnya perbuatan zina. Inilah apa yang telah diseru oleh Jeneral Dhighul selepas menerima teraju kepimpinan. Beliau telah memanggil Polis bandaraya Paris dan berkata, "Tutup semua tempat-tempat arak dan maksiat di bandar ini".

Memang tidak diragukan bahawa mana-mana masyarakat, ketika dia terjun ke medan menghalal dan mengharuskan semua perkara maka ketika itu tersebarlah di dalamnya dasar-dasar mulhid dan wujudiah, serta kes-kes jenayah sosial dan khianat rumah tangga akan bercambah dengan banyaknya... maka lahirlah anak-anak yang tidak mempunyai kemuliaan dan keturunan. Bahkan manusia akan bermusuhan sesama sendiri dan secara umumnya akan hilang segala nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia.

3- Bahaya dari aspek sosial

Ancaman keruntuhan rumah tangga

Ini disebabkan apabila pemuda menunaikan tuntutan syahwatnya secara haram maka kebanyakan mereka tidak memikirkan tentang pembentukan rumah tangga, usaha untuk mendapatkan anak dan memikul tanggungjawab... Begitu juga wanita, apabila terdedah baginya jalan-jalan penyelewengan dan keruntuhan maka dia tidak lagi berminat untuk mengandung, tidak rela mempunyai anak dan tidak berfikir untuk bersuami... supaya dia dapat hidup berdua bersama temannya dalam keadaan bebas, lari dari tanggungjawab dan terjun ke lembah keharusan.!!

Kezaliman terhadap anak-anak

Kerana anak zina tidak mendapat kasih sayang ibubapanya. Di manakah dia boleh mendapatkan itu semua sedangkan dia berada di bawah penjagaan hospital dan taman-taman asuhan.

Kezaliman bagi mereka juga kerana apabila kanak-kanak tersebut besar dan mumayyiz serta merasakan bahawa dia adalah anak zina maka dia akan mengalami tekanan jiwa. Akhlak serta sosialnya akan runtuh... Dia akan menjadi penjenayah terhadap individu dan masyarakat, bahkan terhadap keamanan dan ketenteraman.

Penderitaan lelaki dan perempuan

Ini disebabkan lelaki dan perempuan tidak merasai kehidupan yang tenang dan bahagia serta kehidupan yang tetap dan mulia... kecuali di bawah lembayung kehidupan suami isteri yang terbina di atas kasih sayang dan kemesraan serta bersama-sama menunaikan tanggungjawab. Perkara ini tidak wujud di dalam masyarakat yang tidak banyak berlaku perkahwinan dan di dalam umat yang menurut kemahuan nafsu dan berlakunya penyelewengan akhlak.!!

Memutuskan hubungan kerabat dan silaturrahim

Kerana ketika mana pemuda bujang mengikut kemahuan syahwatnya di medan kelazatan dan perkara-perkara haram... kamu akan melihat bahawa dia seorang yang tersisih dan hina di sisi kaum keluarga dan kerabatnya yang baik. Ini tanpa syak lagi akan menimbulkan di dalam jiwanya ruh penderhakaan dan kurang sopan terhadap orang lain... Bahkan dia akan terdorong ke arah penderitaan yang lebih besar apabila dia melihat ibubapa dan kaum keluarganya memandang kepadanya dengan pandangan serong dan benci.

Adakah di sana dosa -selepas syirik kepada Allah- yang menyamai dosa memutuskan hubungan silaturrahim menurut pandangan Islam?.

Begitulah seterusnya bahaya-bahaya lain yang tidak tersembunyi bagi orang-orang yang mempunyai hati dan penglihatan...

4- Bahaya dari sudut ekonomi.

Tidak ragu lagi bahawa orang-orang yang menumpukan perhatian mereka kepada kelazatan dan syahwat, mengekori segala kekejian dan kehinaan... merekalah penyebab keruntuhan ekonomi bangsa. Itu adalah kerana:

- lemahnya kekuatan mereka.
- kurangnya hasil pengeluaran mereka.
- mereka mengikut jalan yang tidak dibenarkan oleh syara'

Lemah kekuatan

Ini disebabkan mereka yang menurut kemahuan syahwat dan kejahatan... mereka ditimpa sakit tubuh badan, pemikiran, akhlak dan jiwa. Tidak ragu lagi bahawa pengidap penyakit ini akan lemah kekuatannya, lemah tubuh badannya dan runtuh keperibadian. Dengan keadaan ini mereka tidak berupaya untuk memikul tanggungjawab demi menghasilkan kemajuan dan tamadun serta membangunkan ekonomi kerana kelumpuhan yang menimpa tubuh badan mereka.

Kurangnya hasil pengeluaran

Ini disebabkan lemahnya kekuatan dan penyakit yang menimpa mereka... Ia juga disebabkan penggunaan harta pada jalan penyelewengan dan kegilaan... begitu juga tidak ikhlas di dalam bekerja serta tidak tekun bekerja untuk menghasilkan pengeluaran yang tinggi kerana hilangnya dorongan keimanan serta berlakunya keruntuhan akhlak.

Mengikut jalan yang dilarang syarak

Ini disebabkan mereka telah rosak dan tidak ada lagi perasaan takwa kepada Allah yang memelihara mereka... mereka boleh mengumpul harta untuk memenuhi keinginan kebendaan dengan apa cara sekalipun?... jalan riba dan judi, jalan kemewahan dan kepalsuan, jalan rasuah dan suap, jalan mencuri dan memakan harta awam, jalan memperdagangkan kehormatan, filem seks, majalah lucah, benda-benda yang memabukkan dan mengkhayalkan, buku-buku seks dan novel-novel yang mengghairahkan...

Dan berbagai lagi cara yang tidak diizinkan oleh syarak untuk menghimpunkan harta yang mendatangkan kerugian dan mudarat kepada masyarakat dan meruntuhkan akhlak... kerana dengannya akan hancurlah tenaga pengeluaran, tempat-tempat kerja yang sah akan terbengkalai. Maka hiduplah masyarakat sebagai tawanan kepada perbuatan mengeksploitasi dan pencurian... hamba kepada syahwat, syaitan dan hawa nafsu.

Satu persoalan. Kenapa ekonomi dua buah negara besar iaitu Amerika dan Rusia tidak runtuh sedangkan kedua-duanya adalah pusat penyelewengan dan keruntuhan akhlak?. Kenapa kedua-duanya tidak ditimpa dengan keruntuhan ekonomi?. Ini adalah kerana negara-negara tersebut masih berada di tahap kemudaannya. Dan peringkat muda memang tidak nampak tanda-tanda sakitnya. Tetapi apabila negara ini menuju ke zaman tuanya, maka akan berlakulah keruntuhan. Menurut sebuah syair Arab;

Burung tidak akan terbang dan meninggi,
Kecuali, sepertimana dia terbang dia akan jatuh.

Kita juga tidak boleh lupa bahawa negara-negara besar pada hari inilah yang telah memperhambakan umat-umat yang lemah dan bangsa-bangsa yang kecil. Negara-negara inilah yang telah menghisap darah dan merampas harta benda mereka dan menjadikan negara-negara kecil sebagai pasar untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka... Sekiranya

tidak ada perhambaan dan eksploitasi ini, maka akan jelaslah keaiban negara-negara maju ini, berkurangnya hasil pengeluaran dan keruntuhan tamadunnya berlaku semenjak dari duhulu lagi. Walau bagaimana pun tanda-tanda keruntuhan ini telah mula kelihatan pada kerajaan komunis di bidang perniagaan, pengeluaran dan import.

5- Bahaya dunia dan akhirat:
Akhirnya, pemuda-pemuda Islam yang berjalan terumbang-ambing di dalam keruntuhan dan penyelewengan itu akan ditimpa dengan empat perkara yang telah disebut tanda-tandanya oleh Rasulullah s.a.w :

اياكم والزنى فان فيه أربع خصال يذهب البهاء عن الوجه ويقطع الرزق وبسخط الرحمن ويسبب الخلود فى النار

Maksudnya: *Hendaklah kamu menjauhkan diri daripada zina kerana padanya terdapat empat ciri; menghilangkan kejernihan daripada air muka, memutuskan rezeki, menimbulkan kemurkaan Ar Rahman dan menyebabkan kekal di dalam neraka.*

Di antara bahaya agama lagi ialah penzina ketika dia berzina, terlucut daripadanya iman dan Islam... Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w,

لا يزنى الزانى حين يزنى وهو مؤمن...

Maksudnya: *Tidak berzina seorang penzina ketika dia berzina sedangkan dia seorang yang beriman.*

Di antara bahaya di akhirat pula ialah penzina -sekiranya dia tidak bertaubat- akan dilipat gandakan azab ke atasnya pada hari akhirat. Allah berfirman:

والذين لا يدعون مع الله الها آخر ولا يقتلون النفس التى حرم الله الا بالحق لا يزنون ومن يفعل ذلك يلق أثاما يضاعف له العذاب يوم القيامة ويخلد فيه مهانا

Maksudnya: *Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syara'), dan tidak pula berzina, dan sesiapa melakukan yang demikian akan mendapat balasan dosanya; Akan digandakan baginya azab pada hari kiamat dan dia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan.* (Al Furqan: 68-69)

Itulah -wahai para pemuda- bahaya-bahaya utama hasil daripada melakukan perkara-perkara keji dan meraba-raba di dalam kegelapan keruntuhan dan penyelewengan... Ia adalah bahaya -sebagaimana yang kamu saksikan wahai para pemuda- yang memudaratkan kesihatan, akhlak, masyarakat, ekonomi dan agama...

Tidak ragu lagi -wahai para pemuda- apabila kamu memperkuatkan seruan dakwah dengan hujah dan dalil yang jelas serta logik akal yang tajam... maka manusia akan menerima kebenaran dan petunjuk serta berhenti daripada melakukan kejahatan dan kemungkaran, bahkan keadaan dan akhlak mereka akan berubah. Dengan itu, mereka mempunyai persediaan yang sempurna... untuk bergabung dengan jemaah Islam dan menambah bilangan di barisan pemuda yang bekerja dan berjihad di jalan kebenaran... yang bangun menjalankan peranannya yang terbesar di dalam usaha pengislahan dan perubahan.

Keempat: Kamu hendaklah berakhlak dengan akhlak yang tinggi dan mulia yang menjadi seruanmu...

Ini disebabkan orang yang mempunyai sifat yang mulia, ketika dia menyeru manusia kepada kebenaran, dia menyeru dengan penuh rasa kasih sayang dan mempergauli mereka dengan baik... Tidak ragu lagi bahawa dakwahnya lebih berkesan dan ramai manusia yang menerimanya... Sifat lemah-lembut, belas kasihan, tawadhu' dan akhlak yang mulia... pada hakikatnya adalah hasil daripada keimanan, akhlak yang di bawa oleh Islam dan tunjuk ajar Rasulullah s.a.w.

Baihaqi meriwayatkan daripada Amru bin Syuaib daripada Rasulullah s.a.w telah bersabda:

Maksudnya: Sesiapa yang menyuruh melakukan kebaikan maka dia hendaklah melaksanakannya dengan baik.

Imam Muslim meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w:

ان الرفق لا يكون فى الشىءالا زانه ولا ينزع من شىء الاشانه

Maksudnya: *Sesungguhnya apabila lemah-lembut berada pada sesuatu maka ia akan menperelokkannya, dan apabila ia luput daripada sesuatu maka ia akan menghodohkannya.*

Imam Muslim juga meriwayatkan hadis yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah itu lembut dan suka kepada sifat lemah-lembut. Allah memberi kepada sifat lemah-lembut apa yang tidak diberi kepada sifat keras dan tidak diberi kepada yang selainnya."
Saya teringat satu kisah yang diriwayatkan oleh orang yang thiqah mengenai Abu Jaafar Al Mansur: Seorang pemberi ingatan telah datang menemui Abu Jaafar dan dia bercakap kasar dengan baginda. Lalu Abu Jaafar berkata kepadanya: Wahai si fulan berlemah lembutlah denganku. Allah telah mengutuskan orang yang lebih baik daripada engkau kepada orang yang lebih jahat daripada aku, Allah telah mengutuskan Musa kepada Firaun, lalu Allah berfirman kepada Musa:

فقولا له قولا لينا لعله يتذكر أو يخشى

Maksudnya: *Maka berkatalah kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lembut, moga-moga dia beringat atau takut.*

Lelaki tersebut merasa malu terhadap apa yang berlaku dan dia sedar bahawa dia tidaklah lebih mulia daripada Musa, dan Abu Jaafar bukanlah orang yang lebih jahat daripada Firaun.

Prinsip lemah-lembut adalah perkara yang disuruh oleh Al Quran secara jelas;

فبما رحمة من الله لنت لهم ولو كنت فظا غليظ القلب لا نفضوا من حولك

Maksudnya: *Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu). Dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.*

Pada perhitungan saya -wahai para pemuda- ketika salah seorang di kalangan kamu berada bersama-sama dengan manusia dan menyeru mereka kepada Allah berbekalkan perasaan kasih sayang, lemah-lembut dan merendah diri... maka Allah akan mengurniakan kebaikan dan manfaat yang banyak melalui kamu. Bahkan kamu akan menjadi seperti bintang-bintang yang bersinar yang memberi petunjuk kepada orang-orang yang kehairanan dan

bulan purnama yang bercahaya yang menjadi penerang jalan kepada orang-orang yang menyeleweng dan sesat.

Pada perhitungan saya -wahai para pemuda- ketika salah seorang di kalangan kamu berada bersama-sama dengan manusia dan menyeru mereka kepada Allah berbekalkan perasaan kasih sayang, lemah-lembut dan merendah diri... maka Allah akan mengurniakan kebaikan dan manfaat yang banyak melalui kamu. Bahkan kamu akan menjadi seperti bintang-bintang yang bersinar yang memberi petunjuk kepada orang-orang yang kehairanan dan bulan purnama yang bercahaya yang menjadi penerang jalan kepada orang-orang yang menyeleweng dan sesat.
Akhirnya, ingatlah wahai para pemuda!!.
Selama-lamanya tidak memadai dengan engkau berkata: Kami telah memperbaiki keadaan kami dengan keimanan yang kami miliki, dengan Islam, akhlak kami telah luhur dan kami tidak akan dimudaratkan oleh orang-orang yang sesat kerana kami telah mendapat petunjuk...

Tidak, ini sekali-kali tidak memadai. Bahkan tanggungjawab kamu -wahai para pemuda- adalah lebih besar daripada itu... Tanggungjawab kamu ialah mara ke depan dengan kesungguhan bekerja, membebaskan diri dari kongkongan perasaan malas dan lemah serta mengharungi kehidupan dengan penuh keazaman dan keikhlasan, tidak dihalang oleh rasa gementar dan sebarang rintangan... untuk melayakkan kamu melaksanakan tanggungjawab yang besar di dalam menghadapi cabaran-cabaran keruntuhan dan penyelewengan yang mencengkam umat Islam. Bahkan menjadi kewajiban kamu membebaskan masyarakat Islam dari lembah kerosakan, penyelewengan dan faktor-faktor keruntuhan berdasarkan langkah-langkah positif dan marhalah-marhalah yang telah dikaji... Semoga Allah sentiasa bersama kamu dan Dia tidak akan membiarkan usaha kamu begitu sahaja kerana Dia telah berjanji di dalam kitabNya yang mulia:

ان تنصر الله ينصركم ويثبت أقدامكم

Maksudnya: *Sekiranya kamu membela (ugama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.* (Muhammad: 7)